



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2013	(Halaman 22)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 23)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II**
20. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
21. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
22. " Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
23. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
24. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
25. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
26. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
30. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
31. " Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
32. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Senator – Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
33. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

35. Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator -
– Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
39. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
40. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
41. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
43. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
44. “ Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik) – *Senator
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
45. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
46. “ Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator
– Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
47. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
48. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
49. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
50. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
51. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
52. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
53. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
54. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
55. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
57. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
58. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 13 Disember 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah peruntukan yang telah diutilisasikan di bawah *Commercialization Innovation Fund* (CIF) daripada peruntukan RM500 juta setakat ini. Apakah jenis-jenis produk yang telah dipasarkan di bawah skim ini dan pecahan mengikut sektor industri. Apakah impak pasaran produk-produk ini daripada GDP.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, *Market Commercialization Fund* sebenarnya tidak wujud. Sebaliknya, dana yang diwujudkan dalam Belanjawan 2012 dengan peruntukan sebanyak RM500 juta adalah Dana Inovasi Pengkomersialan Patuh Syariah atau *Commercialization Innovation Fund* (CIF).

Dana ini merupakan satu skim yang diwujudkan oleh kerajaan bertujuan untuk memberi pembiayaan secara islamik kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berinovasi tinggi dan ingin memulakan perniagaan produk, penyelidikan baru dan pengkomersialan setelah selesai menjalani proses pengkomersialan pasaran. CIF diselenggarakan oleh *SME Corporation* di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama Persatuan Institusi Perbankan Malaysia (AIBIM).

Secara umumnya, permohonan pembiayaan CIF terbuka kepada semua sektor perniagaan dengan tumpuan utama kepada sektor-sektor yang mempunyai potensi untuk mengeluarkan produk-produk yang kreatif dan inovatif seperti bioteknologi, komunikasi dan teknologi maklumat ataupun ICT serta produk yang mempunyai nilai harta intelek. Sejak skim ini dilancarkan pada 1 Julai 2012 dan sehingga kini, pihak institusi kewangan telah menerima tujuh permohonan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM23.3 juta. Daripada jumlah ini, satu permohonan telah diluluskan melibatkan pembiayaan berjumlah RM2 juta manakala yang lain masih dalam proses penilaian kredit. Semua permohonan yang diterima merupakan syarikat PKS yang bergiat dalam sektor ICT.

Skim ini dijangka memberi manfaat kepada 100 buah syarikat PKS yang mana hasil pengeluaran produk yang kreatif atau inovatif tersebut berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan Pelan Induk PKS. Antara lain menyasarkan sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 41 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan pertanyaan tambahan pertama, Yang Berhormat Dato' Jaspal.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jawapan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya dapati begitu kurangnya syarikat yang telah mengambil bahagian dalam skim ini. Saya dengar tadi daripada jawapan itu hanya sebuah syarikatkah yang telah diluluskan?

Jadi, ini bererti banyak yang tidak tahu atau skim ini mungkin tidak begitu *attractive*. Akan tetapi yang pentingnya, skim ini sepatutnya jadi satu *catalyst*, dengan izin, bagi generasi muda yang berbakat dalam penciptaan dan perekaan inovasi, membawa idea mereka ke pasaran melalui syarikat-syarikat SME, PKS. Soalan saya ialah, berapa banyak generasi muda di bawah umur 30 tahun telah terlibat dalam skim ini?

Apakah skim ini memberi peluang atau memberi prioriti kepada mereka yang telah mendapat geran di bawah skim *Cradle Fund*? Adakah mereka diberi prioriti, generasi muda ini membawa produk-produk yang mereka telah reka di bawah skim *Cradle Fund* ke pasaran melalui skim ini? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu hanya satu yang dapat pada masa ini. Saya memang setuju. Angka ini memang kurang sebab kita ada satu sasaran iaitu kita harap boleh bantu 100 buah syarikat PKS. Dalam hal ini, saya hendak memberi sedikit maklumat mengenai program ini. Seperti yang saya katakan tadi, dana ini kita harap ia dapat membantu syarikat PKS secara islamik iaitu mematuhi syariah. Enam buah bank Islam yang mengambil bahagian dalam program ini iaitu Bank Islam Malaysia, Bank Muamalat, RHB Islamic Bank, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Amlslamic Bank Berhad, *Kuwait Finance House* (Malaysia) Berhad.

■1010

Ini bertujuan ialah untuk syarikat PKS yang boleh bantu mereka secara modal kerja, pembelian aset dan menaik taraf perniagaan. Syarat kelayakan mereka mesti adalah status PKS dan memiliki sekurang-kurangnya 51 peratus rakyat tempatan dan mempunyai harta intelek berdaftar dan jumlah maksimum untuk setiap permohonan adalah RM5 juta. Subsidi daripada kerajaan atau Kementerian Kewangan adalah 12 peratus daripada jumlah pembayaran yang diluluskan untuk tempoh sehingga lima tahun.

Memang kita tahu ada banyak tabung di kementerian yang lain seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, dan juga MITI. Kita haraplah mereka yang bertanggungjawab boleh buat *some marketing* supaya orang tahu dan saya setuju kita mesti menaikkan kesedaran untuk PKS. Sekian.

2. Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah perancangan yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh pihak kementerian dan agensi untuk memastikan Malaysia memenangi pingat emas pertama Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil setelah negara memperoleh pingat perak dan gangsa di Olimpik London 2012 lalu.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Izinkan saya untuk menjawab soalan itu bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam yang juga pada hari ini, sepatutnya soalan nombor 22 yang menyentuh perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Bagi kita dalam menghadapi persiapan Sukan Olimpik di Rio pada tahun 2016 pada kali ini, daripada segi strateginya kita tidak lagi bercakap tentang persiapan untuk berhadapan dengan Sukan Olimpik Rio iaitu empat tahun yang akan datang. Pada kali ini kita- strategi kita ialah persiapan Rio dan persiapan Olimpik tahun 2020. Ertinya persiapan pada kali ini ialah bukan hanya empat tahun tetapi lapan tahun. Ini kerana pengalaman kita yang lepas untuk menyediakan seorang atlet itu bagi memberikan impak dalam sukan Olimpik untuk empat tahun adalah tempoh masa yang begitu pendek.

Sebab itulah persiapan kita ialah lapan tahun daripada sekarang, supaya kita dapat berfikir misalnya kalau seseorang yang kita rasakan *peak* usia untuk menjadi atlet yang terbaik usianya 20 tahun. Kalau lapan tahun ertinya kita sudah mencari bakat ataupun mula membangunkan mereka yang berkenaan itu pada usia 12 tahun yang ada sekarang. Ertinya ia memerlukan kerjasama bukan sahaja apa yang dibuat oleh Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara tetapi juga kerjasama dengan pihak Kementerian Pelajaran untuk mengenal mereka yang boleh diketengahkan lapan tahun daripada sekarang.

Strategi yang keduanya ialah kalau dahulunya kita ghairah tentang apa yang disebutkan untuk mencapai emas yang pertama, tetapi pada kali ini soal emas yang pertama masih dikekalkan, tetapi juga kita mesti berjuang untuk mendapatkan pingat-pingat yang lain sebagai salah satu daripada objektif kita.

Ketiganya ialah bagaimana untuk memperbanyakkan lagi atlet-atlet kita yang menyertai Sukan Olimpik pada kali ini berdasarkan pada merit. Ini kerana kelayakan itu sebenarnya penting bagi membuat *forecast* kejayaan di masa yang akan datang. Misalnya Pandelega yang kita dapat pada hari ini dia sudah dahulunya berjaya- adalah merupakan seorang atlet kita apabila bertanding di Beijing.

Pada kali ini dia berjaya sehingga mendapat medal iaitu pingat Perak. Azizulhasni misalnya di Beijing dahulu dia hanya sekadar masuk ke separuh akhir. Akan tetapi kali ini akhir dan kita mengharapkan dalam pasukan yang akan datang, Azizulhasni akan memberikan pingat kepada kita. Harapan kita adalah emas kerana sehingga sekarang daripada segi rankingnya yang menjadi pencabar utama ialah mereka yang sudah pun berusia 32 tahun, sedangkan Azizul usianya 24 tahun sekarang ini.

Jadi ini adalah antara perkara yang kita rasakan bahawa pendekatan kita pada kali ini sedikit berbeza, apatah lagi peruntukan yang telah diberikan melalui bajet yang diluluskan baru-baru ini agak berbeza dengan yang lepas. Bajet yang lepas kementerian hanya dibenarkan berbelanja bagi program *Road to London* berdasarkan pada peruntukan yang sedia ada. Ertinya kalau pada peringkat awal kita hanya mengenal pasti ada tiga sahaja bidang iaitu badminton, memanah dan basikal, tetapi kemudiannya apabila kita sudah tahu bahawa kemungkinan dalam bidang terjun, tambah daripada RM16 juta jadi akhirnya RM20 juta, apabila kita cuba untuk memasukkan beberapa jenis sukan yang lain.

Hanya menggunakan peruntukan sedia ada, ertinya kita terpaksa korbankan sukan lain sekiranya kita ingin mencapai matlamat tersebut. Akan tetapi dalam bajet baru ini, apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu bajet khas untuk Sukan Olimpik ini persiapan bagi Rio ialah sebanyak RM50 juta. Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan bahawa RM50 juta itu adalah kecil kalau dibandingkan dengan bajet yang disediakan oleh negara-negara lain yang lebih besar. New Zealand dekat RM500 juta untuk program Olimpiknya. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini nampaknya sudah dua kali saya lihat satu-satunya kementerian yang prihatin. Ada Menteri dan ada dua Timbalan Menteri. Jadi maksudnya kementerian ini betul-betul melihat apa yang kita perkatakan dalam Dewan. Tahniah, saya ucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan... [Tepuk]

Jadi seterusnya daripada segi penjelasan yang diberikan oleh pihak Menteri tadi, saya ingin tahu juga dari Rio sampai ke Olimpik. Jadi sekarang kita cuma ingin tahu daripada segi status prestasi program yang dijalankan untuk mencapai ke arah tersebut. Bermaksud terkecuali daripada segi sukan-sukan berprestasi yang kita mempunyai *target* seperti basikal, terjun dan juga badminton. Jadi kita ingin tahulah daripada segi status prestasi program dan juga pencapaian pada masa sekarang daripada segi *progress* tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini apabila sudah diberikan peruntukan yang lebih besar, walaupun kalau bagi kita belum mencukupi kalau kita sebutkan berbanding dengan negara-negara lain, kita dapat RM50 juta. Australia misalnya persiapan mereka memerlukan, kalau kesemuanya kita terjemahkan kepada ringgit lebih kurang RM100 juta. UK misalnya dalam persiapan yang lepas mereka belanja GBP500 juta iaitu lebih kurang RM2.4 billion sebab mereka- persiapan atlet bukannya penganjuran. Banyak lagi negara lain kalau dibandingkan Korea, Jepun dan sebagainya, besar.

Bagi kita adalah satu sedikit kelegaan, bahawa sekarang ini ruang lingkup kita boleh diperbesarkan yang mana, *insya-Allah* apa yang perlu dibina sekarang ini terdapat 17 disiplin berdasarkan kepada jumlah atlet. Misalnya kalau badminton sudah kita persiapkan misalnya untuk sekurang-kurangnya 43 orang atlet badminton. Kalau memanah ada 16 atlet.

Pada kali lepas, pencapaian terbaik, kita berjaya masuk antara lapan yang terbaik dunia. Mananah ini satu acara yang penting kerana kita kena faham juga bahawa dalam dunia Olimpik sekarang ini, salah satu daripada faktor kenapa Olimpik itu berjaya kerana ia juga dilihat daripada perspektif komersial. Mana acara yang dilihat paling banyak mendapat tumpuan dunia dari segi tontonan televisyen, ia mempunyai rating yang tinggi. Jadi kalau kita katakan kita ghairah dengan badminton, badminton itu dianggap antara yang termurah.

Misalnya dahulu, tiket untuk masuk badminton GBP68, tetapi kalau tiket hendak masuk *final* Azizulhasni GBP350, kali dengan lima duit kita RM1,500. Akan tetapi kalau tiket hendak masuk tengok Pandelega terjun GBP420. Akan tetapi kalau hendak tengok Usain Bolt misalnya berlari, GBP1,000. Itulah antara perbezaannya yang memberikan impak yang berbeza.

■1020

Oleh sebab itu, memenah misalnya satu acara yang mengagumkan kerana sebelum atletik ataupun acara olahraga bermula, ia dianggap merupakan acara yang mendapat tontonan yang paling besar di Amerika. Ada dua sebab. Pertamanya kerana waktu itu ada satu *movie* yang menjadi *blockbuster*, "*Hunger Game*". Keduanya kerana teknik bagaimana menyiarkan acara tersebut merupakan teknik-teknik yang baru, mempunyai sebelas, dua belas kamera, bagaimana pengulasan yang baik.

Pada waktu itu daripada saya tidak ingat berapa ratus negara yang menyertainya bahawa atlet kita Khairul misalnya mendapat tempat yang kelapan, antara *top eight* misalnya, mengalahkan juara dunia dari Britain yang disaksikan oleh beribu orang. Jadi ini antara perkara yang kita lihat bahawa ini adalah bidang-bidang yang Malaysia berpotensi.

Satu perkara yang fenomenon misalnya baru-baru ini dikatakan walaupun kita tidak berjaya mendapat emas tetapi ada lapan acara yang mana atlet Malaysia berjaya masuk *final*. Masuk *final* bukanlah satu perkara yang mudah. Ini termasuk badminton; Azizul - *bicycle*; Heidi Gan - *open water swimming*. Berenang bukan di sungai Gombak, di sungai Golok. Di Sungai Thames yang berbeza dia punya suasana, cuaca dan sebagainya, suhu yang berbeza. Dia dapat nombor enam belas masuk dalam *final* acara tersebut.

Ada lima acara yang masuk *final* dalam acara *diving*. Ini antara acara yang tidak kita kenal pasti di peringkat awal tetapi lima acara *diving* ataupun terjun, kita berjaya masuk *final*. Sekarang ini diiktiraf bahawa Malaysia adalah merupakan salah satu gergasi acara terjun yang terbesar di dunia. Kita pada waktu itu bajet kita adalah kecil dibandingkan misalnya *team diving* dari *Great Britain*. Mereka membelanjakan RM4 juta *pound* untuk *team* mereka. Oleh sebab *diving* ini adalah satu acara yang dianggap antara sukan yang paling sukar. Ini kerana misalnya *diving* ini kalau hendak ditukar satu tahap kesukaran daripada misalnya dua *somersault* hendak tambah setengah *somersault* campur dengan *twist*. Satu *level* memerlukan satu tahun untuk *master*.

Kalau di negeri China itu, kalau mereka sudah masuk *diving team* usia sepuluh tahun, dia tidak boleh makan malam sudah. Dia hanya dibenarkan sebiji epal dengan satu cawan yogurt kerana hendak kekalkan berat badannya. Esok berubah sahaja, dia akan lari. Ini antara perkara yang paling sukar pada waktu itu. Oleh sebab itu kalau Britain terpaksa mengambil belanja RM4 juta *pound* ataupun RM20 juta duit kita, mereka hanya mampu untuk mendapat satu gangsa melalui acara lelaki terjun 10 meter. Akan tetapi Malaysia yang belanja sedikit sahaja kerana kita ada seorang sahaja pada waktu itu, profesional *coach* yang kita ambil pun dapat satu gangsa melalui Pandelega acara yang sama tetapi perempuan.

Akan tetapi ini sebenarnya turut mengubah cara kita berfikir. Acara begini tidak boleh seorang. Hendak bangunkan seorang, dia perlukan seorang *coach*. Jadi kita akan mempunyai tambahan kepada *coach*nya dan sekarang ini sudah dilihat bahawa dalam dunia selain dari China, mungkin Britain dan Australia. Maka Malaysia sudah diiktiraf. Kalau kita, *team* kita masuk dalam acara-acara, orang akan tabik, orang akan tengok, orang akan mendekati atlet kita bahawa ini adalah merupakan salah satu daripada bidang yang boleh kita banggakan.

Jadi kalau saya lihat begitu juga tentang *bicycle*, tentang akuatik, renang berirama, angkat berat dan sebagainya, ada 17 acara lain yang sebenarnya termasuk menembak yang kita rasakan Malaysia boleh ke depan dan boleh menjanjikan satu keputusan yang baik bukan hanya empat tahun tetapi sekurang-kurangnya lapan tahun yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ramai bangun ini. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Najeab.

Dato' Mohammed Najeab bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Berhormat Menteri dan rombongannya. Kita tidak boleh lari daripada tajuk.

Malam ini lebih penting daripada Olimpik di Rio. Malam ini penentu sama ada Malaysia akan mempertahankan AFF Suzuki. Saya hendak melahirkan ketidakpuasan hati saya di atas layanan AFF dan juga Persatuan Bola Sepak *Thailand* terhadap pasukan kita yang tidak diberi peluang untuk berlatih di tempat yang sepatutnya. Jadi sepatutnya saya menyarankan di masa-masa akan datang agar pihak kementerian dalam masa-masa yang kritikal begini mengambil peranan penting di hadapan untuk membantu menaikkan moral, semangat, *team* dan juga memastikan kejayaan di sebelah kita, *insya-Allah*.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang mungkin ada beberapa jenis sukan Yang Berhormat Menteri tidak sebut tadi. Antaranya boling iaitu baru-baru ini kita ada seorang *bowler* baru, tidaklah baru sangat tetapi sudah mencapai ataupun telah mendapat pengiktirafan dunia. Dia menang AMF *World Cup* di *Poland*.

Saya merayu agar sukan-sukan yang begini, yang kurang popular dan tidak memerlukan infrastruktur yang besar diberi perhatian. Umpamanya kita bina gelanggang-gelanggang ataupun boling-boling *alley* untuk menaikkan taraf sukan ini. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan tadi kalau saya cuba jawab sepintas lalu soalan yang pertama. Yang kedua sepintas lalu. Kedua itu agak lari daripada tajuk Olimpik. Boling belum lagi merupakan Sukan Olimpik. Kita ucapkan tahniah kepada adik Syafiq Ridhuan yang berjaya dalam kejohanan dunia, daripada 85 negara yang masuk, beliau juara.

Akhir sekali itu dalam *final* mengalahkan profesional *bowler* dari Amerika. Amerika, *bowler* dia sudah profesional. Kita beri tumpuan dan ini antara sukan yang kita anggap paling maju dan yang Malaysia dapat lahirkan dan sentiasa memberikan *impact* yang bagus dalam sesuatu sukan yang lain seperti sukan Asia, Sukan SEA dan sebagainya, boling adalah sentiasa merupakan kita katakan sebagai bank pingat yang dapat kita lahirnya. Cumanya malang boling belum masuk ke Sukan Olimpik.

Keduanya tentang soalnya hendak membina *bowling alley*. Ini saya ada sedikit perbezaan kerana boling macam golf juga. Ia adalah merupakan sukan yang dibina melalui industri yang tersendiri. Kalau sukan yang telah mencapai tahap industri ini selalunya kita tidak boleh mengharapkan kerajaan yang buat. Kalau kerajaan yang buat, dia tidak menjadi. Selalunya kalau padang golf yang kerajaan itu macam-macam ada *problem*. Akan tetapi kerajaan, padang golf yang dibina diuruskan berdasarkan kepada komersial ia adalah lebih baik.

Begitu juga *bowling alley* dan sebagainya. Tidak boleh kerajaan bina. Mestilah berdasarkan faktor komersial. Faktor komersial ini dia akan uruskan, terdapat orang ramai datang, dia ada *business model* dan sebagainya. Sama sebenarnya, bola sepak pun begitu. Kalau kita lihat negara yang maju bukannya- tanya *Old Trafford* misalnya, EPL itu mana ada gunakan stadium kerajaan. Tidak ada. Semuanya digunakan stadium yang dibina oleh kelab yang diuruskan secara komersial. Ia adalah lebih baik daripada apa yang- sebab kerajaan ini, hari ini hendak baiki, dia kena mesyuarat hendak dapatkan bajet, hendak dapatkan apa. Akan tetapi komersial hari ini kalau padangnya, esok begini. Kalau rumputnya begini, esok begini. Semuanya adalah berdasarkan kepada faktor komersial yang kita rasakan lebih baik dan boling biarkan secara begini. Cuma kita galakkan. Mungkin kerajaan boleh cari sistem mengurangkan *tax*, memberikan galakan kepada pembinaan gelanggang-gelanggang boling dan sebagainya.

Kedua pasal bola tadi, mari kita semua berdoa. Malam ini KBS menganjurkan tengok skrin besar banyak-banyak dan ramai-ramai dekat Wangsa Maju. Kita doakan supaya *team* kita sekali lagi berjaya melangkah ke peringkat akhir dan *insya-Allah* mempertahankannya. Kita harapkan begitu. Taktik yang digunakan oleh Thailand saya rasa ini sebahagian daripada taktikal psikologi yang kadangkala digunakan juga *even*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kelab-kelab profesional di Britain dan sebagainya, layanan yang kurang baik diberikan kepada pasukan yang menjadi tamu. Bagi kita sudah tentu dianggap tidak profesional. Pihak FAM telah membuat pengaduan kepada AFF tentang perkara ini.

Semalam mereka minta maaf tetapi apa hendak terjadi. Mereka minta maaf kenapa diberikan tempat berlatih yang tidak ada bilik persalinan, yang becak, yang tiang gol sudah berkarat dan sebagainya. Ini digunakan.

■1030

Di Indonesia dahulu lagi teruk. Kita bukan sahaja tidak boleh pergi pun ke tempat berlatih, berlatih di hadapan hotel pun penuh dengan penonton tuan rumah pada waktu itu di Indonesia yang mem-*boo!* Menyorak kita. Pemain kita itu hendak pergi ke stadium pun, akhirnya terpaksa menggunakan kereta perisai barakuda. Di sorak dan sebagainya. Ini adalah merupakan perkara yang sebenarnya perlu kita bina dari segi ketahanan mental pemain kita yang akan berhadapan dengan semua perkara ini. Sebab itulah pihak kementerian, misalnya memberikan *booster* semangatnya, kita menganjurkan dengan AirAsia. Sebagai contohnya, kementerian membayar kepada AirAsia sebuah pesawat khas untuk mereka pergi ke sana.

Ini berdasarkan pengalaman kita sewaktu kita menang dalam sukan SEA di Jakarta, Indonesia yang lepas. Kita kembalikan mereka dengan pesawat khas kerana tidak boleh menunggu lebih lama lagi pesawat khas AirAsia. AirAsia begitu bermurah hati menggunakan duit yang kita bayar untuk mengecat seluruh kapal terbang tersebut dengan gambar harimau. Satu pengiktirafan yang diberikan. Pesawat ini kita gunakan untuk membawa pemain kita pada hari ini, pergi ke Thailand. Kita menjanjikan kepada mereka, kalau dahulunya pesawat itu ditulis, "*Semangat Harimau Muda*", kalau menang kali ini kita akan mengecat satu lagi pesawat "*Semangat Harimau Malaya*". Bukan semangat harimau 'tua' pula, semangat Harimau Malaya. Harimau 'tua', kitalah semua... [Ketawa] "*Semangat Harimau Malaya*".

Sebenarnya, ia memberikan *booster*. Ini kerana selama ini dianggap pemain bola sepak ini, semua pemainnya daripada Manchester United, Chelsea, Real Madrid. Jika mereka *travel* ataupun bergerak ke mana-mana akan menggunakan pesawat khas. Dalam konteks Asia Tenggara, ini pertama kali yang mana satu *team* bergerak ada satu pesawat. Kalau Chelsea pun pesawat mereka tidak ada cap Chelsea. Ini kapal terbang cap Harimau Malaysia sahaja ada, kapal terbang cap harimau bukannya harimau cap kapal terbang. Kapal terbang cap Harimau Malaysia ada dan saya tanya, mereka merasa benar-benar bangga dan bertanggungjawab untuk bermain dengan lebih baik dengan pengiktirafan yang diberikan.

Ramai orang bertanya dengan saya, "*Ala, takkan ini, kalau beli tiket biasa pun lebih murah atau sebagainya*". Saya kata, "*Kalau Ketua Pembangkang berjalan pun menggunakan pesawat khas sekarang ini, takkanlah pemain yang berjuang macam ini tidak boleh disediakan*". Bezanya tidak banyak kalau kita kira-kira. Kemudiannya ada beberapa *deal* lain kita dengan AirAsia untuk membantu *sponsor* lebih banyak lagi kegiatan-kegiatan sukan yang ada di negara kita. Ini antara yang kita katakan, jika mereka psiko pemain-pemain kita, kita boleh *boostkan* semangat mereka itu dengan pelbagai cara. Jadi, inilah antara yang cuba kita lakukan dan kita mendoakan supaya *team* kita menang malam ini dengan kemenangan yang cemerlang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Inilah rupanya Menteri Belia dan Sukan. Dia pun bersemangat dan dia pun sanggup datang ke Dewan sungguhpun 'harimau' beliau masih berada di Thailand lagi. Saya mempersilakan soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri, maksudnya Malaysia memang berazam hendak memenangi pingat emas dalam badminton ataupun sukan terjunan. Setahu saya, Pusat Akuatik Nasional di bahagian platform terjunannya dikatakan mengalami kerosakan yang teruk beberapa bulan yang lepas. Selepas itu, setahu saya dilaporkan oleh *Chinese newspaper*, dengan izin. Saya juga mengetahui Yang Berhormat Menteri telah melawat semalam ke pusat akuatik sukan itu.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, mengapakah kaedah ini boleh berlaku? Adakah banyak lagi pusat latihan sukan yang lain juga mengalami masalah seperti berikut? Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tidak adalah perkataan teruk dan tidak benar saya melawatnya semalam. Sebaik sahaja habis Sukan Olimpik, saya terus melawatnya. Terdapat beberapa rungutan tentang beberapa isu yang dikaitkan dengan kemudahan di pusat akuatik tersebut.

Misalnya, pusat akuatik ini dibina apabila kita menganjurkan Sukan Komanwel dalam tahun 1998. Ia dibina mengikut spesifikasi pada waktu itu, misalnya pada waktu itu tidak ada acara *synchron diving*.

Synchron diving ini satu acara yang mana bukan seorang yang terjun tetapi dua orang terjun secara serentak. Dia hendak tengok macam mana dia punya *synchronization* ataupun kedua-duanya. Kalau *somersault*, dia punya *twist* akhirnya sama. Jadi, dahulu tidak ada acara ini, sekarang sudah ada. Jadi, orang tanya platform itu tidak boleh hendak seorang duduk di hujung dan seorang duduk di hujung ini berdasarkan kepada spesifikasi yang dahulu. Oleh sebab itu, perkara-perkara ini kita atasi kerana ia memerlukan sedikit masa, bukan sahaja hendak menambah tetapi beberapa teknikal akan dibuat.

Keduanya, mengenai isu yang berkaitan *dry gym*, *gym* pusat akuatik ini. Ada dua *gym* untuk sukan terjun ini. Satu *gym* biasa untuk menguatkan otot-otot kita bagi menambahkan stamina dan sebagainya. Akan tetapi, untuk melatih orang daripada peringkat awal hendak buat *somersault*, buat *twisting*, di peringkat awal, ia mempunyai *gym* yang khusus untuk perkara tersebut. Ada isu yang berkaitan dengan ia punya *netting*, tempat jatuh, bagaimana hendak *landing* dan sebagainya. Sebahagian besar daripada peralatan itu kita *order* dari luar negara. Jadi, kita tengok ini perlu diperbaiki, maka kita *order*lah. Ia di dalam perjalananlah *order* itu. Jadi, kalau dalam perjalanan, kita beritahu sabar. Akan tetapi isu yang *immediate*, misalnya kita katakan- sebab *diving* ini mempunyai satu acara yang unik seperti yang sudah saya beritahu tadi.

Kalau pemain bola kita sebut *coach* seorang sahaja, Datuk K. Rajagobal sahaja untuk menjaga 25 orang pemain, yang bermain 11 orang dan di luar pun sebagainya ada 25 orang. Kita ada satu lagi, satu dua *coach* untuk *conditioning*. *Conditioning*, maknanya untuk memberi stamina, *fitness*, *tough* badan dia. Sebab itu, dahulu kalau tengok pemain kita, 80 minit sudah longlai. Kalau jatuh tidak boleh bangun tetapi sekarang ini sudah berbeza. *Conditioning coach* yang kita ambil itu, sekarang ini kita bagi *gym* dan sebagainya. Kita tengok pemain kita lebih *tough* lagi. Bukan daripada aspek *skill* sahaja tetapi kekuatan tubuh, fizikal dan sebagainya dianggap sebagai satu daripada aspek yang penting. Akan tetapi kalau dalam *diving* ini susahnyanya, sekarang ini kita bina, kita melatih lebih kurang lebih daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, cukuplah itu Yang Berhormat.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Sikit lagi sebab hendak jawab yang ini. Kita memerlukan lebih banyak *coach* untuk ini. Setiap orang yang hendak dibina, kena ada seorang *coach*, kalau boleh. Untuk seorang *coach*, untuk dua, tiga orang dan ini juga sudah kita atasi sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan pertanyaan nombor tiga, Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

3. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, faktor-faktor yang menyebabkan kebergantungan kepada warga asing untuk pekerjaan buruh, impaknya terhadap keselamatan dan ekonomi negara, serta langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kebergantungan itu.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana menanyakan soalan berkenaan dengan Dasar Penggunaan Pekerja Asing di dalam negara kita. Kita mesti memahami bahawa dua faktor menyebabkan keperluan menggunakan tenaga pekerja asing di dalam negara kita. Salah satu daripadanya ialah perkembangan ekonomi kita yang di dalam 20, 30 tahun yang lalu telah mencapai satu pembangunan yang begitu pesat. Kedua ialah peningkatan taraf pendidikan rakyat Malaysia, contohnya daripada butiran yang kita ada. Kalau kita ambil dan membandingkan peratusan rakyat Malaysia yang menamatkan pendidikan mereka di peringkat sekolah rendah, pada tahun 1990 lebih kurang 61 peratus .

Ini bermaksud, pada tahun 90-an, lebih daripada 60 peratus daripada murid kita menamatkan pendidikan di peringkat sekolah rendah. Akan tetapi pada tahun 2010, telah turun kepada 26 peratus. Itu bermaksud lebih daripada 75 peratus melanjutkan pelajaran mereka lebih daripada peringkat sekolah rendah dan lebih daripada 60 peratus sampai ke sekolah menengah atau sampai ke peringkat SPM.

■1040

Ini sudah mewujudkan satu keadaan. Kita tidak mempunyai jumlah tenaga kerja untuk mengambil kerja-kerja iaitu yang memerlukan *low skills* yang boleh membuat kerja-kerja yang dipanggil *dirty, difficult and dangerous* atau *three D's*. Itulah sebabnya kita memerlukan pekerja-pekerja asing untuk mengisi kekosongan yang ada di dalam peringkat ini. Akan tetapi, jikalau kita lihat secara positif, pengambilan pekerja asing ini mempunyai satu efek yang positif terhadap ekonomi kita. Mereka mempunyai nilai ekonomi dan tambahan pula kerana mereka ada, ini mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia di peringkat yang lebih tinggi daripada apa yang kita ada. Jikalau tidak ada contohnya, kalau tidak ada operator di *factory*, rakyat Malaysia yang kerja sebagai *supervisor, technician, atau manager* ini tidak akan mendapat peluang membuat kerja.

Oleh itu, apabila kita lihat kepada isu pekerja asing ini, kita kena lihat daripada *holistic manner* dengan lihat kepada nilai ekonomi mereka dan adakah keadaan mereka ini menyumbang kepada pembangunan ekonomi kita pada keseluruhannya. Itulah sempadan-kerajaan memang sedar bahawa mereka mempunyai dasar yang terbuka yang mana kita membenarkan pekerja asing di dalam untuk mengisi tempat-tempat di mana rakyat Malaysia tidak mahu kerja tetapi ini mesti dibuat secara lebih *affirmative* dan langkah-langkah untuk mengurangkan bilangan mereka.

Ini dibuat di beberapa bidang contohnya di dalam bidang pembuatan. Satu transformasi besar sedang berlaku di dalam peralihan daripada industri yang pada masa dahulu itu ialah yang bergantung kepada *low skill labour* intensif kepada *high skill knowledge-based and low labour industry*. Perubahan industri ini akan berlaku tetapi tidak boleh berlaku di dalam satu jangka masa yang pendek dan ini ialah asas ekonomi *transformation programme* di dalam kedua belas NKEA yang telah ditetapkan tumpuan diberi kepada ekonomi dan industri yang diasaskan kepada pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Dengan perubahan ini, saya mempunyai keyakinan bahawa kebergantungan kita kepada tenaga pekerja di peringkat rendah ini akan kurang dan kita memerlukan mereka di peringkat yang lebih tinggi.

Di dalam sektor perladangan, ada usaha walaupun tidak boleh dikatakan telah mendapat kejayaan yang besar menggunakan cantas dan alat-alat yang lain macam itu. Di dalam bidang pembuatan, pembinaan, kita telah memberi saranan bahawa seboleh-bolehnya kita ubah kepada *industrialize building system* tetapi itu ada isu *economy of scales*, sebelum itu boleh digunakan secara lebih luas. Jikalau kita lihat daripada segi *disincentive* pada tahun yang akan datang, selepas kerajaan sudah mengenakan gaji minimum kos pengambilan seseorang pekerja asing ini akan meningkat lebih kurang RM1,200, RM1,300 satu bulan.

Bila kosnya naik ke tahap itu, pihak majikan kalau membuat satu keputusan daripada ekonomi *value* mereka dan adakah mereka mampu untuk mengambil pekerja asing yang lebih banyak. Ini kerana kalau luar daripada kemampuan, ini akan memaksa mereka untuk lihat balik cara-cara kegunaan pekerja asing dan memastikan mereka akan guna mereka secara optimum. *So*, ini boleh dikatakan ialah *disincentive* dan pada kesimpulannya saya ingat apa yang paling mustahak kita kena menerima hakikat bahawa pada masa sekarang negara kita masih memerlukan pekerja asing tetapi kita kena benar di sektor-sektor yang diperlukan sahaja. Kita kena menguruskan pengambilan mereka, penggunaan mereka dan penghantaran balik mereka secara lebih baik. Itulah kesimpulan dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jutaan terima kasih kepada Menteri sendiri yang datang untuk menjawab soalan dengan begitu lengkap dan mendalam. Pertanyaan tambahan saya ialah, adakah kerajaan merancang untuk mempelbagaikan sumber pembekal pekerja asing agar kita tidak masukkan semua 'telur ke dalam satu bakul' dan juga adakah gaji minimum itu akan mendatangkan impak yang positif terhadap kebergantungannya kepada pekerja asing? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara sumber yang kita ada memang lebih daripada satu negara walaupun peratusan yang besar datang dari negeri Indonesia, tetapi masih negara yang lain seperti Myanmar, Vietnam, Laos, Filipina, Kemboja, Sri Lanka, India semua negara menjadi negara-negara sumber dan pada tahun 2007, kita telah membekukan pengambilan dari negara Bangladesh.

Akan tetapi, baru-baru ini, kita lihat balik kepada keputusan ini dan satu keputusan sudah dibuat untuk membuka balik pengambilan dari Bangladesh kerana keperluan yang tersedia ada.

Selepas dengar rintihan-rintihan daripada pihak majikan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk mengambil tenaga pekerja asing dari negara-negara tradisional. Sebagai permulaan, kita telah membuat satu keputusan bahawa pengambilan untuk Bangladesh mula sampai satu sektor sahaja iaitu sektor perladangan kerana pada kali yang pertama, kerajaan telah mengenalkan sistem pengambilan secara *G-to-G*. Ini kerana mempunyai pelbagai jenis cabaran kita kena memastikan proses-proses kita untuk mengatasi cabaran-cabaran itu sudah ada di dalam satu landasan yang baik supaya boleh dibuka untuk sektor-sektor yang lain.

Tentang gaji minima, seperti yang saya sudah jelaskan tadi ada orang yang telah memberikan pandangan bahawa kerajaan mesti mengenakan gaji minimum kepada pekerja tempatan sahaja dan bukan untuk pekerja asing tetapi itu tidak boleh dibuat. Ini kerana dua sebab. Satu sebab daripada segi dasar perburuhan antarabangsa, Malaysia ialah salah satu daripada negara yang telah bersetuju bahawa tidak ada diskriminasi kepada tenaga kerja ke atas apa-apa sebab termasuk *nationality*. Manakala, sebab yang kedua ialah kalau tenaga kerja daripada pekerja asing, kos mereka kurang daripada pekerja tempatan. Ini akan menggalakkan majikan untuk mengambil lebih pekerja asing dan mengetepikan pekerja tempatan.

Oleh itu, apa yang akan berlaku pada masa sekarang ialah dengan gaji minima, dengan tambah levi, tambah dengan pembayaran agensi, kapal terbang dan sebagainya, kos mereka akan meningkat. Saya berharap ini akan memberi satu suntikan kepada majikan supaya mereka akan lihat balik cara kegunaan mereka dan mungkin mereka kalau sekarang mereka gunakan sepuluh orang, mereka boleh kurangkan kepada lapan orang atau tujuh orang dengan gunakan mereka secara lebih *optimal*. Itulah harapan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu serangkai soalan gabungan saya dengan sahabat saya sebelah. Pertama sekali saya minta supaya menteri jangan lagi atau kerajaan jangan lagi melestarikan konsep *negative three D's* itu. Bila kementerian cuba *perpetuating*, dengan izin, *perpetuating this negative concept* maka ini akan menyebabkan *mindset* kewangan kita akan berterusan. Kenapa harus digunakan *three D's - dirty, difficult and dangerous*? Ini adalah *perpetuating the negative concept among our labour force*, dengan izin.

Ini saya minta supaya diatasi. Kemudian saya hendak tahu, bilangan pekerja-pekerja asing yang sah dan tidak sah dan kesannya kepada peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat tempatan. Sehubungan dengan itu semua, soalan saya selanjutnya ialah apakah persiapan-persiapan kementerian daripada segi latihan kemahiran yang meluas dan komprehensif untuk mengatasi masalah itu? Apakah langkah kerajaan melakukan perubahan *mindset*? Bukan sahaja perubahan *mindset three D's* itu yang Menteri sendiri sebut dalam ini, banyak perubahan dilaksanakan.

■1050

Itu sebab saya rasa antara masalah kita ialah masalah *mindset*. Orang menganggap pembantu rumah itu sebagai suatu kerja yang orang rendah, tidak bolehkah kita kata tetapi baru-baru ini ada istilah yang mengatakan supaya panggil itu pengurus rumah tangga jangan lagi *maid*. Jadi, saya rasa ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha menukar *mindset* yang harus dilakukan oleh kerajaan, oleh kementerian dengan cara yang lebih *consorted*. Jangan gunakan lagi konsep-konsep yang negatif. Kedua, perlu ada perubahan *mindset*.

Ketiga, perlu ada latihan yang sungguh-sungguh. Tiga hari yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri di kementerian yang sama menyebut tentang *beyond maid*. Saya tanya, okeylah, ini sesuatu yang wajar. Akan tetapi bila saya tanya ada atau tidak *dateline* bila konsep *beyond maid* ini akan dilaksanakan, tidak ada jawapan yang tuntas. Jadi ini yang saya harap supaya dapat diberi perhatian dan juga kita perlu ada umpamanya sekolah pembantu rumah ataupun untuk menghantar sebagai sebahagian latihan, kemahiran dan juga sekali gus perubahan *mindset*. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat jawab, elok *consult* agaknya wakil kita sebagai konsultant kementerian juga. Terima kasih. Silakan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada awal saya mahu menjelaskan bahawa daripada pihak kementerian dan daripada pihak kerajaan seboleh-bolehnya kita mahu mengurangkan kegunaan pekerja asing. Bila kerajaan membuka peluang untuk pengambilan pekerja asing, ini adalah di atas desakan majikan ke atas keperluan mereka. Dasar kerajaan bahawa untuk cari jalan-jalan yang boleh supaya kita boleh mengurangkan kegunaan pekerja asing masih berterusan di dalam semua bidang dalam usaha yang di dalam semua peringkat. Untuk menjawab soalan tentang bilangan yang ada pada masa sekarang, secara rasmi mereka yang telah diberi pas pekerja asing oleh Kementerian Dalam Negeri sampai bulan September tahun ini ialah lebih kurang 1.4 juta. Akan tetapi saya ingat mungkin ada 1 juta lagi yang boleh dikatakan tidak rasmi yang masih di dalam Program 6P belum diputihkan lagi dan belum disahkan bagi pekerja. Kalau ambil kira semua, saya ingat pekerja yang ada ialah lebih kurang 2.2 juta.

Isu pekerja asing ini, mereka membuat kerja-kerja yang bukan mahir. So, bila ada keadaan yang mana pekerja tempatan tidak membuat kerja-kerja yang dibuat oleh pekerja asing kerana kekurangan kemahiran atau kekurangan latihan, tidak. Mereka yang datang ini dan buat kerja-kerja iaitu pekerja asing ini bukan yang memerlukan latihan yang tinggi atau kemahiran yang tinggi. Itulah sebab mereka buat kerja itu. Rakyat Malaysia yang sudah diberi latihan dan sudah mempunyai kemahiran, mereka membuat kerja peringkat yang lebih tinggi.

Untuk jangka masa panjang, kalau kita seperti apa Yang Berhormat Senator telah beritahu tadi ialah mentransformasikan kerja dan jenis kerja. Contohnya, di dalam semua bidang ini yang sekarang ialah *low skill intensive*, kalau kerja itu boleh diubah supaya kerja itu menjadi *skill intensive*, maka kita akan berjaya di dalam keadaan itu untuk menggunakan pekerja tempatan. Ini ada di semua peringkat. Termasuk di dalam *factory*, di dalam tempat pembinaan. Kalau kerja itu sudah ubah, contohnya kalau kita gunakan *industrialize building system* di dalam sektor pembinaan, maka mereka yang diperlukan mungkin lebih di peringkat *technicians* dan *engineers* dan sebagainya. Ini ialah kekosongan yang boleh diisi oleh pekerja tempatan.

So, apa yang diperlukan ialah transformasi di dalam cara membuat kerja. Kalau itu boleh dibuat, saya ingat dengan masa, contoh kedai makanan. Kedai makanan, kalau mereka boleh ubah kepada lebih menggunakan automasi, lebih gunakan *self-service*, mereka boleh mengurangkan penggunaan pekerja asing sebab itu satu-satu contoh dan contoh ini boleh diperluaskan kepada sektor-sektor yang lain. Saya berharap majikan-majikan Malaysia dengan perubahan yang sedang berlaku pada masa sekarang, satu ialah pembekalan itu tidak mencukupi, nombor dua ialah kos sedang menaik. Dengan ini, saya ingat majikan akan lihat balik dan membuat perubahan yang diperlu. Dengan itu mereka boleh mengurangkan penggunaan pekerja asing. Terima kasih.

4. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah pemilikan hartanah dan ruang niaga milik orang Melayu terkini di bandar-bandar besar di seluruh negara seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Georgetown dan lain-lain. Apakah langkah-langkah yang berkesan bagi meningkatkan pemilikan hartanah orang Melayu di kawasan-kawasan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat dan data berkaitan masyarakat Melayu dikelompokkan secara bersama dalam kategori pemilikan hartanah dan ruang niaga bumiputera. Pada masa ini data pemilikan hartanah bumiputera bagi tahun 2011 di seluruh negara masih dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Walau bagaimanapun, data terkini yang ada ialah pada tahun 2007, menunjukkan pemilikan hartanah termasuk ruang niaga bumiputera sebanyak 15 peratus iaitu meningkat sebanyak 3.3 peratus berbanding 11.7 peratus pada tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedar bahawa terdapat jurang daripada segi pemilikan hartanah dalam kalangan rakyat berbilang etnik di Malaysia terutamanya di antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Oleh itu, kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan jurang tersebut. Di antara langkah-langkah yang telah dan diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan pemilikan hartanah bumiputera adalah memperkukuhkan peranan agensi amanah bumiputera dan antaranya agensi seperti UDA, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) supaya lebih aktif dalam usaha meningkatkan pemilikan hartanah bagi bumiputera khususnya hartanah bernilai komersial.

Pada tahun 2006, kerajaan melalui Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) telah menubuhkan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). PHB bertujuan untuk menerajui usaha meningkatkan pemilikan hartanah dan penyertaan bumiputera dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan di lokasi strategik terutamanya di kawasan bandar. Pendekatan yang digunakan adalah melalui dua kaedah iaitu pemilikan hartanah komersial yang telah siap dan kedua, pembelian dan membangunkan tanah-tanah di kawasan strategik untuk tujuan komersial. Selain itu, UDA, MARA, dan PUNB akan melengkapinya usaha YAHB dengan mengenal pasti dan memperoleh hartanah komersial dan seterusnya menyediakan lebih banyak peluang kepada usahawan bumiputera berniaga di lokasi perniagaan utama.

Kerajaan berharap langkah yang dilaksanakan akan dapat meningkatkan pemilikan hartanah dan ruang niaga bagi bumiputera dan seterusnya mengurangkan jurang pemilikan antara etnik. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ada satu soalan tetapi mempunyai beberapa bahagian. Pertama sekali saya hendak tahu, saya alu-alukanlah bahawa apa yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi bahawa kerajaan masih lagi dalam proses pengumpulan dan menganalisis data. Saya hendak tahu, bila proses ini bermula dan bila *dateline* akan selesai? Sebab kalau ini jawapannya, proses, proses, proses. Saya teringat satu- kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya teringat satu label di satu kedai nasi di Minangkabau. Katanya, "*Hari ini mesti bayar tunai, esok boleh berhutang*". Label atau *signboard* sama terletak setiap hari yang mengatakan tidak boleh berhutang. Jadi, jawapan Menteri itu analoginya. Hari ini mesti bayar tunai, esok boleh berhutang. Benda yang berterusan. Jadi, itu analogi jawapan. Katakan dalam proses, dalam proses. Akan tetapi proses itu mesti ada *datelinenya*. Itu yang saya minta. Bila proses itu bermula dan bila *dateline*, penjelasannya?

■1100

Kemudian juga saya ingin tahu kenapa di satu tempat yang paling strategik yang menjadi kebanggaan negara kita ini iaitu di KLCC, tiada satu pun kedai Melayu? Khabarnya ada satu dua kedai yang dimiliki orang Melayu tetapi tiba-tiba sewa dinaikkan dan dia terpaksa keluar. Jadi, ini perkara-perkara yang harus mendapat perhatian. Satu lagi saya ingin tahu juga, bila agaknya *target* ataupun sasaran 30 peratus pemilikan bumiputera dalam pemilikan hartanah ini dapat dicapai? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat Firdaus. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kesinisan Yang Berhormat itu lain macam. Hartanah ini adalah suatu yang begitu dinamik. Ia berlaku setiap hari. Orang beli jual, beli jual, beli jual. Kita tidak boleh kawal. Maka bila kita kata proses... [*Disampuk*] *That dynamism*, bukan pengumpulan data. Pengumpulan data memang ada. So saya minta supaya Yang Berhormat memahami dinamisme hartanah ini. Sebagai contohnya, tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya timbulkan perkara itu kerana saya kurang faham dinamisme itulah makanya saya tanya.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagi dia jawab dahulu, lepas itu kan kita dengar. Silakan, silakan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan. Kita ikut ketertiban dan kesopanan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ini lain sedikit Yang Berhormat. Dewan ini...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya jawab Tuan Yang di-Pertua kerana saya rasa niat soalan itu. Baik, tiga tempat yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru. Tiga fokus tempatnya, pusat pembangunan bandar yang begitu pesat sekali sekarang. Maka di tiga-tiga tempat ini khususnya, kita ada agenda. Macam di Pulau Pinang ada PERDA dan JKP, di mana hartanah bumiputera dijadikan satu agenda utama supaya ada pengagihan yang adil.

Kalau kita lihat contohnya, PERDA di Georgetown atau di Pulau Pinang, JKP dibuat khusus beberapa tahun yang lalu kerana dahulu PERDA hanya di luar bandar di Pulau Pinang. Lepas itu JKP diwujudkan supaya bandar pun termasuk supaya soal hartanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat diambil kira dengan begitu utama atau diperdanakan. Contohnya, RM100 juta diperuntukkan pada *First Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk memastikan agenda ini diutamakan. Setakat ini, RM92.6 juta telah dibelanjakan dan daripada itu, perumahan dan kedai 82 peratus; untuk penyediaan medan perniagaan, 13 peratus; dan 4 peratus bagi institut latihan. Melalui projek ini juga, 2,522 unit dan 320 premis perniagaan dijangka dibina. Proses ini sedang berjalan. So kalau saya hendak bagi setiap satu data, terlalu banyak.

Di Kuala Lumpur, saya bagi contoh Kampong Bharu. Agenda pembangunan semula Kampong Bharu yang begitu besar sekali. Matlamatnya ialah menaik taraf infrastruktur supaya Kampong Bharu dapat bersaing seperti KLCC yang dikatakan tadi. Ia berdekatan dengan KLCC. Dalam projek *Greater Kuala Lumpur* khususnya, 45 peratus daripada kontrak MRT, contohnya satu, akan diagihkan bernilai RM8.8 bilion untuk agenda bumiputera supaya kapasiti dia dapat dibina, untuk memiliki hartanah yang lebih kukuh.

Baik, balik kepada Johor Bahru, di mana ia *city* yang begitu dinamik sekali, Nusajaya dan Pengerang dengan dialog yang akan dimajukan sebelah timurnya. Maka agenda bumiputera juga diambil kira di dalamnya. Kalau saya hendak sajikan taburan data-datanya, terlalu banyak. So, itu yang dikatakan sebagai proses dan data ini kami sedang ambil untuk tahun 2011, *the latest data*, data terkini. Kalau sudah dapat, boleh kita sajikan bersama. Akan tetapi ini adalah berterusan kerana dalam tempoh dua tahun, kita nampak 3.3 peratus peningkatan milikan hartanah. Kalau dinamisme ini dapat dikekalkan, maka pada tahun 2020, 30 peratus itu akan tercapai. Itulah perjuangan kita bersama. Niat kita ikhlas, itu yang penting itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak menyuarakan kehairananlah. Mengapa data ini- data yang terakhir ialah tahun 2007, sekarang tahun 2012, sudah lima tahun. Saya fahamlah hendak *collection* data ini *very difficult*. Saya akan bagi data... [Tepuk] Mengikut data saya, kepunyaan bumiputera tahun 2011, tidak lama dah itu, tidak sampai setahun, ialah 17 peratus. Akan tetapi untuk *collection* data ini Yang Berhormat, kalau boleh sampaikan kepada orang yang tertentu, gunakanlah konsultan-konsultan yang tertentu untuk mempunyai data ini. Kita boleh buat... [Tepuk]

Akan tetapi yang 17peratus ini Yang Berhormat ialah termasuk yang dipunyai oleh agensi-agensi kerajaan termasuk GLC. Jadi yang kita tidak tahunya yang 17 peratus ini berapa yang sebenarnya bumiputera yang sebetulnya. Kalau agensi macam Sime Darby dikirakan, PNB dikirakan, kita tidak tahu sama ada, ada perancangan untuk akhirnya agensi-agensi kerajaan ini untuk menjual kepada bumiputera. Kita tidak ada perancangan dan kita tidak diberitahu adakah perancangan untuk akhirnya ataupun dalam proses untuk menjual kepada bumiputera. Saya hendak minta penerangan itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih atas maklumat yang diberikan. Kita kena sahihkan maklumat ini. Ini *private consultant* yang buat. Untuk Wawasan 2020 itu, itu macam TERAJU dan Ekuinas dan juga agensi-agensi lain akan memperkasakan dan memperkukuhkan lagi agenda yang dikatakan tadi. Maka saya ucapkan terima kasihlah atas maklumat yang diberi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh manakah pendidikan pencegahan dan anti rasuah akan dimuatkan dalam subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sivik di sekolah rendah dan menengah bagi melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, amanah, jujur dan anti rasuah sejak di sekolah rendah lagi.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Surat Pekeliling Ikhtisas, Bil. 17/1998 iaitu Memasukkan Elemen Mencegah Rasuah Dalam Kurikulum Sekolah, maka pendidikan pencegahan dan anti rasuah memang dimasukkan dalam kurikulum pendidikan sama ada secara merentas kurikulum ataupun di bawah topik-topik tertentu dalam subjek berkaitan.

Sebagai contohnya, melalui mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 6, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), perkara tersebut diletakkan di bawah tajuk “Dosa”. Manakala melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4, pendidikan pencegahan dan anti rasuah dijelaskan di bawah bidang hadis dengan tajuk, “*Menjauhi Rasuah*”

Melalui mata pelajaran Pendidikan Moral yang diperkenalkan kepada murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah Tahun 1 hingga 6 dan menengah Tingkatan 1 hingga 5, sebanyak 14 nilai dalam KSSR dan 24 nilai untuk KBSR dan 36 nilai murni untuk sekolah menengah KBSM yang didukung oleh semua agama di Malaysia didedahkan kepada murid bertujuan untuk mewujudkan semangat perpaduan, saling menghormati dan saling bekerjasama dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa. Pendidikan pencegahan dan anti rasuah juga merupakan salah satu elemen yang diterapkan dalam kurikulum Pendidikan Moral secara langsung.

Dalam Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan pula yang merupakan mata pelajaran teras untuk semua murid sekolah rendah Tahap Dua dan sekolah menengah, juga menyentuh persoalan pencegahan dan anti rasuah secara tidak langsung. PSK ataupun Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu dan patriotik serta boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat negara dan dunia. Terima kasih.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bahawasanya terdapat kurikulum di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah dalam mendidik murid-murid ke arah mengetahui tentang rasuah. Soalan saya, adakah bagi pihak kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dan juga Pendidikan Sivik supaya benar-benar berjaya melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, amanah dan juga anti rasuah?

■1110

Soalan kedua saya, sejauh manakah Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu SPRM dalam menanamkan semangat anti rasuah dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah? Soalan ketiga saya, apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran dalam membantu mengurangkan persepsi negara ini mengamalkan rasuah? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, mengenai dengan penambahbaikan kepada kurikulum yang ada, yang kita gunakan sekarang ini. Jadi sebab itulah kita telah menukarkan kita punya pendekatan kepada KSSR dan *insya-Allah*, KSSM akan mula dilaksanakan pada tahun 2017. Dalam kita melakukan transformasi ini, kita juga memastikan bahawa tajuk-tajuk yang kita ajar di sekolah ini juga kita perbaiki.

Dalam isu yang kedua, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat mengenai dengan kerjasama dengan SPRM. Kita sedang mengkaji sebenarnya cadangan daripada SPRM yang mencadangkan supaya kita memasukkan modul integriti pencegahan rasuah ataupun yang disebut di sini sebagai modul integriti dan pencegahan rasuah ke dalam tiga mata pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah bermula tahun hadapan. Kita sudah menerima cadangan modul ini daripada SPRM yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam tiga mata pelajaran iaitu pendidikan agama, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan Pendidikan Moral. Di samping itu, kita juga memang sentiasa ada kerjasama dengan SPRM daripada segi aktiviti kokurikulum seperti pameran-pameran anti rasuah yang dilaksanakan di sekolah dan ceramah-ceramah yang disampaikan oleh pegawai-pegawai SPRM dan juga lawatan-lawatan pelajar-pelajar sekolah ke SPRM.

Ini antara pendekatan yang kita gunakan bersama dengan SPRM bahkan SPRM juga ada berbincang untuk mewujudkan apa yang disebut sebagai satu pusat di IPG kita untuk melatih guru-guru kita tentang nilai-nilai murni dan ini mereka boleh gunakan apabila mereka menjadi guru nanti.

Soalan yang ketiga Yang Berhormat, tentang persepsi. Seperti mana yang kita maklum bahawa CPI indeks rasuah di negara kita yang terbaru, kita berjaya melakukan penurunan daripada kedudukan 60 kepada 54. Akan tetapi kita kena faham bahawa cara mereka membuat kajian ini lebih berasaskan kepada persepsi, bukan melihat daripada segi *raw data* tentang rasuah yang berlaku sebenarnya. Akan tetapi mengambil responden, bertanya daripada segi persepsi dan sebab itulah ada yang mengatakan bahawa ini adalah satu bentuk penjajahan baru sebenarnya untuk hendak menentukan kedudukan sesebuah negara. Akan tetapi, apa pun itu bukan menjadi asas kepada kita, yang penting ialah kesungguhan kita untuk membanteras rasuah di negara kita.

Kadang-kadang kita kena adil bahawa kalau macam pembangkang contohnya, mungkin persepsi ini meningkat kerana rasuah yang berlaku di Selangor dan Pulau Pinang, membawa kesan kepada negara. Jangan dilihat rasuah ini Kerajaan Pusat sahaja tetapi persepsi yang berlaku, ini juga kerana berlaku rasuah yang ada di negeri-negeri yang ditadbir oleh pembangkang. Jadi sebab itulah apa yang penting pada kita, sebab itulah dalam surat pekeliling kita ini, apa yang kita tekankan ialah tentang definisi dan tafsiran rasuah, jenis-jenis rasuah, bahaya rasuah, cara menangani gejala rasuah, kesalahan dan hukuman rasuah. Yang ini sebenarnya yang kita didik pada anak-anak kita supaya yang penting ialah mereka ini tidak mengamalkan rasuah. Kita harap kita berjaya sebenarnya untuk menjadikan negara kita ini sebagai sebuah negara yang menjauhi amalan rasuah ini. Terima kasih.

6. Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapa masih kerap berlaku perkara salah laku oleh pegawai kerajaan dalam sistem ePerolehan seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Apa usaha-usaha kementerian bagi memantapkan sistem agar penyelewengan dan salah guna kuasa dalam mengeluarkan "*local order*" dapat dibendung.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak Kementerian Kewangan sentiasa menjalankan pemantauan untuk menetapkan sistem ePerolehan atau EP selaras dengan prinsip perolehan iaitu akauntabiliti, integriti, telus dan nilai wang terbaik atau *best value for money*. Antara mekanisme kawalan pengeluaran pesanan kerajaan atau LO yang telah dibangunkan di bawah sistem EP iaitu:

- (i) setiap pegawai yang terlibat dalam mengeluarkan LO daripada peringkat penyediaan sehingga bayaran perlu mempunyai kad pintar untuk menggunakan sistem EP. Kad pintar ini dikeluarkan oleh MAMPU. Ciri-ciri kad pintar adalah kesahihan sulit dan persendirian, integriti data serta tidak boleh dinafikan atau *non duplicable*;
- (ii) pesanan kerajaan atau LO tidak boleh dikeluarkan sekiranya peruntukan tidak mencukupi;
- (iii) semua pengeluaran LO perlu mendapat kelulusan daripada pelulus yang dilantik tertakluk kepada penurunan kuasa dan had nilai yang ditetapkan oleh pegawai-pegawai; dan
- (iv) kementerian dan jabatan perlu menubuhkan pasukan petugas dan pelaksana sistem ePerolehan yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan EP.

Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeed.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya rasa jawapan Timbalan Menteri adalah lebih berbentuk prosedur tetapi masalahnya kelemahan masih berlaku.

Satu pisau yang bernilai RM100 diperoleh dengan harga RM1,000 dan masih berleluasa dalam Laporan Ketua Audit Negara. Isunya ialah apakah tindakan punitif kementerian berkenaan terhadap mereka-mereka yang bertanggungjawab? Adakah indeks integriti yang telah pun dimulakan diguna pakai dengan seriusnya bagi menentukan setiap jabatan ataupun kementerian terbabit benar-benar menerima akibatnya jika ada kelemahan-kelemahan yang sentiasa berulang? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak kita mengadakan program atau sistem ePerolehan (EP) dari tahun 2000 hingga November 2012, jumlah atau bilangan transaksi ialah 5,596,447 transaksi dan nilai transaksi adalah RM60,253,720,000. Memang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, Laporan Ketua Audit Negara masih ada masalah atau perolehan yang mahal yang keluar daripada harga yang sepatutnya tetapi kita nampak dalam *report* yang ada memang ada kekurangan dan banyak agensi sudah dapat empat *star*. Kita memang mengambil langkah-langkah supaya kita boleh meningkatkan penggunaan sistem ePerolehan.

■1120

Antaranya, pertama kita mengeluarkan surat pekeliling perbendaharaan dan surat arahan perbendaharaan dari semasa ke semasa. Kedua, kita mendapat kerjasama agensi atau jabatan seperti MAMPU, Jabatan Akauntan Negara dan JITM dan INTAN dan lain-lain agensi yang berkaitan. Ketiga, kita mempergiatkan aktiviti latihan dan juga keempat, kita mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU iaitu ePerolehan yang kita adakan setiap suku tahun untuk berbincang kalau ada masalah tertentu dan juga buat audit dalaman. Kita harap dengan kerjasama semua pihak dan juga Ketua Audit Negara yang memberi *report*, kita harap kes-kes yang kita membeli barangan boleh dapat dikurangkan. Untuk ePerolehan ini memang adalah untuk perkhidmatan bekalan dan juga hanya untuk perkhidmatan sahaja, bukan untuk kontrak-kontrak. Sekian.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, berapakah jumlah penyelewengan dan salah guna kuasa setakat ini dalam kes-kes begini yang telah dapat dikesan sepanjang tahun lepas dan tahun ini? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Rohani. Angka yang kita dapat memang Yang Berhormat boleh dapat daripada *report* Ketua Audit Negara. Buat masa ini, kalau Yang Berhormat hendak spesifik untuk kementerian mana, boleh memberitahu saya.

7. **Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta Perdana Menteri menyatakan, Putra LRT telah menjadi pengangkutan utama kepada warga Kuala Lumpur untuk keluar bekerja kerana ia dapat mengelak daripada kesesakan lalu lintas. Namun begitu, sering berlaku masalah teknikal dan gagal berfungsi terutamanya ketika hujan. Ini menyebabkan pelbagai kesukaran timbul seperti kesesakan di setiap hentian dan kelewatan ke tempat kerja terutama pada waktu pagi dan petang. Apakah tindakan kementerian berkenaan hal ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan nombor tujuh, saya ingin bagi pihak rakan-rakan di sini mengucapkan selamat kembali kepada Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir dari Gaza yang berada di Gaza pada 10 Disember. Semalam beliau kembali ke Malaysia. Beliau membawa 15 tan ubat-ubatan dan juga susu tepung dan beliau juga berjumpa dengan Timbalan Perdana Menteri Gaza yang bernama Ziad al-Zaza. Kita ada beberapa kumpulan rakyat Malaysia di sana. Kelab Putera 1Malaysia, PGPF yang beliau wakili iaitu *Perdana Global Peace Foundation*, Aman Palestin dan juga Aqsa Syarif. Ini menunjukkan bahawa kita amat peka kepada perjuangan rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebagai respons saya mewakili seluruh Dewan ini juga, mengucapkan syabas dan tahniah juga kepada Dato' Mukhriz di atas pemergian beliau. Seterusnya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Dato' Syed Ibrahim yang memberikan pertanyaan ini. Ini mengenai LRT. Di Gaza tidak ada LRT. Berdasarkan rekod gangguan perkhidmatan, terdapat sembilan kejadian gangguan perkhidmatan LRT yang diklasifikasikan sebagai *major*, berlaku pada tahun 2012 sehingga semalam. Semalam 12/12/12 tarikhnya.

Klasifikasi *major* bermaksud gangguan perkhidmatan yang menyebabkan kelewatan perkhidmatan rel melebihi 30 minit. Berdasarkan kejadian sebelum ini, semua kejadian gangguan perkhidmatan berlaku dalam keadaan cuaca yang baik, menunjukkan faktor hujan tidak menjejaskan tahap keboleharapan ataupun *reliability*, dengan izin, perkhidmatan LRT itu.

Sebahagian besar daripada bilangan punca gangguan perkhidmatan itu adalah berkaitan sistem semboyan ataupun dengan izin, *signally* yang sedang dinaiktarafkan dan masih di bawah tanggungjawab pembekal sistem. Bagi memastikan tahap perkhidmatan LRT iaitu laluan Kelana Jaya, laluan Ampang dan KL Monorel sentiasa dalam keadaan selamat, cekap dan selesa, operator sistem iaitu Rapid KL akan terus berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi mengelakkan berlakunya gangguan perkhidmatan dan juga menambah baik prosedur tindak balas dalam menangani gangguan perkhidmatan. Antara usaha yang sedang dibuat adalah seperti berikut:

- (i) menaiktarafkan perisian dan perkakasan sistem secara berterusan;
- (ii) menempatkan alat ganti di lokasi-lokasi yang strategik;
- (iii) menempatkan pekerja-pekerja penyelenggaraan di lokasi-lokasi strategik terutamanya pada waktu puncak;
- (iv) menambah dan mengguna teknologi peralatan-peralatan diagnostik bagi meningkatkan mutu penyelenggaraan pencegahan dengan izin, *preventive maintenance*;
- (v) meningkatkan kepakaran pekerja-pekerja dengan latihan-latihan di pejabat pengeluar di luar negara;
- (vi) mengenal pasti tindakan penambahbaikan secara berterusan dan memantau pelaksanaan terhadap penambahbaikan di negara pasti dengan cekap;
- (vii) meningkatkan rondaan pekerja-pekerja operasi terutamanya pada waktu puncak; dan
- (viii) memastikan pengurusan kualiti bagi aktiviti-aktiviti operasi dan penyelenggaraan adalah berdasarkan piawaian ISO 9001/2008 iaitu persijilan daripada SIRIM yang telah diperolehi pada tahun 2010.

Terima kasih.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Memandangkan Putra LRT menjadi pengangkutan utama kepada warga Kuala Lumpur, soalan tambahan saya ialah berapa banyakkah penumpang boleh di bawa oleh Putra ataupun LRT dalam satu hari dengan izin, *maximum capacity there can be carried in the day* dan peratusan penggunaan sebenar?

Kedua, sewaktu gagal berfungsi, apakah tindakan diambil oleh kerajaan untuk menumpang penumpang-penumpang yang tergendala itu? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Syed. LRT ini ada dua laluan. Laluan Gombak-Kelana Jaya 190,000 pengguna sehari. Laluan Ampang-Sri Petaling dan Ampang-Sentul Timur, 140,000 orang sehari. Jumlahnya 330,000 orang pengguna. Kita juga ada sistem KL Monorel yang digunakan oleh 90,000 orang sehari. Kita ada sistem ERL yang digunakan oleh 6,000 orang dari KLIA ke KL. Jumlahnya 426,000 orang yang menggunakan sistem itu sehari.

Kita juga ada KTM Komuter. Jadi ini ada banyak. Kita jangan keliru. LRT ada dua jenis iaitu laluan Kelana Jaya, laluan Sri Petaling. Selepas itu kita ada KL Monorel, kita ada ERL. Satu lagi ialah KTM Komuter. KTM Komuter ini sebelum ini 95,000 orang sahaja sehari. Akan tetapi apabila dalam Bajet 2013 atas pekanya kerajaan untuk membantu rakyat, kita memberikan diskaun 50peratus kepada yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah, masih lagi boleh mendaftar di tujuh stesen utama.

Daripada 95,000 pengguna komuter yang melibatkan Seremban-Tanjung Malim dan Batu Caves-Pelabuhan Klang melalui KL Sentral, KL, Bank Negara, Putra, PWTC, 53 stesen daripada 95,000 pengguna telah bertambah menjadi 126,000 pengguna sehari akibat daripada usaha kerajaan memberikan diskaun.

Diskaun ini kita bagi dari 1 November 2012 hingga 31 Oktober selama setahun. Diskaun 50peratus ini selama setahun. Setakat ini, 90,000 orang pengguna sudah mendaftar dan kita bagi kad dipanggil kad Komuter 1Malaysia. Jadi, ini maklumat-maklumat tambahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai sistem.

Saya ingin maklumkan bahawa kejadian yang disebut tadi itu memang kalau boleh kita hendak 100peratus keboleharapan ataupun *availability*. Akan tetapi setakat ini, 99.6 peratus. *Target* kita 99.7 peratus. Tidak ada sebuah negara yang memberikan 100 peratus sentiasa *perfect*, sentiasa tepat, sentiasa sempurna. Tujuan kita ialah 99.7 peratus dan setakat ini 99.6 peratus, masih lagi di lingkungan keboleharapan yang kita *target*, yang kita tumpukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniahlah kepada kerajaan yang telah bersungguh-sungguh nampaknya menyediakan kemudahan perjalanan kepada rakyat sehingga 169,000 pengguna mendapat khidmat daripada usaha ini. Saya hendak bertanyakan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat manakah usaha-usaha lain kerana kita nampak banyak sangat sudah laluan atas, ini nampaknya macam sudah sibuk laluan-laluan jalan di laluan atas ini. Ada tidak usaha lain, cadangan daripada pihak kerajaan untuk membina laluan seperti LRT ini melalui jalan dalam tanah sebagaimana sesetengah negara di dunia ini? Terima kasih.

[*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin atas soalan tambahannya itu. Kita dalam proses menyediakan satu lagi sistem. Yang ini dipanggil MRT, yang tadi LRT, Monorel, ERL, KTM Komuter. Itu sedang berjalan dan kita akan tingkatkan dan tambah lagi perkara itu.

Apabila disebut soalan tentang melalui terowong bawah tanah ini, kita sedang melaksanakan MRT dari Sungai Buloh ke Kajang. Jaraknya 51 kilometer sedang dilaksanakan sekarang ini, akan siap pada tahun 2016 dan dalam MRT itu akan ada laluan bawah tanah sepanjang 10 kilometer di tengah-tengah bandar raya, laluan bawah tanah. Memang ada sedikit bantahan terutama dari kawasan Bukit Bintang dan sebagainya, tetapi semuanya ini adalah untuk kebaikan.

Jadi apabila siap pada tahun 2016, MRT termasuk terowong bawah tanah 10 kilometer dan panjang 51 kilometer dan kita juga berhasrat untuk LRT laluan Ampang ini ditambah lagi 17 kilometer, dipanjangkan lagi 17 kilometer. Itu akan siap pada tahun 2015. Kemudian LRT laluan Kelana Jaya ditambah lagi 17 kilometer, akan siap tahun 2015. Kemudian laluan ERL akan tambah lagi untuk ke KLIA2, akan sejauh 2.1 kilometer siap *Insyaa-Allah* dalam tahun 2013. *Monorail* untuk kita punya sistem komuter juga akan ditambah jumlahnya daripada jumlah tren yang tertentu. Semua sekali ini apabila berlaku semua sekali siap pada tahun 2015. Tahun 2016 kita yakin Kuala Lumpur akan menjadi tempat bandar raya mungkin harapnya 10 yang terbaik dalam dunia daripada segi perkhidmatan awam. Mudah-mudahan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8. Dato' Boon Som a/l Inong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah kerajaan bersedia untuk mempermudah urusan bagi masyarakat bumiputera Siam menukar maklumat mengenai status bangsa daripada bangsa Thai kepada bangsa Siam di dalam semua dokumen pengenalan mereka seperti kad pengenalan dan surat beranak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som yang mengemukakan pertanyaan. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, masyarakat berketurunan Thai merupakan golongan yang dilahirkan di Thailand dan dalam dokumen perjalanannya tercatat berketurunan Thai. Manakala masyarakat Siam pula merupakan golongan yang dilahirkan di Malaysia oleh ibu bapa yang berketurunan Thai dan telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia.

Bagi individu yang asal usulnya adalah berketurunan Siam tempatan tetapi didaftarkan sebagai keturunan Thai dalam sijil kelahiran, individu tersebut boleh mengemukakan permohonan pembedulan maklumat di bawah peruntukan seksyen 27(iii), Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299]. Sehubungan dengan permohonan pertukaran maklumat keturunan daripada Thai kepada Siam dalam kad pengenalan pula, Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai sebarang halangan untuk menerima permohonan tersebut dengan syarat pemohon mengemukakan sijil kelahiran yang telah dipinda maklumat bangsanya daripada Thai kepada Siam.

Data pemohon akan diselenggara ke dalam sistem berdasarkan maklumat bangsa yang tercatat dalam sijil kelahiran yang dikemukakan semasa permohonan. Oleh itu, pemohon adalah dinasihatkan supaya mengemukakan permohonan pindaan sijil kelahirannya terlebih dahulu kepada Bahagian Kelahiran, Kematian dan Angkat Jabatan Pendaftaran Negara untuk kelulusan pindaan maklumat keturunan sebelum dipertimbangkan permohonan pertukaran maklumat keturunan dalam kad pengenalan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Boon Som.

Dato' Boon Som a/l Inong: Soalan tambahan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bermula daripada kemerdekaan, orang Siam dalam surat beranaknya adalah Siam. Selepas itu pada tahun 1990 yang mana di *computerized*kan selepas itu dipindah kepada Thai. Selepas itu pula, pada tahun 2009 tiba-tiba ditukar balik ke Siam. Apabila pertukaran ini berlaku, masyarakat Siam perlu mengisi tiga borang. Permohonan, selepas itu bawa surat beranak termasuklah datuk nenek yang mana dalam kubur pun kena korek bawa keluar habis-habis untuk membuktikan bahawa mereka adalah orang Siam betul-betul yang duduk di Malaysia ini. Jadi amat menyusahakan masyarakat Siam.

Bukanlah tujuan saya mengemukakan soalan itu koman tetapi inilah pelaksanaan, *flip-flop* pelaksanaan. Apabila Tan Sri Mahmud melawat masyarakat Siam pada bulan Jun 2011 di Telok Wan Jah Alor Setar, beliau mempermudah yang mana orang Siam hendak tukar daripada Thai ke Siam perlu bawa kad pengenalan sahaja. Akan tetapi selepas beliau bersara, keadaan kembali semula bahawa orang Siam perlu mengisi tiga borang. Selepas itu perlu mengangkat sumpah dan itu mencerminkan bukan sahaja mencerminkan agensi pelaksanaan tetapi mencerminkan kerajaan kita.

Jadi masyarakat Siam selama ini adalah penyokong kuat Barisan Nasional dan bila perkara ini berlaku, ini akan mencerminkan kelemahan kita. Terima kasih. Saya memohon supaya pihak Kementerian Dalam Negeri supaya mempermudah membuat IC kerana mereka bukan membuat permohonan kewarganegaraan, tetapi mereka hanya bertukar daripada bangsa Siam atas kesilapan Jabatan Pendaftaran Negara sendiri. Jadi saya mintalah pihak Kementerian Dalam Negeri mudahkan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengkaji dan mempermudah prosedur dan proses permohonan tersebut selaras dengan arahan, peraturan dan undang-undang semasa yang berkuat kuasa agar pembedulan dapat dibuat tanpa menyusahakan pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga akan bersedia untuk menjalankan program turun padang bagi memastikan permohonan-permohonan ini dapat diambil tindakan dengan lebih berkesan melalui pemimpin masyarakat tempatan. Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh bantu daripada segi ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Puan Khairiah.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berkenaan bagaimanakah prosedur dan dokumen yang diperlukan bagi permohonan tukar agama terutamanya permohonan status tukar agama daripada Islam kepada agama-agama lain dan setakat hari ini, berapakah bilangan yang telah pun diluluskan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1140

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal dia menanya tentang isu keturunan bangsa. Pertanyaan mengenai agama dia tidak sentuh kepada soalan asal, jadi saya rasa saya tidak perlu jawab. Terima kasih.

9. **Tuan Lihan Jok** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh manakah masalah pengangkutan pergi-balik pelajar-pelajar Penan ke sekolah pada hujung minggu dan cuti di Sarawak telah selesai.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari masalah pengangkutan pergi dan balik murid ke sekolah pada hujung minggu dan cuti penggal di Sarawak terutamanya dalam kalangan pelajar Penan. Bagi menangani permasalahan daripada segi kos, KPM telah menerima peruntukan perjalanan dan pengangkutan murid asrama sebanyak RM1.92 juta untuk tahun 2012. Peruntukan ini telah pun diturunkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan diagihkan kepada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) serta sekolah bagi keperluan murid-murid Penan bagi menampung kos pengangkutan, melaksanakan aktiviti asrama termasuk pergi dan balik ke sekolah pada hujung minggu dan cuti penggal.

Di samping itu Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia juga ada menyediakan bantuan persekolahan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) sebanyak RM700 setahun untuk seorang dan bantuan keselamatan murid bagi membantu meringankan beban masalah pengangkutan pelajar-pelajar Penan ini. Terima kasih.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri dengan berita yang baik itu tadi. Tuan Yang di-Pertua, membawa pendidikan ke kumpulan minoriti Penan di Sarawak ini adalah satu cabaran yang sentiasa sulit kerana mereka ini duduk jauh di pedalaman dan mereka ini mengalami kedaifan hidup yang serba serbi. Jadi, di Sarawak ada kurang lebih 20 buah sekolah rendah khas untuk Penan. Kebanyakan sekolah ini dan ada sesetengahnya yang saya lawati, dari lawatan ini saya melihat bahawa kekurangan yang nyata sekali di sekolah pedalaman ini adalah kekurangan rumah guru.

Jadi, soalan saya ini kepada Timbalan Menteri iaitu adakah kerajaan sudah memikir atau dimaklumkan oleh pihak-pihak Jabatan Pelajaran Negeri? Kalau ada, apakah tindakan yang akan dibuat segera? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkash: Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah PPM kita ini Yang Berhormat Menteri ada mencadangkan untuk melakukan apa yang disebut sebagai transformasi pendidikan pedalaman. Kita sudah menyiapkan satu perancangan bahawa transformasi kita ini akan juga khusus kepada pendidikan di pedalaman terutamanya sekolah yang kita kategorikan sebagai pedalaman 1, pedalaman 2 dan pedalaman 3. Antara perancangan yang akan menjadi tumpuan kita nanti ialah untuk menaik taraf ataupun menyediakan asrama desa di sekolah-sekolah pedalaman.

Jadi, dengan kata lain bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Penan ini akan boleh diatasi jika sekiranya kita menyediakan kemudahan asrama desa dan kemudahan-kemudahan lain yang lebih baik, termasuklah rancangan makanan tambahan, menyediakan guru-guru opsyen yang mencukupi dan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tentang rumah-rumah guru.

Dalam perancangan ini juga kita memikirkan untuk menambahkan lagi lebih banyak sekolah-sekolah K9 ataupun model khas Sekolah Komprehensif 9 ini. Maksudnya, sekolah rendah dibenarkan mengadakan Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3.

Jadi, dengan kata lain apabila pelajar tamat Tahun 6, mereka tidak perlu berpindah mencari sekolah menengah yang jauh. Maksudnya, sekolah menengah hingga Tingkatan 3 diadakan di sekolah tersebut. Ini termasuk di tempat Yang Berhormat sendiri, Long Bagian yang sudah pun kita naik taraf kepada sekolah K9. Saya sudah sampai ke tempat tersebut. Sebab itulah kita ada permohonan daripada Yang Berhormat dahulu tentang supaya disediakan *transport* untuk pelajar-pelajar Penan ini. Kita sudah bincang sebenarnya Yang Berhormat, dengan pihak syarikat balak ini. Ini kerana mereka sendiri sebenarnya tidak bersedia untuk mengangkut pelajar-pelajar Penan ini atas alasan kerana tuduhan dan persepsi bahawa mereka *abuse* pelajar-pelajar ini. Mereka lebih rela memberikan wang *cash* kepada Kementerian Pelajaran, Kementerian Pelajaran sediakan kereta dan *driver* yang sudah tentulah amat sukar untuk kita laksanakan.

Akan tetapi apa pun Yang Berhormat, kita amat prihatin sebab itulah kita ada satu IPG yang menyediakan satu pusat yang mengkaji tentang kaedah-kaedah P&P yang terbaik, terutamanya untuk pelajar-pelajar Asli dan Penan ini. Ini antara yang banyak kita lakukan tetapi Yang Berhormat, tentang rumah guru itu memang menjadi keutamaan kita. Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit Fizikal, kita memang dalam proses untuk menaik taraf rumah-rumah guru, terutamanya di pedalaman. Terima kasih.

10. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, adakah kementerian memantau serius kelemahan siaran berbayar Astro yang menghadapi masalah penyiaran yang kurang memuaskan setiap kali cuaca hujan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Nalla atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam pada 18 Disember 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan perkhidmatan Astro. Bagi isu gangguan perkhidmatan penyiaran apabila waktu hujan atau *rain fade*, ia tidak dapat diatasi sepenuhnya memandangkan penyiaran KU-Band yang diguna Astro sememangnya terdedah kepada gangguan hujan, terutamanya di negara tropika seperti di Malaysia.

Beberapa pendekatan telah diambil bagi mengurangkan masalah gangguan hujan. Di antaranya adalah dengan pewujudan pusat penyiaran kedua di Cyberjaya yang bertindak sebagai pusat sokongan kepada pusat penyiaran utama ASTRO di Bukit Jalil. Setiap kali berlaku kegagalan untuk menghantar siaran dari Bukit Jalil ke satelit iaitu melalui *uplink*, maka pusat penyiaran di Cyberjaya akan membantu menghantar isyarat ke satelit dan sebaliknya. Usaha ini telah dapat mengatasi sebahagian daripada faktor gangguan hujan tetapi gangguan penerimaan di premis pelanggan adalah sukar untuk diatasi sepenuhnya. Walau bagaimanapun, piring satelit dan *decoder Beyond* telah meningkatkan kualiti transmisi atau penerimaan siaran sebanyak 30peratus berbanding *decoder* lama.

Dalam menangani isu seperti ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) serta ASTRO telah mengambil langkah proaktif dan berterusan bagi menjalankan kesedaran dan pembelajaran dalam mendidik pengguna mengenai isu-isu telekomunikasi seperti isu *rain fade* ini. Di samping itu, SKMM turut membuat pemantauan dan penguatkuasaan melalui standard mandatori untuk mutu perkhidmatan oleh penyedia aplikasi kandungan termasuk Astro.

■1150

Mengenai ASTRO NJOI, ia adalah merupakan inisiatif Astro untuk bersama-sama kerajaan dalam membantu rakyat Malaysia mendapat akses dalam pendidikan, transformasi, hiburan dan sukan. Sejak ia dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Disember 2011, sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan jumlah langganan sebanyak 132,000 sehingga kini.

NJOI diperkenalkan melalui tiga fasa dengan fasa pertama yang merupakan teras tanggungjawab sosial korporat iaitu CSR ASTRO untuk membantu meringankan beban sara hidup dan menaik taraf kemudahan rakyat Malaysia. Inisiatif ini mewujudkan impak sosial dengan memberikan langganan percuma kepada kandungan berbentuk pendidikan, informasi, hiburan dan sukan kepada komuniti berpendapatan rendah, badan-badan sosial serta kebajikan termasuk rumah-rumah di kawasan yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan televisyen dan radio.

Melalui fasa kedua pula, pelanggan boleh membeli *decoder* dan piring cakera satelit dengan hanya satu bayaran sebanyak RM338 termasuk kos pemasangan. Membuat pemasangan dan dapat menikmati 39 saluran televisyen dan radio yang terdiri daripada kandungan pembelajaran sepanjang hayat, informasi dan hiburan termasuk sukan secara percuma tanpa yuran langganan. Melalui fasa ketiga, pelanggan diberi pilihan untuk membeli program-program tambahan yang diminati daripada senarai menu yang menarik melalui mekanisme prabayar. Secara langsungnya, kemudahan NJOI ini dapat merapatkan jurang digital di Malaysia dan memberikan maklumat termasuk dasar-dasar kerajaan kepada rakyat walau jauh terletak di pedalaman. Sekian, terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak Kementerian memantau aktiviti dengan izin, *corporate social responsibility* (CSR) yang telah dijalankan oleh pihak ASTRO? Adakah cadangan kolaborasi di antara ASTRO dan kerajaan di dalam menjayakan dasar-dasar semasa Kerajaan Persekutuan? Bila hujan, langsung tidak boleh tengok TV, ASTRO sudah tutup. Lagi satu, saya ingat kurang-kurang sepuluh kali, dua puluh kali main tayangan gambar serupa. Bukan satu kali atau dua kali, sepuluh kali ASTRO. Bila hujan, itu hari beri diskaun untuk rakyat.

Ini yang rakyat banyak susah hati, banyak orang mari kompelin sama kita- "*Dato', do something*". Apa kita boleh bikin? Itu hari MIC punya *meeting* ada tengok Perdana Menteri. Perdana Menteri punya dekat, orang cakap itu ASTRO gambar baik, "*potchi*"... [*Bercakap menggunakan dialek India*] Perdana Menteri pun ada tanya apa "*potchi*"? "*Yilek*"... [*Bercakap menggunakan dialek India*] Tak ada apa-apa, apa-apa pun tak ada, "*yilek*". Jadi, Kementerian ini mesti ambil tindakan serius. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Nalla. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya huraikan dalam jawapan asal saya tadi, memang ada kolaborasi di antara kerajaan dan ASTRO dan begitu juga perkhidmatan NJOI yang disediakan oleh ASTRO adalah satu-satunya iaitu perkhidmatan secara CSR yang diberikan oleh mereka dan dalam penganjuran program ini ataupun perkhidmatan ini, kerajaan memang sentiasa berkomunikasi dengan ASTRO dan juga ini sekiranya kita lihat daripada segi kos yang dicaj oleh ASTRO untuk memberi *decoder* dan pemasangan cakera satelit, ini adalah bawah kos yang dibayar oleh ASTRO. Ini juga menunjukkan CSR mereka dan sebagaimana yang saya katakan tadi, setelah dipasang, pelanggan NJOI tidak payah bayar yuran bulanan untuk melanggan 20 saluran televisyen dan 19 saluran radio.

Ini menunjukkan satu beban dan satu kos kepada pemberi perkhidmatan dan kita di Malaysia sekarang sentiasa di ambang misalnya di ambang pilihan raya dan kita ada trend memang selalu memikirkan apa yang tidak seronok dan tidak sedap dan memang betul juga apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan *rain fade* tadi.

Ini adalah satu-satunya masalah teknikal yang tidak boleh diatasi sepenuhnya daripada segi teknikal oleh kerana di antara kita yang menerima siaran dan satelit yang memancar memang kalau ada gangguan daripada segi cuaca, ia seperti yang dikatakan dalam jawapan tadi memang tidak dapat kita elakkan 100 peratus tetapi daripada segi tinjauan dan selidikan, Yang Berhormat, iaitu teknologi baru seperti yang diguna pakai dalam *high definition television*, ia menggunakan cakera yang lebih besar dan nampak mungkin kerana saiz cakera ini yang lebih besar, mungkin ini yang boleh menurunkan gangguan daripada segi cuaca. Kita menggunakan cakera yang kecil, ini adalah satu-satunya yang dipersetujui di masa lampau iaitu pada permulaan perkhidmatan ASTRO dibuat di Malaysia tetapi sekarang oleh kerana kemajuan daripada segi teknologi, maka ada sedikit perubahan dibuat. Saya mengharapkan daripada segi gangguan mungkin dapat dikurangkan daripada semasa ke semasa dan ini bukan gurauan tetapi betul iaitu *size does matter*. Thank you.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Datuk Haji Yunus.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga menteri yang berkenaan. Saya ingin mengutarakan masalah siaran. Mungkin keluar daripada tajuk tetapi adalah kena mengena dengan siaran. Oleh kerana sesetengah negeri boleh menggunakan parabola sedangkan setengah-setengah negeri tidak boleh menggunakan parabola. Jadi kalau kita hendak siaran yang kata lebih baik, kenapa kita tidak guna parabola untuk digunakan keseluruhannya? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Ini adalah isu yang sering kali dibangkitkan di Dewan Rakyat dan di Dewan Senat dan begitu juga di peringkat kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

■1200

Sebenarnya keputusan berkenaan dengan perkhidmatan parabola atau TVRO ini adalah dibuat di mesyuarat Kabinet pada tahun 1987. Satu saya ingin terangkan di sini iaitu tidak ada kena-mengena dengan perkhidmatan yang disediakan oleh ASTRO oleh kerana ASTRO tahun 1997 iaitu sepuluh tahun kemudian. Kedua, yang memungkinkan TVRO tidak dibenarkan secara *automatic* iaitu oleh kerana daripada segi teknologi penyiaran menggunakan TVRO ini nanti kita tidak dapat tapis apa kandungan yang disiarkan di negara ini.

Sebagaimana yang kita ketahui dan yang selalu juga disebut iaitu ada beberapa agensi atau pertubuhan seperti misalnya *embassy* ataupun hotel-hotel dulu dilesenkan menggunakan parabola. Sampai sekarang juga sekiranya ada sesiapa rakyat Malaysia hendakkan perkhidmatan menggunakan parabola boleh juga memohon lesen dari kementerian melalui menteri sendiri untuk meluluskannya. Ini tidak bermakna ada sesetengah negeri ia dibenarkan sebegitu saja, ada sesetengah tempat tidak. Seperti saya ada katakan belum beberapa lama dahulu iaitu ini boleh diibaratkan seperti kita menghilangkan anjing, kalau kita hendak betul-betul menghilangkan anjing di bandar, orang yang bolehlah. Dia minta lesen daripada kerajaan tempatan tetapi ramai juga yang tidak berlesen. Bukan bermakna ia tidak salah dan bukan juga bermakna ia akan diambil tindakan.

Ini daripada budi bicara seseorang. Kalau hendak pohon lesen, ia memang sepatutnya menggunakan lesen dan ini yang berlaku sekarang tetapi yakinlah Yang Berhormat bahawa perkara ini sedang juga diperbincangkan dan ada kertas kerja yang disalurkan kepada kementerian dan kepada Kabinet untuk dipertimbangkan bagaimana kita boleh mengatasi persepsi yang berbeza ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan itu maka setakat inilah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013 Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[12 Disember 2012]**

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum kita beralih ke sesi seterusnya, ada dua perkara yang ingin saya kemukakan. Pertamanya usul Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.03 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 17 Disember 2012.”

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Perkara yang kedua ialah satu peringatan. Sebelum saya membuka ruang untuk pihak-pihak kementerian menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa lima hari yang lepas, saya ingin mengingatkan supaya semua wakil kementerian menjawab, diharap mereka yang menjawab wajar memberi jawapan yang munasabah dan memuaskan. Jangan bersikap ambil ringan atau cuba dengan seberapa segera sekadar untuk menjawab. Juga saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kalau soalan Yang Berhormat telah kemukakan sebelum ini tidak dijawab, saya benarkan Yang Berhormat untuk mencelah. Saya harap semua pihak mengambil perkara ini dengan serius.

Seterusnya saya dengan tidak membuang masa, saya ingin mempersilakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mula menjawab. Nampaknya ada lima orang. Kita mulakan dengan Dato' Seri Jamil Khir Baharum. Silakan Yang Berhormat Menteri.

12.06 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharum (B)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2013 dan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan hal ehwal Islam. Saya telah meneliti, menekuni dan melihat semua isu yang telah dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed mencadangkan supaya kerajaan melihat secara teliti dan serius untuk menyemak semula had hukuman bagi Mahkamah Syariah. Kerajaan sentiasa berusaha untuk melihat Mahkamah Syariah diperkasakan secara menyeluruh. Dalam hal ini, kerajaan menyedari bahawa peruntukan had hukuman sedia ada yang terdapat dalam Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1965 [Akta 355] masih rendah berbanding dengan had hukuman di Mahkamah Sivil.

Bagi peringkat persiapan yang menyeluruh ke arah memperkasakan lagi Mahkamah Syariah, adalah perlu Mahkamah Syariah dinaiktarafkan dan usaha naik taraf tersebut akan melibatkan pertambahan hierarki Mahkamah Syariah daripada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah kepada lima peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Majlis Rayuan Syariah.

Cadangan ini juga akan melibatkan naik taraf perjawatan dan emolumen para Hakim Mahkamah Syariah supaya setaraf dengan Mahkamah Sivil dan sebagainya. Bagi tujuan tersebut, terdapat banyak usaha penyelarasan dari sudut perundangan yang perlu dilakukan oleh kerajaan. Oleh yang demikian, sebarang usaha Kerajaan Persekutuan untuk menaikkan taraf sistem kehakiman syariah itu hendaklah dipersetujui secara kolektif oleh semua Majlis Agama Islam Negeri-negeri sebelum ia boleh dilaksanakan.

Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan yang meneruskan usaha tersebut iaitu menerusi pembentangan kertas cadangan menaikkan kedudukan Mahkamah Syariah dan Hakim-hakim Mahkamah Syariah di Malaysia dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia atau MKI pada 22 Ogos 2011 yang lalu. Setakat ini kertas cadangan tersebut telah dibentangkan kepada 12 buah negeri dan pembentangan terakhir di negeri Pahang akan diadakan pada 20 Disember 2012 dan negeri Kedah pada 30 Disember 2012.

Seterusnya cadangan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja untuk mendapat perkenan. Setelah institusi kehakiman syariah berjaya dinaiktarafkan, barulah akta tersebut boleh dipinda dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat bertanya sejauh manakah kumpulan ajaran sesat yang dapat disiasat dalam tempoh lima tahun yang lalu serta jumlah pendakwaan ke atas mereka yang terlibat. Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil perhatian serius dalam kewujudan ajaran sesat di negara ini. Untuk itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa menjalin kerjasama rapat dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan ajaran sesat.

■1210

Pada tahun 2011, sebanyak lapan ajaran sesat aktif telah direkodkan berbanding tahun 2010 sebanyak sepuluh ajaran. Angka tersebut semakin menurun dari tahun sebelum ini dan harapan kita ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan dengan baik. Bagi tempoh lima tahun lalu iaitu dari tahun 2007 hingga tahun 2011, jumlah tangkapan berkaitan kesalahan ajaran salah di seluruh negara ialah sebanyak 87 tangkapan dan pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
2007	19
2008	11
2009	40
2010	14
2011	3

Tangkapan tersebut adalah kesalahan-kesalahan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri berkenaan. Kesalahan yang dilakukan adalah pemujaan salah, doktrin palsu, mengembangkan doktrin agama, perbuatan dan perkataan murtad, subahat dan percubaan murtad dan dakwaan palsu.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk memantau dan mengawal kegiatan kumpulan agama di seluruh negara. Kerajaan berpandangan bahawa kerjasama yang berterusan antara JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta agensi-agensi berkaitan melalui pelbagai platform sedia ada dapat menyelaraskan tindakan bagi mengekang penularan ajaran sesat di negara ini. Antaranya melalui perjumpaan berkala mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

- (i) Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam (JAPPIS) yang bersidang tiga kali setahun;
- (ii) Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat (JAPAS) yang bersidang sekali setahun;
- (iii) Jawatankuasa Kerja Pendakwaan Syariah Malaysia yang bersidang dua kali setahun;
- (iv) Jawatankuasa Penguatkuasaan Syariah Malaysia yang bersidang dua kali setahun; dan

- (v) Mesyuarat Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA) dan Ketua Pendakwa Syarie (KPS) seluruh Malaysia yang bersidang dua kali setahun.

Mengenai cadangan supaya dipinda akta bagi memperuntukkan bahawa fahaman Ahlul Sunnah Wal-Jamaah supaya disebar di negara ini, pada masa ini undang-undang yang sedang berkuat kuasa di negeri ini ialah Akta Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam hanya mengiktiraf amalan Ahlul Sunnah Wal-Jamaah. Sebagai contoh, berdasarkan seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, hukum syarak ditafsirkan sebagai hukum syarak mengikut mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.

Di samping itu, keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada 15 Januari 1997 yang diwartakan pada 30 Januari 1997 telah memutuskan antara lain perkara yang berikut, iaitu menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahlul Sunnah Wal-Jamaah daripada segi akidah, syariah dan juga akhlak. Kesimpulannya, semua penganut mazhab di Malaysia boleh beramal dengan fahaman Ahlul Sunnah Wal-Jamaah yang menjadi pegangan mazhab Syafie, mazhab Hanafi, mazhab Maliki dan Hambali telah pun diiktiraf dan diterima pakai di Malaysia iaitu menerusi undang-undang Islam yang digubal di negeri-negeri di negara ini.

Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta supaya dikawal isu-isu yang menjejaskan akidah dan fatwa tidak dikeluarkan secara semberono. Kerajaan melalui pihak berkuasa agama sentiasa memantau, mengambil berat terhadap isu-isu agama yang berlegar dalam kalangan masyarakat. Walaupun kerajaan berpegang kepada prinsip kebebasan bersuara dan memberikan pandangan, namun perkara-perkara yang berkait dengan agama perlulah dikawal demi memelihara kesucian agama Islam. Adalah tidak wajar bagi sesiapa pun menggunakan kebebasan bersuara sebagai alasan untuk mengeluarkan pandangan yang boleh mengelirukan masyarakat khususnya umat Islam di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fatwa di Malaysia hanya boleh dikeluarkan oleh badan yang mempunyai autoriti seperti mana Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan jawatankuasa fatwa negeri-negeri. Oleh itu, pandangan ataupun pendapat yang diberikan oleh mana-mana individu yang kadang-kadang bercampur-aduk dengan pandangan politik, peribadi dan tidak boleh dianggap sebagai fatwa, sebaliknya sekadar pandangan peribadi individu yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu yang berkaitan dengan Lembaga Tabung Haji. Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader meminta supaya diberi penjelasan apakah perancangan strategik untuk menyelesaikan masalah ramai pendeposit yang menunggu lama untuk menunaikan haji dan mencadangkan kuota haji kepada masyarakat India Muslim.

Suka saya jelaskan, sistem pendaftaran haji yang diguna pakai oleh Tabung Haji adalah sistem pendaftaran haji terbuka kepada warganegara Malaysia yang beragama Islam dan berhasrat untuk mengerjakan haji. Pendeposit Tabung Haji yang memenuhi syarat pendaftaran akan diterima pendaftarannya dan Tabung Haji menyusun pendaftaran haji mengikut kuota haji yang diperuntukkan kepada negara Malaysia. Asas pemilihan bakal haji adalah di atas dasar yang dahulu didahulukan. Justeru, Tabung Haji tidak mempraktikkan kuota haji mengikut negeri, bangsa, atau etnik tertentu.

Memandangkan jumlah pendaftaran yang berhasrat mengerjakan haji telah meningkat sejak kebelakangan ini, Tabung Haji telah memperkenalkan beberapa syarat tambahan seperti berikut:

- (i) tidak membenarkan jemaah haji mendaftar dalam tempoh lima tahun selepas daripada pulang mengerjakan haji;
- (ii) tidak memilih kanak-kanak di bawah 15 tahun;
- (iii) memberi keutamaan kepada yang berumur 75 tahun ke atas jika ada kekosongan tempat;

- (iv) menetapkan bayaran haji bagi yang telah pernah pergi tunai haji untuk membayar bayaran haji sepenuhnya tanpa memperoleh tanggungan oleh Tabung Haji; dan
- (v) bagi yang mendaftar semula setelah mengerjakan haji, tiada jaminan diberikan keutamaan bagi ditawarkan untuk menunaikan haji pada masa hadapan.

Namun begitu, daripada satu juta pendeposit yang telah mendaftar, lebih 35 peratus atau 370,000 pendeposit yang mendaftar haji adalah yang berumur di bawah 39 tahun, manakala yang berumur 60 tahun ke atas ialah di sekitar 15 peratus atau 157,000 orang dan selebihnya adalah berumur di antara 40 hingga 59 tahun.

Ini menunjukkan bahawa umat Islam yang prihatin sekarang membuat pendaftaran awal agar apabila tiba giliran mereka untuk mengerjakan haji, mereka mencapai umur yang bersesuaian dan mempunyai wang yang cukup serta persediaan yang mantap daripada segi ibadah dan fizikal. Sekarang ini pendaftaran haji dalam kalangan mereka yang berumur 39 tahun ke bawah meningkat hasil daripada keprihatinan ibu bapa mengambil inisiatif untuk mendaftar haji bagi anak-anak mereka berikutan kesedaran menangani isu tempoh menunggu giliran dan kuota haji. Ia juga memupuk kesedaran menunaikan haji sejak kecil dalam tempoh waktu menunggu tidak begitu terasa lama kerana apabila waktu giliran untuk mengerjakan haji tiba, anak-anak mereka telah mencapai umur yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan itulah sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab dan yang mana tidak sempat dijawab perkara yang telah dicatat akan diambil tindakan sewajarnya...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua, mohon saya mencelah.

Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharum (B): Sila.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada musim haji baru-baru ini, Malaysia telah diberi kuota tambahan sebanyak 10,000 orang pada saat-saat akhir iaitu dua hari sebelum hari wuquf. Ini telah diberitahu sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Adakah ini satu keistimewaan yang diberikan kepada negara kita Malaysia dan tidak diberi kepada negara-negara lain? Kedua ialah sejauh mana Tabung Haji respons kepada tambahan ini sempat untuk menghantar 10,000 orang tambahan tadi? Terima kasih.

■1220

Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (B): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah membincangkan tambahan kuota jemaah haji. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan, sebenarnya memang menjadi satu peraturan yang dipegang oleh pihak Kerajaan Arab Saudi iaitu pada setiap negara umat Islam di seluruh dunia, kebenaran untuk menunaikan ibadat haji ialah pada kuota yang telah diputuskan iaitu mengambil kira 0.1peratus daripada penduduk negara umat Islam pada setiap negara. Keistimewaan, kalau boleh saya sebutkan sebagai keistimewaan negara kita Malaysia ialah 0.1peratus itu, ia tidak diukur pada jumlah umat Islam pada negara Malaysia.

Akan tetapi diukur pada jumlah keseluruhan umat, rakyat yang ada di Malaysia dan oleh sebab pada beberapa tahun yang lalu, dua tahun yang lepas kita menulis surat memaklumkan kepada PBB dan kita minta izin kepada pihak Kerajaan Arab Saudi tambahan kerana dulu kita diberi 0.1 peratus itu *based* kepada 26 juta penduduk, umat di Malaysia. Tidak kiralah apa bangsa, agama dan pegangan tetapi 26 juta. Akan tetapi bila kita minta tambahan kerana kita kata kita sudah bertambah 28 juta, Kerajaan Arab Saudi kata, dia semak *based* kepada laporan yang ada di PBB.

Jadi kita tulis surat semula pula, tambahan kita kepada 28 juta di PBB dan kita ditambah 2,000. Itu dua tahun yang lalu sehingga sampai sekarang ditambah sehingga 28,000. Manakala persoalan yang berkaitan dengan kita punya tambahan 10,000 tersebut, saya tidak menyebut bahawa sama ada ia sebagai keistimewaan atau sebagainya.

Akan tetapi inilah yang kita dapat daripada Kerajaan Arab Saudi. Mungkin daripada pelbagai faktor hubungan baik Kerajaan Malaysia terutamanya hubungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan begitulah juga dengan kesungguhan dan juga negara Malaysia dalam mengatur jemaah haji dengan begitu baik melalui penubuhan Tabung Haji walaupun Tabung Haji sudah sampai hampir 49 tahun, tahun 1963 diwujudkan.

Sehingga sampai hari ini Tabung Haji telah menjadi satu *benchmark*, tanda aras ukuran sehingga banyak kali dalam pertemuan-pertemuan peringkat antarabangsa Kerajaan Arab Saudi mencadangkan kepada negara-negara dunia umat Islam menjadikan Tabung Haji dan menjadikan negara Malaysia sebagai contoh. Jadi, mungkin atas faktor-faktor inilah yang saya katakan tadi kalau Yang Berhormat rumuskan ia sebagai satu keistimewaan, maka mungkin ia merupakan sebagai satu keistimewaan yang diberikan kepada negara Malaysia yang hanya satu-satunya negara mendapat tambahan pada musim haji yang lepas.

Kalau ditanyakan tentang bagaimana pengaturan, tentunya dalam tempoh masa dua hari sebelum berwuquf, kita menguruskan dengan sebaik mungkin walaupun kita tidak dapat memenuhi semua keperluan 10,000 kuota yang diberikan tetapi kita telah dapat memaksimumkan penghantaran terutamanya dengan memberikan kuota ini kepada jemaah-jemaah haji swasta yang mendapat kebenaran pengurusan daripada pihak Tabung Haji. Jadi pihak PTH ataupun pihak Tabung Haji yang mengatur secara swasta ini dapat mengatur dengan begitu baik untuk mereka menunaikan ibadat haji walaupun tidak keseluruhan kuota itu digunakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih kepada Datuk Liew Vui Keong untuk menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat.

12.24 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2013 yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan semua Ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin ingin mengetahui langkah kerajaan bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan guaman Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ataupun dikenali sebagai YBGK kepada rakyat Sabah dan seterusnya mencadangkan agar bayaran nominal RM300 dikenakan untuk perkhidmatan guaman YBGK tanpa mengira faktor taraf pendapatan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, YBGK menyediakan khidmat nasihat dan bantuan guaman dalam perkara jenayah termasuk jenayah syariah kepada warganegara Malaysia di peringkat tangkapan, reman, permohonan ikat jamin dan perbicaraan selaras dengan Perkara 5, fasal (3), Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak kepada orang yang ditangkap untuk diwakili oleh peguam. Memastikan bahawa wujudnya kesamarataan keadilan sebagaimana yang tertakluk dalam fasal (1) Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan.

YBGK telah mula beroperasi pada 2 April 2012 di seluruh negara. Di negeri Sabah pula, sebagai permulaannya perkhidmatan YBGK hanya meliputi bandar Kota Kinabalu, Pekan Papar, Pekan Penampang dan Pekan Tuaran setelah mengambil kira kemampuan sumber manusia YBGK pada masa ini di negeri Bawah Bayu itu. Mekanisme pelaksanaan operasi YBGK di negeri Sabah dibantu oleh Jabatan Bantuan Guaman yang bekerjasama dengan Persatuan Undang-undang Sabah ataupun dikenali sebagai Sabah *Law Association*.

Apabila seseorang warganegara ditangkap atas kesalahan jenayah, agensi penguatkuasaan yang berkenaan akan menghubungi pihak Jabatan Bantuan Guaman (JBG) bagi mendapatkan khidmat peguam. Pihak JBG akan berurusan dengan Persatuan Undang-undang Sabah yang akan mendapatkan peguam untuk mewakili orang yang kena tangkap itu.

YBGK boleh dihubungi menggunakan nombor talian tol percuma iaitu 1-800-889-245 dan segala kos panggilan ditanggung oleh pihak YBGK. Pada masa ini, YBGK memberikan perkhidmatan nasihat dan bantuan guaman secara percuma dalam perkara jenayah kepada semua warganegara di peringkat tangkapan, reman dan permohonan ikat jamin. Bagi kes yang melibatkan perbicaraan, bantuan guaman akan diberikan oleh YBGK secara percuma kepada warganegara Malaysia yang berpendapatan di bawah RM36,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu menyarankan supaya pinjaman penghutang yang telah disenaraikan sebagai bankrap dikeluarkan daripada senarai tersebut. Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya nilai kebangkrapan dinaikkan daripada RM30,000 kepada RM100,000 tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditentukan oleh institusi Bank.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, seksyen 5(3), Akta Kebankrapan 1967 sedia ada sememangnya memberikan perlindungan kepada penjamin sosial yang terdiri daripada penjamin kepada peminjam kenderaan, rumah dan biasiswa. Sehubungan dengan itu, bagi kategori penjamin tersebut boleh memohon pelepasan bankrap atau perintah pembatalan di mahkamah. Selain itu, sekiranya bankrap melebihi lima tahun boleh dipertimbangkan untuk diberi pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

Berkaitan dengan cadangan supaya nilai kebangkrapan dinaikkan, ia masih lagi dikaji dengan mengambil kira faktor perbandingan rejim insolvensi negara lain, keadaan ekonomi masa kini, kadar perbelanjaan pengguna dan persetujuan daripada pihak-pihak berkepentingan yang lain. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menegaskan bahawa nilai kebangkrapan yang terhad pada setakat ini adalah RM30,000. Permintaan untuk menaikkan nilai ini ke RM100,000 tidak semestinya akan meringankan bebanan bankrap untuk menyelesaikan hutang kerana sekiranya had nilai itu lebih tinggi bermakna hutang itu lebih tinggi dan mungkin lebih susah untuk si bankrap ini menyelesaikan hutang mereka.

■1230

Jadi kita lihat daripada nilai kebangkrapan yang ada di negara-negara lain seperti di negara Singapura, nilai kebangkrapan ataupun *the bankruptcy threshold* yang ada di situ adalah, SGD10,000 iaitu lebih kurang kita punya *currency* ialah dalam RM25,032. Manakala dengan negara Thailand pula had perhutangan dekat situ ialah 1 million Baht iaitu lebih kurang RM9,519. Bagi negara Australia pula, had keberhutangan di situ adalah dalam lingkungan AUS5,000 iaitu lebih kurang RM15,844. Jadi sekiranya kita bandingkan anggaran yang saya sebutkan tadi, had keberhutangan ataupun nilai kebangkrapan di negara kita amatlah tinggi dibandingkan dengan negara-negara lain. Sekiranya kita tinggikan lagi, tidak semestinya satu perkara yang baik kepada mereka, kerana hutang itu lebih tinggi dan lebih sukar untuk mereka membayarnya.

Jadi di sini saya ingin sekali lagi menegaskan kepada seseorang yang telah pun diisytiharkan bankrap daripada mahkamah, datanglah segera kepada cawangan Insolvensi, Mdl yang mentadbir kes-kes bankrap. Mereka yang telah pun diisytiharkan bankrap daripada mahkamah kenalah datang kepada pejabat ataupun cawangan Mdl seberapa cepat yang boleh.

Selepas itu kenalah memfailkan penyata hal ehwal dan menandatangani butiran aset dan juga liabiliti si bankrap. Ini kerana selepas sahaja dijatuhkan perintah kebangkrapan terhadap mereka, semua hal ehwal si bankrap dikendalikan oleh pihak Mdl. Jadi mereka kenalah datang kepada pejabat atau cawangan untuk memfailkan penyata hal ehwal dan juga memfailkan penyata pendapatan dan juga perbelanjaan. *It is a very simple procedure.* Hanya datang, pegawai akan bertanya kepada mereka mengenai butiran-butiran mereka, pendapatan dan juga perbelanjaan.

Walaupun ini mungkin menjadi satu stigma kepada ramai, tetapi apabila telah pun dijatuhkan perintah mahkamah, jadi kenalah datang untuk penyelesaian. Jangan hanya tidak peduli perkara itu nanti selepas mungkin dua, tiga tahun kah, lima tahun kah ataupun sepuluh tahun kemudian, ada yang kata, "*Alah, kenapa pula saya diisytiharkan bankrap dan kenapa saya tidak boleh ke luar negara,*" untuk ada yang menunaikan haji, ada yang pergi bercuti, ada yang hendak membuat perkara tertentu. Akan tetapi tidak boleh keluar dari negara kerana pihak Imigresen telah pun dimaklumkan oleh pihak Mdl untuk menyekat perjalanan mereka.

Jadi dalam hal begitu sekiranya si bankrap telah pun datang ke mahkamah, mereka bolehlah membuat sedikit sumbangan kepada aset kebangkrutan itu secara konsisten pada setiap bulan. Ini amatlah penting, kerana kerjasama si bankrap dengan pihak Mdl akan memberikan satu pertimbangan kepada pihak Pengarah nanti sama ada akan memberikan sijil pelepasan selepas lima tahun.

Jadi sijil pelepasan daripada si bankrap ini boleh dipertimbangkan oleh pihak Mdl tetapi tertakluk kepada faktor-faktor tertentu iaitu Pengarah Insolvensi ini kena faham, apakah sebab kebangkrutan si bankrap hadapi ini. Apa sebab dia dibankrapkan. Adakah dia meminjam wang daripada bank ataupun kad kredit ataupun sebagai penjamin. Mereka kena datang untuk menjelaskan semua itu.

Begitu juga pihak Insolvensi kena faham berapa lama si bankrap telah bankrap dan bagaimana dengan pembayaran yang telah pun dibuat. Adakah konsisten ataupun tidak dan juga sama ada aset si bankrap dan juga kesihatan, umur semua itu akan diambil kira oleh pihak Insolvensi dan juga perlakuan si bankrap pada masa dia dibankrapkan masa dia datang berjumpa dengan pihak Mdl.

Yang paling penting sekali ialah kerjasama yang telah pun diberikan oleh si bankrap kepada pihak Insolvensi. Ini jadi satu faktor yang utama untuk pihak Mdl untuk menentukan sama ada sijil pelepasan itu boleh diberi ataupun tidak kepada pihak si bankrap ini. Jadi itulah saya di sini ingin mengingatkan kepada mereka, walaupun penjamin tetapi penjamin ini dia punya hasrat ialah untuk menjamin orang yang meminjam duit itu, dia akan menjamin dia akan bayar hutang yang dihutang oleh peminjam itu.

Jadi tanggungjawab seseorang penjamin ini amatlah besar. Jadi apabila kita telah pun menjamin dan menandatangani dalam kontrak itu, kita kena membayar hutang peminjam sekiranya tidak membayar. Jadi kalau dia tidak bayar, pihak bank bolehlah saman bukan saja peminjam itu tetapi bersama-sama dengan penjamin. Jadi banyakkah kita mendengar bahawa penjamin ini dia tidak puas hati kerana dia kata saya hanya penjamin kenapa pula saya dikenakan. Akan tetapi dia punya obligasi ialah bahawa dia telah tandatangan dalam kontrak untuk membayar hutang si peminjam sekiranya peminjam itu tidak bayar.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus kepada isu dibangkitkan oleh...

Datuk Doris Sophia ak Brodi: Silakan.

Datuk Liew Vui Keong: ...Oh! Ya. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman yang telah pun membangkitkan isu tanah kuarters kerajaan yang *underutilizes*, dengan izin. Mencadangkan agar kerajaan membangunkan mengikut kesesuaian semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, terdapat beberapa projek pembinaan kuarters baru berkonsepkan *high rise*, dengan izin, sedang dilaksanakan untuk menggantikan kuarters-kuarters lama dan uzur di Kuala Lumpur. Antara senarai projek pembinaan kuarters baru yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) projek kuarters ganti di Jalan Cochrane Kuala Lumpur oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Prisma, World Embassy View Sdn. Bhd.;
- (ii) projek kuarters ganti di Jalan Ang Seng, Kuala Lumpur oleh MCRB; dan
- (iii) projek kuarters ganti di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur oleh SP Setia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar juga mencadangkan, agar kakitangan awam yang menduduki kuarters kerajaan juga diberi peluang untuk membeli kuarters tersebut memandangkan masih ramai kakitangan yang telah pencen tetapi tidak memiliki rumah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menjual rumah kuarters kepada penjawat awam berikutan keperluan terhadapnya yang tinggi. Sehingga 30 November tahun ini, senarai menunggu untuk mendiami kuarters di Putrajaya adalah sebanyak 9,556 orang, manakala di Kuala Lumpur adalah sebanyak 7,506 orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg menyarankan agar projek PR1MA dikembangkan ke negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) merupakan suatu dasar Kerajaan Persekutuan yang merangkumi semua bandar utama di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, pembangunan PR1MA untuk meliputi bandar-bandar utama Sarawak adalah seperti Kuching, Bintulu, Miri dan Sibul. Pembangunan PR1MA di negeri Sarawak juga bergantung kepada ketersediaan tapak-tapak strategik Kerajaan Persekutuan atau negeri yang dapat menemui model pembangunan PR1MA. Tapak pemilihan pemaju swasta yang strategik dan memenuhi kriteria PR1MA juga akan dipertimbangkan sekiranya tanah tersebut ditawarkan dengan harga yang berpatutan.

■1240

Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok memohon agar Majlis Keselamatan Negara bertindak segera untuk membaiki pulih jalan yang ditimbuni tanah runtuh dan juga titi yang runtuh akibat hakisan tanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 24 di bawah arahan MKN 20 menyatakan bahawa pemulihan dan juga pembangunan semula dilaksanakan oleh agensi yang bertanggungjawab terhadap infrastruktur awam tersebut. Dalam perkara ini, kerosakan jalan dan titi akibat bencana adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri, Jabatan Kerja Raya atau Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). MKN selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri boleh membuat perakuan terhadap cadangan-cadangan pembaikan semula tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini telah pun menyentuh mengenai isu persepsi rasuah dan juga kes-kes yang dikendalikan oleh pihak SPRM.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pencapaian Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa ataupun *Corruption Perception Index* (CPI) 2012 yang diumumkan pada 5 Disember baru-baru ini menunjukkan kedudukan Malaysia yang bertambah baik iaitu di tangga 54 daripada 176 negara berbanding dengan kedudukan di tangga 60 daripada 183 negara pada tahun 2011. Semasa pelancaran CPI Malaysia tersebut, pihak *Transparency International* juga telah mengumumkan bahawa terdapat perubahan pada metodologi indeks tersebut. Dengan itu, perbandingan dengan indeks CPI tahun-tahun sebelumnya adalah tidak wajar dilakukan.

Malaysia dengan skor 49 daripada 100 skor yang terbaik mengekalkan kedudukan di tangga ketiga dalam kalangan negara Asean selepas Singapura yang memungut 87 mata dan Brunei 55 mata. Malaysia juga mengatasi negara Thailand yang berada di tangga ke-88, negara Filipina - 105 poin dan juga negara Indonesia yang telah pun skor 118 poin. Peningkatan ini sebagai baik dan positif dan ia berhasil daripada inisiatif kerajaan dalam membanteras rasuah secara serius terutamanya melalui program transformasi kerajaan dan juga Bidang Utama Keberhasilan Negara iaitu NKRA.

Pembangunan *System Integrative Corporate Malaysia* (SICM) yang merupakan hasil kerjasama PEMANDU, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia adalah inisiatif yang penting yang telah pun membawa kesedaran dalam kalangan syarikat korporat, GLC dan juga agensi-agensi kerajaan untuk membudayakan integriti dan tadbir urus yang baik di samping dengan izin, *doing business ethically* sebagai elemen penting yang akan terus diperkasakan dalam usaha membanteras kegiatan rasuah. Sehingga November iaitu bulan lalu tahun ini, 154 syarikat telah menandatangani *Corporate Integrity Patch* (CIP).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu juga walaupun telah tamat pelantikannya, saya menjawab soalan yang telah dibangkit oleh beliau iaitu mengenai langkah-langkah yang diambil oleh SPRM terhadap salah guna kuasa oleh penjawat awam dan juga ahli politik seperti yang dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara yang terkini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPRM sentiasa menjalankan siasatan secara terperinci ke atas aduan rasuah, penyelewengan dan juga salah guna kuasa yang dilaporkan termasuk isu penyelewengan yang dicatatkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Namun, perlu dijelaskan bahawa tidak semua pendedahan dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut adalah berkaitan dengan perlakuan jenayah.

Sebaliknya, terdapat pendedahan yang melibatkan kelemahan pengurusan yang mana memerlukan tindakan secara pentadbiran oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan rekod yang terdapat di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi kes-kes laporan Ketua Audit Negara tahun 2000 hingga 2009, seramai 19 orang telah dituduh di mahkamah. Dua orang telah disabitkan kesalahan dan sepuluh orang dilepaskan dan dibebaskan oleh pihak mahkamah. Manakala bagi kes-kes yang masih dalam perbicaraan, ia melibatkan seramai tujuh orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd, Nor juga telah pun mencadangkan SPRM untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif untuk mencari jalan membanteras rasuah dalam kalangan masyarakat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPRM sentiasa serius dalam menangani isu-isu rasuah, penyalahgunaan kuasa dan juga penyelewengan seperti mana dalam peruntukan Akta SPRM 2009.

Badan bebas ini menjalankan transformasi berterusan untuk membanteras jenayah rasuah sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM. Antaranya, SPRM telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Transformasi yang bertujuan meningkatkan prestasi kualiti pentadbiran, mekanisme penilaian, memantau dan melaksanakan reformasi struktur dan pengurusan SPRM. Ini supaya keberkesanan siasatan dapat dicapai dengan memantapkan pencapaian fungsi operasi melalui pembangunan modal insan, memajukan keupayaan siasatan, perakaunan, forensik serta memperhalus usaha-usaha SPRM yang sedia ada bagi mengesan sebarang kelemahan serta mengambil tindakan pemulihan segera bagi memacu ke arah peningkatan tahap kualiti operasi SPRM.

Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pakar-pakar perundangan dan kehakiman, akademik, korporat serta tokoh-tokoh yang dihormati yang melibatkan perkara-perkara dari dalam dan luar negara bagi membincangkan dan membuat rumusan ke atas cadangan penambahbaikan berkaitan perjalanan operasi SPRM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha membanteras rasuah adalah atas kerjasama semua pihak. Rasuah bukannya hanya tanggungjawab SPRM, malahan ia adalah tanggungjawab semua masyarakat di negara ini. Pelbagai inisiatif telah dimainkan kerajaan dalam usaha memerangi jenayah rasuah ini. Namun, jika masyarakat masih lagi berfikir yang jenayah rasuah ini bukan tanggungjawab mereka, maka sia-sia usaha yang telah dimainkan oleh kerajaan dan juga pihak SPRM.

Yang Berhormat Senator Mohamad Ezam bin Mohd, Nor juga membangkitkan isu penangkapan pesalah rasuah yang dikatakan banyak dilakukan tetapi ramai juga yang terlepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harus diingatkan bahawa tidak semua kes tangkapan akan berakhir dengan pendakwaan. Tiada pendakwaan tidak bermakna tiada kesalahan berlaku. Ada kes yang dirujuk kepada jabatan untuk laporan SPRM ataupun surat nasihat dan sebagainya.

■1250

Mengenai kes rasuah yang dibawa ke mahkamah, kadar sabitan ialah pada tahun 2010 ialah 72 peratus, manakala pada tahun 2011 ialah 75 peratus. Pada 2012, setakat bulan November telah pun melebihi 80 peratus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pangkalan data pesalah di dalam web SPRM menunjukkan bahawa pada tahun 2010, terdapat 266 pesalah, tahun 2011 adalah 441 pesalah dan tahun 2012 setakat bulan November ialah 366 pesalah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menegaskan bahawa apabila seseorang yang kena tuduh di mahkamah, bukan sahaja dalam kes rasuah tetapi kes-kes jenayah, di bawah peruntukan Perlembagaan kita, mereka berhak untuk melantik peguam pilihan mereka untuk membela mereka. *This is his rights* dan kita telah pun dapat lihat dalam kes yang terkenal di negara ini. Seorang tertuduh telah pun melantik sampai sembilan orang peguam untuk membela dia. Jadi, ini adalah isu yang mana apabila seseorang dituduh itu terutama lagi sekiranya dia adalah orang yang kenamaan ataupun yang ada posisi dalam masyarakat yang mana dia mampu untuk membayar kos peguam. Jadi, tidak ada yang menghadkan berapa peguam boleh mewakili seseorang tertuduh.

Jadi, sekiranya seseorang tertuduh menghadapi kes rasuah dan dia mampu untuk melantik peguam terkenal dalam negara ini ataupun dalam dunia, dalam Komanwel, yang boleh dimasukkan ke negara ini untuk membela dia, *that is* dia punya hak. Dalam kes sebegitu memanglah peguam itu akan mencari jalan daripada segi undang-undang memastikan bahawa anak guamannya akan menang pada kes tuduhan ini.

Kadang-kala kita tidak bolehlah mengatakan bahawa yang ikan yu yang besar itu terlepas *because* ikan yu terbesar itu kadang-kadang dia mampu untuk melantik peguam yang berpengalaman, peguam yang terbaik, yang lebih daripada satu mungkin untuk membela dia. Dalam kes mahkamah, yang penting iaitu peguam hanya bagi pihak tertentu kena menimbulkan satu keraguan, *reasonable doubt* dalam kes pendakwaan untuk berjaya melepaskan anak guaman mereka daripada pertuduhan. Manakala bagi pihak pendakwaan, pihak pendakwaan kenalah bebanan lebih berat daripada mereka yang tertuduh. Pendakwaan kena buktikan dalam kes *beyond reasonable doubt* iaitu merangkumi semua keraguan untuk mendapatkan sabitan daripada pihak mahkamah. *So*, mahkamah ini akan tinjau semua kes dan kena pastikan bahawa pendakwaan telah pun berjaya untuk membuktikan kes secara *beyond reasonable doubt* untuk menjatuhkan sabitan. Sekiranya kita faham daripada segi itu, kita dapat lihat bahawa ada yang terlepas daripada pertuduhan. Ini tidak semestinya bahawa SPRM tidak menjalankan tugasnya.

Selain daripada itu, kita juga ada soalan daripada Yang Berhormat Senator Mohd. Ezam yang telah pun membangkitkan isu berkaitan dengan gaji penjawat awam yang sedikit mendorong penjawat awam mengambil rasuah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SPRM ada menjalankan kajian terhadap perlakuan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Kajian mendapati punca pendapatan atau penetapan gaji yang kecil atau rendah bukan merupakan punca utama atau satu-satunya punca mengapa penjawat awam mengambil rasuah. Sebaliknya, rasuah adalah jenayah yang dilakukan kerana tahap integriti individu tersebut. Di samping faktor-faktor lain iaitu pertama wujudnya ruang dan juga peluang untuk melakukan perbuatan rasuah. Kedua, sikap tamak dan juga haloba dan ketiga, mempunyai gaya hidup di luar kemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Yunus bin Haji Kurus telah pun membangkitkan isu penempatan komuniti Filipina di Pulau Labuan. Di mana mereka merupakan pemegang status IMM13 yang tinggal di rumah tinggalan tentera laut. Di mana kehadiran mereka membawa masalah kebersihan dan kesihatan kepada penduduk setempat. Yang Berhormat Senator mencadangkan agar mereka dihantar pulang ke negara asal memandangkan pergolakan di negara asal mereka telah selesai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerangka perjanjian (*framework agreement*) antara negara Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) yang ditandatangani pada 15 Oktober tahun ini merupakan detik penting bagi keamanan dan kemakmuran berkekalan di wilayah selatan Filipina.

Kerangka perjanjian ini diharapkan dapat direalisasikan sepenuhnya menjelang tahun 2016 dan mewujudkan wilayah Bangsamoro yang aman dan makmur. Kestabilan, keamanan dan kemakmuran hasil daripada pembangunan di wilayah tersebut akan dapat mengurangkan kemasukan pelarian dan pendatang asing tanpa izin dari Selatan Filipina ke Sabah dan Labuan. Peranan negara kita juga masih diperlukan di dalam beberapa aspek lain, terutamanya penentuan hala tuju perjanjian ini serta persefahaman di antara Kerajaan Filipina dan MILF. Dalam hubungan ini, keutamaan buat masa sekarang perlu diberikan di dalam membantu membangunkan wilayah Selatan Filipina terlebih dahulu dan memastikan keamanan dan keselamatan di sana dapat dicapai agar isu-isu lain seperti penghantaran pulang pelarian Filipina di Malaysia dapat dibincangkan pada masa hadapan.

Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul menggesa agar kerajaan mencari jalan penyelesaian yang luas dan yang tuntas terhadap punca sebenar permasalahan banjir PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) di negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mencari jalan penyelesaian terhadap masalah pendatang tanpa izin di Sabah. Permasalahan ini berpunca daripada pelbagai aspek termasuk faktor sejarah dan juga faktor tolakan dan tarikan yang berlaku. Bagi mengatasinya secara menyeluruh, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja ataupun dikenali sebagai RCI bagi menangani masalah berkaitan pendatang asing tanpa izin di Sabah yang membuktikan komitmen tinggi kerajaan di dalam menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan berhubung PATI di Sabah.

Tujuan penubuhan RCI ini adalah untuk mencari strategi dan pendekatan terbaik dan komprehensif bagi menangani masalah berkaitan di mana-mana terma rujukan RCI. Ini meliputi aspek keselamatan, sosioekonomi dan dalam alam sekitar. Hasil siasatan RCI ini diharap dapat menyelesaikan masalah PATI secara tuntas di negeri Sabah.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini kerana telah pun mengambil peranan dalam perbincangan Bajet 2013 dan telah pun menimbulkan isu-isu yang melibatkan Kementerian di bawah tanggungjawab saya. Sememangnya saya di sini tidak sempat untuk menjawab semua soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini. Jadi, saya berjanji akan memberikan jawapan bertulis. Sekiranya Yang Berhormat ingin mendapatkan jawapan itu daripada saya, bolehlah berjumpa dengan saya dan dengan pegawai saya. Dengan itu, saya akhiri ucapan saya ini dengan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Sekiranya dalam masa kesempatan, saya juga berharap kita akan sambungkan perbincangan kita selepas ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ada soalan-soalan Yang Berhormat yang belum dijawab, sila rujuk kepada Menteri supaya dia dapat menjawab secara bertulis. Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Kita kena tangguhkan Dewan ini buat sementara dan akan sambung balik jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita sambung semula jawapan daripada Kementerian-kementerian. Pertama, kedua. Datuk V. K Liew sudah habis? Sudah habis ya. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Silakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang bernas dan mengemukakan persoalan mengenai dua daripada portfolio saya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah begitu prihatin dan begitu mengambil berat terhadap Rukun Tetangga. Saya mengucapkan terima kasih. Beliau berharap bahawa peruntukan untuk Rukun Tetangga dapat diberi sewajarnya kerana peranan Rukun Tetangga adalah begitu penting untuk memupuk perpaduan dan meredakan ketegangan keadaan.

Beliau juga mencadangkan agar Skim Rondaan Sukarela dapat diperkembangkan, diberi peralatan yang sepatutnya dengan *base* pengawalnya baik dan juga dengan imbuhan-imbuhan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' dan juga Ahli Yang Berhormat lain, sememangnya di bawah Program Transformasi Kerajaan ataupun *Government Transformation Program* (GTP) khasnya NKRA Keselamatan untuk mencegah jenayah, maka KRT dan SRS telah diberi peranan yang penting dan telah juga diberi peruntukan yang lebih berbanding dengan tahun-tahun yang lalu.

Maka sambutan orang awam khasnya penduduk tempatan terhadap penduduk Rukun Tetangga juga memang amat menggalakkan. Hampir empat tahun kebelakangan ini kita lihat penambahan KRT kurang daripada 4,000 di seluruh negara lebih daripada 6,000 iaitu penambahan lebih daripada 50 peratus. SRS juga lebih menggalakkan lagi iaitu penambahan kurang daripada 1,300 sampai lebih daripada 3,400 iaitu penambahan lebih daripada 165 peratus.

Maka ini menunjukkan bahawa kesedaran dan komitmen orang awam khususnya penduduk tempatan memang sudah meningkat, menyahut baik seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam GTP dan khususnya untuk Gagasan 1Malaysia memupuk perpaduan dan keharmonian.

Oleh itu kerajaan juga telah memberi galakan yang bertambah iaitu dulunya geran pentadbiran setiap Rukun Tetangga adalah lebih setakat RM200 sebulan telah dinaikkan ke RM400. Sekarang untuk tahun ini mulai bajet yang baru telah naik ke RM500 sebulan yang menjadikannya untuk kalau kita memberi satu anggaran kasar untuk tahun 2013 iaitu sebanyak 6,500 KRT. Maka peruntukan yang khas disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan beliau ialah peruntukan tambahan RM39 juta untuk 6,500 KRT. Maka ini adalah diharap bahawa kita akan memberi galakan yang lebih. Di samping itu, untuk KRT yang aktif mereka akan diberi geran untuk aktiviti selain daripada geran pentadbiran. Mereka juga sering menerima sokongan dan bantuan serta juga derma daripada sektor swasta syarikat-syarikat tempatan yang memberi sokongan kepada mereka.

Di samping itu untuk SRS maka mereka telah diberi RM200 sebulan sebagai peruntukan ataupun geran pentadbiran. Ini akan diteruskan bergantung kepada kedudukan kewangan. Kalau kita dapat lebih, maka kita akan memberikan lebih. Mereka memang diberi peralatan asas. Mulai dari tahun ini, SRS yang aktif yang menjalankan rondaan tetap diberi peralatan yang lebih canggih iaitu *walkie-talkie*. Kita telah memasang sistem *walkie-talkie* di kebanyakan negeri. Ini telah membantu keberkesanan SRS.

Kami juga amat prihatin akan pengorbanan peronda SRS. Oleh itu, kadar perlindungan kemalangan berkelompok atau personel *accident coverage* yang telah diberi selama ini telah ditambah daripada RM20,000 ke RM40,000 ketika mereka bertugas mulai 1 Januari 2013. Maka ini adalah sebagai satu pengiktirafan. Di samping itu, kita juga telah merangka kerjasama yang rapat bersama dengan Polis Diraja Malaysia, RELA dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) melalui konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

■1440

Oleh itu, kami memang berasa amat kagum terhadap perkembangan dan juga sambutan baik. Bilangan aktiviti yang dianjurkan oleh KRT juga telah meningkat, misalnya untuk tahun ini setakat bulan November telah diadakan lebih daripada 200,000 aktiviti di seluruh negara yang melibatkan penyertaan lebih daripada 6.4 juta penyertaan atau peserta dan ini memang sesuatu yang dapat merapatkan lagi perhubungan antara golongan di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza pula membangkitkan isu tentang Tabika Perpaduan dan beliau...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Pohon penjelasan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Pohon penjelasan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat berterima kasih di atas usaha kerajaan bagi meningkatkan kualiti dan peningkatan dalam peruntukan. Daripada pengalaman saya sendiri dengan KRT, saya lihat ada KRT yang aktif dan ada yang tidak aktif. Peruntukan yang kita berikan sama rata RM500 itu kadang-kadang memanglah tidak cukup kepada yang aktif dan apa yang kita buat ialah dibuat secara berkelompok.

Ini kerana kadang-kadang dalam usaha membuat program secara besar-besaran di peringkat berkelompok ini tadi kekurangan peruntukan di peringkat jabatan. Ini yang kadang-kadang melunturkan semangat kami dalam melancarkan aktiviti, itu satu. Kedua, berhubung dengan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, geran RM10,000 kepada kawasan-kawasan KRT dan persatuan-persatuan penduduk.

Saya rasa harus diberikan sedikit perhatian bagi menentukan tidak ada pertindihan dan juga salah faham, sebab persatuan penduduk ada, KRT ada. Dua entiti yang berlainan dan kadang-kadang dikepalai, diterajui oleh dua puak yang berlainan. Ini mungkin menjadi punca perbalahan pada masa akan datang. Jadi mesti ada mekanisme untuk menyelesaikan perkara ini. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb. Memang ada di antara KRT yang aktif, yang sangat aktif dan juga ada yang kurang aktif. Walau bagaimanapun, untuk tahun ini, kami memberikan geran pentadbiran kepada hampir semua, kecuali ada KRT yang langsung tidak aktif, tidak mengadakan mesyuarat maka mungkin kita tidak bagilah. Akan tetapi untuk yang lain, kita akan beri geran pentadbiran ini sebagai satu galakan kepada mereka.

Akan tetapi apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah untuk KRT, yang penting sekali ialah semangat kesukarelaan, *the spirit of voluntarism* untuk memupuk kejiranan. Maka saya boleh mengatakan bahawa daripada pengalaman dan pemerhatian saya, kebanyakan KRT memang peka terhadap konsep semangat kesukarelaan ini dan mereka memang sudi untuk mengorbankan masa dan tenaga untuk berkhidmat. Mengenai geran yang pertama kalinya dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu RM10,000 kepada persatuan penduduk, ini disalurkan melalui pendaftar pertubuhan dan akan diuruskan mulai awal tahun depan.

Sebenarnya ada sedikit pertindihan di sana sini. Ini kerana di kebanyakan tempat wujudnya KRT dan wujudnya persatuan. Memang di kebanyakan tempat kedua-duanya dapat bekerjasama dengan rapat, ada yang diketuai dan dipimpin oleh orang yang sama tetapi memang ada juga di kawasan yang mana ada perbezaan dan ada puak-puak yang tidak bersetuju, bersepakat.

Walaupun bagaimanapun, nasihat pihak jabatan kepada jawatankuasa KRT supaya mengamalkan sikap kesederhanaan dan keterangkuman, *moderation and inclusiveness* untuk berusaha bekerjasama dengan sesiapa pun di dalam kawasan supaya peranan KRT untuk memupuk keharmonian dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, kita tidak menafikan ada di tempat-tempat tertentu, di mana kita memerlukan proses mediasi untuk dijalankan supaya kita menenteramkan kedua-dua pihak agar mereka dapat bekerjasama. Itu sebagai jawapan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb.

Beralih kepada isu tadika dan Tabika Perpaduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza. Beliau mencadangkan supaya dikaji semula *syllabus* Tabika Perpaduan dan Tadika KEMAS supaya diselaraskan. Sememangnya ini telah dilaksanakan sejak tahun 2010. Apabila kita melaksanakan NKRA pendidikan, maka satu daripada usaha dan inisiatif utama ialah untuk menyeragamkan *syllabus* semua tadika iaitu Tadika KEMAS, Tabika Perpaduan, tadika di bawah Kementerian Pelajaran sendiri dan juga tadika swasta.

Usaha ini telah menghasilkan satu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Guru-guru Tadika KEMAS dan Tabika Perpaduan telah dilatih peringkat demi peringkat untuk dapat mengamalkan KSPK ini. Sememangnya tadika swasta yang diberi peruntukan *one-off* juga telah digalakkan untuk menggunakan KSPK ini dan sememangnya ini juga telah dapat menghasilkan satu keseragaman daripada segi isi kandungan yang dapat disampaikan kepada anak-anak kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok pula membangkitkan cadangan supaya diwujudkan satu konsep guru bergerak, khasnya untuk kawasan pedalaman. Di mana guru ini akan dibekalkan dengan peralatan pengajaran, masuk ke kawasan rumah panjang misalnya dan untuk mengajar kanak-kanak yang tidak berpeluang mendapatkan pendidikan awal ataupun pendidikan prasekolah kerana mereka berada di pedalaman. Sememangnya konsep ini pernah dipertimbangkan oleh kerajaan tetapi kerajaan menganggap bahawa lebih baik, sesuai dan tepat kita mewujudkan kelas tabika di rumah panjang, di merata-rata tempat. Ini sememangnya telah dilaksanakan di bawah NKRA pendidikan, peringkat demi peringkat.

Setakat ini, daripada segi pendaftaran kanak-kanak di dalam semua kategori tadika awam dan swasta sudah melebihi 860,000 orang. Satu peningkatan yang amat menggalakkan.

Oleh itu, cadangan dan sasaran kita ialah untuk seberapa yang boleh mencapai 90peratus daripada kanak-kanak dapat menerima pendidikan prasekolah menjelang tahun 2015.

■1500

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad mencadangkan supaya diwujudkan tadika bahasa Inggeris untuk menggalakkan dan memperkenalkan bahasa Inggeris di usia muda, menyahut seruan Timbalan Perdana Menteri. Sememangnya melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPSK), ia telah menetapkan penggunaan sebanyak 50 peratus Bahasa Malaysia dan 50 peratus Bahasa Inggeris. Ini adalah untuk menyahut seruan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke arah untuk Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Walau bagaimanapun, pihak kerajaan menganggap bahawa kalau kita hanya ada tadika bahasa Inggeris, maka kanak-kanak kita tidak akan terdedah kepada Bahasa Kebangsaan kita. Oleh itu, satu pendekatan dwibahasa telah digunakan.

Oleh itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang begitu peka terhadap peranan tabika. Ini sememangnya adalah komitmen kerajaan supaya kita melaksanakan pendidikan prasekolah sebagai satu komitmen di bawah Program Transformasi Kerajaan.

Saya beralih kepada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, pohon minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, boleh. Dipersilakan Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Kami menyanjung tinggilah di atas inisiatif kerajaan yang mana telah pun berusaha untuk mendirikan tadika di bawah Jabatan Perpaduan untuk meletakkan satu sistem pelbagai bahasa. Jadi saya ingin pastikanlah Tuan Yang di-Pertua, di mana kurikulum yang menggunakan 50 peratus Bahasa Malaysia dan 50 peratus Bahasa Inggeris itu adakah hendak dilaksanakan di peringkat kota, bandar ataupun secara menyeluruh di desa-desa? Jadi saya pohonlah supaya keseragaman cara di bawah pendidikan di bawah Jabatan Perpaduan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan penerimaannya dapat diterima oleh rakyat secara menyeluruh termasuk di luar bandar juga. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan telah dirangka supaya mengambil kira pendekatan dwibahasa. Akan tetapi, ini sememangnya di peringkat awal dalam pendidikan prasekolah yang mana kanak-kanak didedahkan kepada peristilahan yang *basic*, yang asas dalam kedua-dua bahasa khasnya bahasa Inggeris.

Walaupun bagaimanapun, kita pun sedari bahawa dalam kawasan pedalaman misalnya, mungkin guru-guru tabika atau tadika yang terlibat masih tidak begitu fasih. Oleh itu, telah dicadangkan dan dilaksanakan berperingkat-peringkat menggunakan teknologi maklumat melalui program komputer dalam pengajaran bahasa yang mana guru walaupun tidak cukup fasih pun boleh dipandu dan dibantu untuk mengajar dengan lebih berkesan bahasa Inggeris. Terima kasih.

Saya beralih kepada Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader yang merujuk kepada pemohon untuk perkhidmatan awam yang gagal dilantik. Sememangnya permohonan untuk perkhidmatan awam agak tinggi iaitu lebih daripada 1,100,000 permohonan telah diterima pada tahun 2011 misalnya. Akan tetapi yang dipanggil untuk temu duga selepas tapisan kelayakan ialah seramai 111,000 orang, dan akhirnya yang dilantik ialah seramai 46,500 orang iaitu lebih kurang 4 peratus daripada jumlah permohonan.

Walaupun begitu, saya mesti menjelaskan di sini bahawa permohonan itu adalah yang bertindih, mungkin seorang pemohon dia memohon untuk empat lima jawatan dan dikira sebagai empat, lima permohonan. Walau bagaimanapun, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memang bersikap terbuka dalam membuat pemilihan calon ke dalam perkhidmatan awam. Walaupun kekosongan yang perlu diisi adalah begitu terhad, tetapi SPA berusaha untuk mendapatkan calon yang terbaik untuk berkhidmat dengan kerajaan.

Dalam usaha untuk membantu bakal calon atau calon untuk melalui proses tapisan, maka SPA telah mengadakan sesi *coaching* iaitu untuk mengadakan seminar pengenalan kepada skil pekerjaan dalam sektor awam. Diadakan *mock interview* untuk temu duga untuk melatih supaya mereka dapat berhadapan dengan temu duga yang sebenarnya, taklimat mengenai kerjaya, *tips* untuk menjawab soalan peperiksaan dan sebagainya dan Hari Bersama Pelanggan yang diadakan supaya mereka dapat menyesuaikan diri. Maka usaha-usaha ini ialah untuk menggalakkan supaya calon-calon itu akan lebih selesa apabila mengambil peperiksaan atau menghadapi temu duga.

Usaha ini telah mendapat satu respons yang agak positif daripada calon tetapi sememangnya kita tidak dapat menerima semua yang memohon. Kita perlulah memilih yang terbaik. Maka, itulah pendirian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Ini memang merupakan komitmen kerajaan supaya kita meningkatkan lagi perkhidmatan awam melalui konsep pencapaian diutamakan supaya kita dapat mendahulukan rakyat mengikut Gagasan 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Devamany.

2.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan salam sejahtera dan salam 1Malaysia, dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013. Maka tibalah masanya untuk saya menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan mengenai bidang tugas Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan ekonomi khususnya di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), MIGHT dan PEMANDU.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mendakwa bahawa berdasarkan data dan fakta yang dapat dikumpulkan setakat ini, kemungkinan Wawasan 2020 tidak dapat dicapai. Ini kerana mengikut statistik yang dikumpulkan oleh *World Bank*, dengan izin, pendapatan per kapita Malaysia merosot jika dibandingkan dengan beberapa buah negara di rantau ini.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah berdasarkan Modal Ekonomi Baru (NEM) hasil daripada Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) pada tahun 2010. Sasaran NEM adalah untuk Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Melalui Program Transformasi Ekonomi yang telah giat dilaksanakan sejak bulan September tahun 2010, bertujuan untuk membawa ekonomi Malaysia ke arah negara yang berpendapatan tinggi dengan mencapai sasaran Pendapatan Kasar Negara ataupun GNI sebanyak USD15,000 pada tahun 2020. Sasaran bagi negara berpendapatan tinggi ini ditakrifkan oleh Bank Dunia ataupun *World Bank* melalui angka GNI per kapita. Data untuk GNI per kapita kini menunjukkan peningkatan daripada USD6,700 pada tahun 2009 kepada USD8,100 bagi tahun 2010 dan kini kepada USD9,500 pada tahun 2011.

Mengikut unjuran terkini, kita akan mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi lebih awal iaitu pada tahun 2018, unjuran ya, yang mana pendapatan per kapita dianggarkan akan mencapai USD15,576 dengan andaian tahap *threshold* USD15,000 untuk negara maju tidak dipinda oleh Bank Dunia. Ini juga tertakluk kepada iklim ekonomi dunia yang stabil. Berdasarkan kepada trajektori ini, kerajaan yakin Malaysia dapat mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai isu pengagihan dan kemiskinan.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar menyarankan kerajaan mencari jalan agar dapat mencapai sasaran 30peratus ekuiti bagi bumiputera termasuk bumiputera Siam, Sabah dan Sarawak. Sepanjang pelaksanaan DEB, ekuiti bumiputera hanya mencapai sebanyak 23 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha dan terus komited untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti bumiputera menjelang tahun 2020. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai instrumen telah direka bentuk untuk tujuan tersebut.

Di antara pendekatan dan program yang telah dijalankan adalah pertama, memperkukuh peranan agensi amanah dan institusi bumiputera sedia ada seperti MARA, PNB, Lembaga Tabung Haji, UDA, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) bagi meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat. Kedua, memberi penekanan kepada instrumen seperti pemilikan institusi bagi ekuiti korporat dan diperluaskan merangkumi hartanah yang membolehkan pengumpulan dan pengemblemangan dana serta pengagihan keuntungan kepada kumpulan sasaran yang lebih besar.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, saya habiskan ini. Satu sahaja lagi frasa. Sebagai contoh penubuhan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) yang akan membantu menambatkan ekuiti bumiputera dan memainkan peranan sebagai syarikat *government linked private equity fund*, dengan izin. *Management* yang bukan sahaja mengurus dana daripada sumber kerajaan malah menjana dana daripada sumber luar. Dipersilakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya mohon bertanya, sejauh manakah UDA dibantu untuk UDA bergerak aktif dan bina premis perniagaan? Ini kerana setahu saya UDA tidak dibantu. UDA daif dan miskin. UDA tidak ada duit tetapi kerajaan tidak bantu langsung. Adakah ini benar? Kalau benar mengapa dan kenapa?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu yang mungkin saya tidak tahu apa hendak kata, komen kah atau tuduhan kah. Baik, kalau boleh saya akan beri butiran-butiran lanjut daripada aktiviti-aktiviti UDA dan sekiranya ada kelemahan di peringkat itu, kami akan maklumkan dan kita boleh jemput Yang Berhormat datang sama bincang bagaimana tuduhan itu dapat dijernihkan ataupun kita *move forward*. Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga itu Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) diberi tanggungjawab untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi secara bermakna.

Keempat, memperkenalkan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) di bawah TERAJU bagi meningkatkan taraf pendidikan dalam kalangan bumiputera dengan menyediakan latihan dan pembangunan profesional dalam sektor yang menjanjikan landasan kerjaya yang berpendapatan dan berpotensi tinggi. Kelima, menyediakan bantuan kewangan dan pembiayaan perniagaan seperti Dana Mudah Cara, dengan izin, *Facilitation Fund*.

Di bawah TERAJU yang menyediakan sokongan kepada Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) bumiputera yang menyediakan kemudahan pinjaman di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN). Kelima menyediakan latihan dan program pembangunan usahawan seperti Program Teras di bawah TERAJU. Program Keusahawanan MARA dan Program *Prosper Trust*, Dewan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Ketujuh, memperkenalkan program memiliki unit amanah saham seperti Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) di bawah Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). Bagi pemilikan hartanah pula, dana pelaburan tanah telah diwujudkan melalui Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB). Justeru, berdasarkan usaha seperti yang dikatakan tadi, kerajaan yakin pemilikan ekuiti etnik bumiputera akan terus meningkat dan mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus seperti yang telah ditetapkan dan diteruskan dan seterusnya mencapai hasrat untuk menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga mencadangkan supaya paras garis kemiskinan dikaji semula agar lebih realistik iaitu antara RM1,200 hingga RM1,500 sebulan. Beliau juga mencadangkan agar lebih banyak peruntukan dan projek-projek diberi untuk membantu rakyat miskin agar golongan ini dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik. Untuk makluman Yang Berhormat ya, izinkan saya menerangkan sedikit mengenai definisi baru.

Dalam tempoh tiga tahun ini Tuan Yang di-Pertua, definisi kemiskinan telah dirombak semula mencadangkan inflasi semakin meningkat. Sekarang kita ada empat kategori. Pertama ialah miskin tegar yang *threshold* nya adalah RM490 tetapi di Sabah dan Sarawak berbeza. Di Sabah dan Sarawak dia punya *threshold* adalah RM630 di Sabah dan Labuan dan Sarawak RM590. Itu yang pertama. Bila kita kata miskin tegar ini, dia hanya mengambil kira *food basket* yang mana mereka hanya mampu beli makanan sahaja. *Non food basket* dia tidak kira iaitu perkhidmatan hantar anak dia pergi ke sekolah, *expenditure* dan perbelanjaan lain. Sekarang kita ada miskin pula. Miskin, *threshold* nya adalah RM720 yang mana miskin termasuk *food basket*, dan *non food basket*, dengan izin.

Selepas itu, Perdana Menteri telah membawa sekarang satu konsep baru dalam menangani masalah isu golongan kurang berpendapatan iaitu RM2,300. Orang di bawah 2,300 gajinya, dia punya pendapatan isi keluarga dianggap sebagai 40 peratus *low income group*, yang terbawah. Sebanyak 40 peratus adalah *low income group* dan baru-baru ini untuk tujuan bantu golongan yang tertekan daripada segi kewangan.

Perdana Menteri telah meletakkan RM3,000 sebagai *threshold* nya. Jadi, empat jenis bantuan diberi sekarang. Pertama, untuk golongan miskin tegar, kedua untuk golongan yang miskin, ketiga 40peratus golongan terendah dalam pendapatan RM2,300 *threshold* nya dan akhir sekali kepada orang yang mengalami tekanan kewangan akibat daripada kos yang semakin meningkat iaitu RM3,000. Itu sebabnya kalau Bajet 2013, kita ada konsep BR1M yang diberi di bawah golongan yang dapat RM3,000 ke bawah dan macam-macam bantuan lagi, instrumen-instrumen yang direka untuk bantu golongan yang tertekan ini, itu yang pertama.

■1510

Maka Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah meletakkan RM1,200 hingga RM1,500 sebulan. Maka mereka memang adalah dia punya pencapaian itu. Gaji minimum pun telah diletak di bawah RM900 sekarang untuk memastikan bahawa majikan dapat membayar gaji yang setimpal dengan perkembangan semasa. Itulah lebih kurang saya hendak ceritakan sedikit, kerana ini terlalu kompleks sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemiskinan mutlak bukan lagi merupakan isu utama, ini fokusnya. Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh telah memberi perhatian kemiskinan relatif, itu sahaja tangga gaji itu berbeza-beza. Memberi perhatian utama kepada isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah iaitu golongan yang berpendapatan yang RM2,300 tadi. Mengambil kira peningkatan kos hidup, kerajaan turut membantu golongan *vulnerable* iaitu berpendapatan di bawah RM3,000 seperti yang dikatakan mengikut *need base*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai soalan yang kedua beliau tadi, program yang dilaksanakan membantu rakyat miskin tegar adalah pelaksanaan program peningkatan kapasiti dan *capability* melalui program latihan bagi membangunkan potensi serta meningkatkan daya saing dalam merebut peluang pekerjaan. Pelaksanaan program peningkatan pendapatan, penyediaan peluang perumahan, dan juga pelaksanaan pelbagai program dua bidang keberhasilan utama infrastruktur luar bandar NKRA dan juga program 1AZAM di bawah NKRA isi rumah berpendapatan rendah. Ini terdapat dalam bajet.

Bagi golongan warga emas pula, yang tidak produktif, yang tua, ibu tunggal, yang sakit, kerajaan turut melaksanakan program-program berbentuk kebajikan yang mana bantuan kewangan langsung diberi kepada keluarga-keluarga. Maka kalau ada Yang Berhormat mengesan golongan yang belum diberi bantuan, tolong bagi tahu kita cepat-cepat supaya golongan ini tidak ketinggalan. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu kemiskinan di Sabah, khusus di Sabah.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman menyatakan bahawa kerajaan harus mempunyai gerak kerja bagi membasmi kemiskinan tegar di Sabah secara menyeluruh dan tersusun dan taraf kemiskinan di Sabah juga wajar dikaji semula.

Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali pula menyatakan bahawa Sabah mempunyai kadar kemiskinan yang paling tinggi, walaupun mempunyai sumber kekayaan yang banyak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan mula sedar bahawa memang Sabah mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi. Kedua, diikuti Sarawak dan kemudiannya Kelantan. Maka statistik kita memang menunjukkan bahawa Sabah dan Sarawak dan Kelantan memerlukan fokus untuk membasmi kemiskinan untuk agenda pengagihan kekayaan dapat disempurnakan.

Maka kerajaan telah merangka gerak kerja yang bersepadu menyeluruh dalam usaha untuk membasmi kemiskinan tegar di seluruh negara. Gerak kerja ini merangkumi penggubalan dasar dan sasaran yang terlibat berdasarkan pendaftaran dalam eKasih. Berdasarkan gerak kerja tersebut tindakan yang telah diambil adalah kajian *need analysis* dengan izin, dijalankan mengikut keperluan individu dalam isi rumah. Agensi pemberi bantuan merangka jenis bantuan yang diperlukan.

Ketiga, pemantauan dan penilaian dijalankan secara sistematik melalui eKasih ke atas sasaran. Untuk makluman Yang Berhormat, pada dasarnya kerajaan telah berjaya mengurangkan kemiskinan dalam negara. Contohnya daripada segi kemiskinan mutlak, kadar kemiskinan di Sabah telah berkurangan daripada 58.3 peratus dari tahun 1976 kepada 19.7 peratus pada tahun 2009. Walaupun Sabah masih mempunyai bilangan isi rumah miskin yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain, negeri Sabah hanya merupakan secara relatifnya, miskin relatifnya 11.4 peratus sahaja daripada isi rumah yang berpendapatan RM2,300 sebulan.

Bagi golongan yang berpendapatan rendah, usaha ditumpukan kepada program seperti yang dikatakan tadi terlebih dahulu, *capacity* dan *capability*. Contohnya program pendidikan, latihan dengan izin, *employability*, penjanaaan pendapatan melalui keusahawanan. Tidak payah saya cerita satu-persatu. Banyak lagi program yang dikatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kerajaan juga telah meluluskan peruntukan untuk melaksanakan inisiatif tambahan bagi golongan di Sabah dan Sarawak. Peruntukan tersebut disalurkan bagi membiayai pelaksanaan inisiatif khas yang meliputi projek-projek ekonomi, pendidikan, pembangunan infrastruktur dan satu lagi yang baru adalah pembangunan *native customary right land* di Sabah dan Sarawak, supaya memberi hak milik kepada mereka. Maka satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk melihat bagaimana perkara ini dapat disempurnakan atau dibetulkan.

Selain daripada itu, kumpulan minoriti di Sabah dapat manfaat daripada pelaksanaan program membasmi kemiskinan dan inisiatif kapasiti. Saya memohon kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kalau boleh mintalah masuk ke dalam *website* PEMANDU, kerana segala laporan tahunan mengenai apa yang telah dibuat, *detailnya* berapa ribu kilometer telah siap, berapa ribu rumah telah dibekalkan elektrik, berapa ribu rumah telah diberi bekalan air dalam tempoh tiga tahun ini.

Tidak pernah dalam sejarah, duit yang begitu banyak dibelanjakan untuk memastikan bahawa anak-anak kita dapat pergi ke sekolah, yang ada elektrik dan air, supaya isi rumah tidak dalam keadaan kedaifan. Maka saya minta masuklah kerana terlalu banyak ini untuk dibicarakan. Masuk NKRA, RBI.

Selain daripada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus memohon supaya peruntukan disediakan untuk projek-projek di Sabah. Untuk makluman beliau, pada tahun 2011 kerajaan telah meluluskan sebanyak RM252.96 juta untuk melaksanakan 3,846 projek kecil hanya melalui Jabatan Perdana Menteri, ICU. Belum lagi kira NKRA, JTP, belum. Selain daripada itu, pada tahun 2012 sehingga 12 Disember tahun ini, sebanyak 7,064 projek kecil telah diluluskan di seluruh negeri Sabah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM582.3 juta. Ada banyak lagi kementerian-kementerian lain yang turut buat, macam KKLW dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok mencadangkan agar beberapa perkara berhubung projek *Pengerang Integrated Petroleum Complex* (PIPC) dipertimbangkan, supaya kerajaan mempromosikan PIPC dengan lebih gigih. Saya ucap terima kasih kepada beliau. Memang kita tengah buat itu. Kedua, mewujudkan *task force* bagi menarik lebih ramai pelabur luar melabur dalam PIPC.

Baik, saya pun ada banyak datanya di sini. Banyak dia punya pelabur-pelabur sekarang. Saya hendak cerita mungkin Yang Berhormat boleh jumpa saya, saya boleh tunjuk berapa banyak sudah masuk.

Sejumlah RM170 bilion akan dijanakan dalam 21,000 ekar melalui lima *cohort*, dari dialog yang empat *cohort* yang akan diberi, akan dijanakan atau diberi kuasa kepada atau diberi peluang kepada Petronas untuk dimajukan, dengan adanya pemain-pemain *oil and gas* secara *downstream* ke bawah. Memang besar itu, memang besar.

Satu lagi permintaan belia mengembangkan lagi projek PIPC termasuk projek *out stream* dan *downstream* untuk memaksimumkan pulangan kepada Malaysia. Mewujudkan *value added* dalam projek PIPC, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam PIPC.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan di sini bahawa projek Pengerang ini sedang berjalan dengan begitu giat sekali, *very aggressive*, dengan izin. Maka kita akan bersaing di peringkat rantau ini sebagai *the biggest oil and gas player* dengan izin. Maka saya ucapkan terima kasih kepada beliau atas keprihatinan beliau terhadap projek ini, yang mungkin akan menjana peluang pekerjaan yang begitu banyak. Sebanyak 40,000 pekerjaan akan dijanakan, dalam peringkat pembinaan dan 8,500 pekerjaan dalam peringkat operasi, di peringkat yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim ingin mengetahui peranan *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) dalam industri *high-tech* di Malaysia. Saya rasa perkara ini tidak perlu dijelaskan dengan lebih lanjut kerana di dalam laman web MIGHT sudah ada. Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat secara ringkasnya, pembangunan industri *high-tech* ini melalui inisiatif aeroangkasa.

■1520

Ia fokus kepada *aerospace*, aeroangkasa, itu satu. Contohnya mereka akan berusaha sama dengan Kerajaan Malaysia, *Composite Technology Research Malaysia*, EADS dan *Rolls Royce* untuk *Aerospace Malaysia Innovation Centre*. Itu yang pertama. Kedua, maritim. Dalam maritim ini, kita akan fokus kepada *ship building*, dengan izin, *repair strategy plan*. Ketiga, menggabungkan 50 universiti, syarikat, agensi untuk pelan strategik pertama. Pembangunan teknologi pula dalam teknologi bio dan nano fokusnya dan pengkomersialan akan diberi fokus. Akhirnya *Global Science and Innovation Advisory Council* (GSIAC) di mana *Malaysia Biomass Initiative* dan juga *smart city smart village* akan dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua lagi soalan yang telah diajukan mengenai petroleum iaitu Senator Puan Khairiah binti Mohamed yang ingin tahu sebenarnya definisi *offshore* yang dikatakan tiga batu nautika memandangkan tiada definisi tersebut dalam Perlembagaan dan Akta Petroleum. Maka pendirian yang diambil daripada segi undang-undang ialah bahawa kawasan perairan yang melebihi tiga batu nautika iaitu termasuk Laut Wilayah, Zon Ekonomi Eksklusif dan Pelantar Benua adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang mana Kerajaan Persekutuan turut mempunyai hak kedaulatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah *United Nations Convention on the Law of Sea* (UNCLOS). Maka Tuan Yang di-Pertua, isu ini di bawah perbicaraan mahkamah. Maka kita biarkan sahajalah ya proses itu berlanjutan.

Kedua ditanya mengenai, beliau juga ingin tahu mengenai hasil royalti petroleum bagi tahun 2011 yang berjumlah RM5,140,000,000 mengikut blok PM 301, 302 dan 303. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2011, jumlah bayaran tunai hasil petroleum daripada blok PM 301 PSC adalah sebanyak RM34 juta, blok PM 302 PSC dan blok 303 PSC belum lagi menghasilkan minyak dan gas, masih dalam proses awal.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya soalan Petronas mengenai mengapa Petronas sering mengambil pekerja asing dan memberi gaji yang lumayan berbanding mengambil pekerja tempatan yang turut berkelayakan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini hanya 6peratus sahaja, 1,872 orang daripada jumlah pekerja Petronas Malaysia terdiri daripada pekerja asing. Gaji yang diberi kepada pekerja asing mahupun pekerja tempatan adalah mengikut polisi saraan Petronas dan akan berpadanan dengan pengalaman bekerja dan prestasi dengan izin, *know-how*, *expertise*, mengikut pengkhususan pekerjaan.

Maka model Petronas dibanggakan di seluruh dunia kerana mula begitu awal dan kita bukan mendapat pendapatan yang banyak dari dalam negara, terokaan kita di luar negara, berpuluh-puluh negara telah membawa hasil yang begitu lumayan kepada Malaysia. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we are so matured in the oil rich to all the world because of our early ventures into this globally*.

Maka ia satu model yang untuk diikuti. Itu sebab FELDA sekarang mengikut jejak yang sama, *become a global player*, so kita punya syarikat akan diglobalizekan.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan. Sekiranya ada yang tidak terjawab di sini, boleh jumpa secara peribadi mendapatkan maklum balas daripada saya. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan.

3.24 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penggulangan mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) dan juga Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng, SPAD supaya mencari jalan untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di ibu kota sementara pembinaan MRT dan LRT dijalankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kawasan projek akan mempunyai pelan pengurusan trafik bagi mengurangkan kesesakan jalan raya. Di antara keperluan di dalam pelan ini ialah:

- (i) memastikan jumlah lorong yang sama sewaktu lencongan jalan dibuat;
- (ii) penutupan jalan hanya di luar waktu puncak; dan
- (iii) pengumuman melalui pelbagai media massa.

Di samping itu, perkhidmatan bas yang sedia ada akan ditambah bagi menyokong permintaan pengguna semasa pembinaan. Kita akan meningkatkan kapasiti sedia ada untuk semua mod pengangkutan awam terutama rel yang melibatkan Aliran Transit Ringan (LRT), KL Monorel, ERL dan KTM Komuter. Contohnya kapasiti kini KTM Komuter ialah 350 ribu orang sehari, namun kini baru hanya 126 ribu penumpang sahaja yang menggunakannya. Contoh lain perkhidmatan LRT laluan Kelana Jaya, sekarang ini 13,800 penumpang sejam untuk searah, boleh ditingkatkan kepada 19,800 penumpang sejam untuk searah. KTM Komuter pula sekarang ini 8,000 penumpang sejam untuk searah, boleh ditingkatkan kepada 16,000 orang sejam untuk satu arah.

Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon membangkitkan masalah imej negatif yang dibawa oleh pemandu teksi yang boleh menjejaskan usaha menarik pelancong asing datang ke Malaysia. Yang Berhormat ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini agar sektor pelancongan tidak terjejas. SPAD kini sedang menjalankan program penambahbaikan dan transformasi industri teksi melalui Program Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1MA) yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah di dalam meningkatkan imej pemandu teksi. Ini termasuklah daripada segi latihan dan pensijilan bagi menambah baik kualiti pemandu daripada aspek teknikal dan sikap.

Program TR1MA turut melihat kepada penambahbaikan pendapatan pemandu teksi sekali gus mengatasi isu-isu yang membawa kepada masalah imej negatif pemandu teksi selain daripada mengubah persepsi pemandu teksi daripada pekerjaan sambilan kepada profesion sepenuh masa.

Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang mencadangkan agar pembinaan LRT dan MRT seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pulau Pinang baru-baru ini juga diberikan kepada negeri Johor. Pihak kerajaan negeri sedang menjalankan kajian untuk memperkenalkan sistem pengangkutan awam iaitu Bas Rapid Transit (BRT) di kawasan Wilayah Iskandar demi menampung keperluan kawasan tersebut. Sistem BRT ini difikirkan lebih sesuai daripada LRT ataupun MRT untuk kawasan Johor Bahru pada masa kini.

Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu telah membangkitkan isu mengenai perkhidmatan teksi seperti berikut; pertama, beliau mencadangkan agar transformasi kepada teksi di KLIA, LCCT, KLIA2 dan *Sky Park* ditingkatkan untuk memastikan perkhidmatan cemerlang, kualiti teksi disebut sebagai tidak memuaskan, mengenai Syarikat Airport Limo Sdn. Bhd., perkhidmatan di lapangan terbang dan juga memberi peluang kepada pemohon baru yang ingin melaksanakan penjualan tiket teksi. Untuk makluman Yang Berhormat, SPAD kini sedang melaksanakan program yang kita sudah sebut tadi sebagai Teksi Rakyat 1Malaysia yang mana ia turut mengambil kira peningkatan dan penambahbaikan perkhidmatan teksi di KLIA, LCCT, KLIA2, *Sky Park* bagi memastikan perkhidmatan yang cemerlang.

TR1MA turut mengambil kira peningkatan kualiti perkhidmatan di dalam mengurangkan masa menunggu bagi penumpang untuk mendapatkan teksi. Ini termasuklah dengan penggunaan teknologi yang bakal diguna pakai pada penghujung suku pertama tahun 2013. Baru-baru ini berlaku kejadian menunggu teksi di KLIA dalam tempoh yang agak lama iaitu 35 minit. Ini adalah disebabkan kerana hujan lebat di Kuala Lumpur yang menyebabkan teksi *airport limo* berada di dalam Kuala Lumpur, tidak boleh kembali ke KLIA dalam tempoh masa yang sesuai.

Pada masa yang sama, *airport limo* telah mengambil inisiatif memanggil teksi bandar sebagai *backup plan* bagi mengatasi masalah menunggu yang lama itu. Pada masa kini juga, permit bagi *airport limo* adalah sebanyak 1,236 dan semua permit ini digunakan oleh *airport limo*, tidak seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, 1,500 permit tetapi baru menggunakan 900 permit sahaja.

■1530

Maklumat yang diberi oleh pegawai pada saya ialah sebanyak 1,236 dan semua permit ini telah digunakan. Mengenai perkhidmatan kaunter teksi di lapangan terbang. Ini adalah atas kebenaran dan sokongan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Namun yang demikian, SPAD kini sedang memuktamadkan syarat-syarat dan peraturan kaunter teksi untuk dilesenkan di bawah SPAD termasuklah daripada segi harga tiket teksi dan kaedah operasi kaunter tiket teksi. Ini bukan sahaja di lapangan terbang tetapi juga di kawasan-kawasan lain seperti di KLCC. SPAD sedang memuktamadkan syarat-syarat dan peraturan kaunter teksi untuk dilesenkan di bawah SPAD termasuklah daripada segi harga tiket dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Yang Berhormat Senator Roslin Haji Abdul Rahman ingin tahu sejauh manakah kemampuan ECRR, dengan izin, *East Coast Rail Route* iaitu Laluan Kereta Api Pantai Timur dalam merangsang pembangunan negara. Status pembinaan kereta api barang yang dirancang perjalanannya sepanjang 72km dari Kerteh ke Kuantan dan mencadangkan agar rangkaian kereta api ini dipanjangkan ke Terengganu untuk menarik ramai pelancong.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, ECRR dijangka akan dapat menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang bakal menarik 5.5 juta orang penumpang menjelang tahun 2024 dan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri-negeri pantai timur dengan menghubungkan ke kawasan pantai barat. Pengangkutan barangan melalui perkhidmatan rel akan lebih mesra alam berbanding dengan penggunaan kenderaan di jalan raya. Pembinaan, dengan izin, *spur line* menghubungkan kawasan perindustrian adalah di dalam perancangan dan dijangka akan dapat membawa sebanyak 34 juta tan barangan setiap tahun menjelang tahun 2024.

Buat masa ini, suatu kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi cadangan pembangunan rel di pantai timur untuk menentukan kesesuaian laluan dan penentuan jajaran interim. Laluan dari Kerteh ke Kuantan sedia ada akan dibaikpulih dalam fasa pertama Projek Laluan Rel Pantai Timur ini. Bagi makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur ini tidaklah terhad kepada kawasan Kuantan-Kerteh tetapi akan dipanjangkan hingga ke Tumpat melalui Paka, Dungun, Ajil dan Kuala Terengganu serta Penarik dan Kampung Raja.

Mengenai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Permasalahan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung iaitu tentang langkah kerajaan dalam membanteras serangan lanun di perairan Sabah dan Sarawak yang menjejaskan sektor perkapalan. Apakah APMM akan membantu usaha-usaha tersebut selain Jabatan Laut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum menjawab soalan berkenaan, izinkan saya nyatakan latar belakang tugas penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh APMM. Secara khususnya menjalankan penguatkuasaan seperti berikut:

Pertama, pengawasan. APMM membuat tinjauan dan pengawasan melalui rondaan di laut dan udara serta sistem pengawasan laut yang berpusat di Kota Kinabalu bagi mengesan dan pengumpulan maklumat;

Kedua, APMM menjalankan operasi khas sebagai satu langkah intensif dan positif untuk mencegah dan menangani rompakan di laut. Operasi ini akan dilancarkan apabila terdapat kes dilaporkan. Ia melibatkan operasi yang sangat fokus terhadap perairan terbabit dengan meningkatkan rondaan yang lebih banyak dalam satu tempoh yang ditetapkan.

Statistik kes rompakan lanun di kawasan negeri Sabah dan Sarawak menunjukkan bahawa kes-kes rompakan itu adalah terkawal. Jika diteliti, hanya dua kes yang direkodkan pada tahun 2010 dan tahun 2011 bagi negeri Sarawak. Manakala pada tahun 2012 hanya mencatatkan tiga kes sahaja yang mana satu kes telah selesai dengan penangkapan di perairan Tanjung Sipang, Sarawak. Manakala dua kes berkenaan sebenarnya adalah merupakan kejadian dilakukan oleh kumpulan perompak tempatan yang mempunyai kepentingan perniagaan minyak di negeri tersebut.

Bagi negeri Sabah pula, jumlah kes pada tahun 2011 adalah lapan. Bagi tahun 2012 hanya satu. Penurunan ini jelas membuktikan bahawa kerajaan melalui usaha gigih APMM serta hasil kerjasama dengan negara-negara jiran serantau sangat mengambil berat mengenai kedaulatan dan keselamatan perairan negara, khususnya di perairan Sabah dan Sarawak.

Saya juga ingin menyebut mengenai kejayaan APMM mengawal Selat Melaka. Sebelum wujudnya APMM, statistik pelanunan dan rompakan kapal dagang di Selat Melaka adalah seperti berikut:

Tahun	Statistik pelanunan/rompakan kapal dagang (jumlah/kes)
2004	38
2005	10
2006	8
2007	4
2008	2
2009	0
2010	0
2011	2
2012	1

Di laluan antarabangsa melibatkan 70,000 kapal dagang dan 30,000 kapal biasa. Daripada 100,000 kapal yang lalu di Selat Melaka dalam masa setahun, tahun ini baru satu kes pelanunan. Ini adalah hasil daripada contoh kejayaan APMM mengawal perairan negara kita. Itu sahaja yang ingin saya simpulkan dan gulung pada petang yang berbahagia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Belia dan Sukan. Dipersilakan.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang telah dikemukakan kepada Kementerian Belia dan Sukan di sepanjang membahaskan Bajet 2013 baru-baru ini.

Untuk makluman, seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator telah terlibat dalam membahaskan isu-isu berkaitan Kementerian Belia dan Sukan. Terdapat juga Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai isu-isu belia, namun kami dapati ia berada di bawah bidang tanggungjawab kementerian yang lain. Saya yakin kementerian berkenaan akan cuba untuk memberikan jawapan seperti yang dibangkitkan.

Saya ingin mengucapkan juga terima kasih kepada Dewan kerana memberi tumpuan yang begitu baik kepada pembangunan belia dan sukan. Malahan kehadiran penuh kebetulan pagi tadi adalah untuk kita memastikan *consistency*, dengan izin, jawapan di antara penggulungan ini dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi. Justeru itu, ada beberapa juga isu yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat Senator telah dijawab pagi tadi oleh Yang Berhormat Menteri dengan panjang lebar. Namun begitu, tidak ada masalah untuk kalau kita hendak membuat pusingan kedua tetapi saya tidak akan mengulangi jawapan kepada perkara-perkara yang telah pun dijawab.

Oleh yang demikian, izinkan saya untuk memberi ulasan kepada perkara-perkara yang masih lagi menanti jawapan daripada kementerian. Pertama, Yang Berhormat Senator Hajah Rohani Abdullah telah mencadangkan supaya Festival Belia sempena Hari Belia Negara turut diadakan di peringkat negeri supaya belia-belia di luar bandar dapat bersama-sama berkumpul menikmati dan merasai keadaan festival-festival seperti ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Festival Belia Putrajaya adalah acara tahunan yang baru sahaja diputuskan oleh Jemaah Menteri yang mana sebelum ini dikenali sebagai Himpunan Jutaan Belia. Semenjak tahun 2010, Himpunan Jutaan Belia telah dilaksanakan di Putrajaya dan di atas kejayaan himpunan tersebutlah Festival Belia Putrajaya yang akan mula dilaksanakan pada tahun hadapan. Ia merupakan satu perayaan sempena sambutan Hari Belia Negara 2013.

Konsep dan pelaksanaan festival ini adalah berbeza dengan konsep Hari Belia Negara. Melalui festival ini, belia-belia dari seluruh negara tidak kira di bandar atau luar bandar akan berkumpul untuk bersama-sama berada di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan bagi menghayati dan menyertai Hari Belia Negara sama ada menjadi peserta, urus setia, penganjur ataupun pengunjung. Namun begitu, sambutan Hari Belia Negara akan tetap disambut pada 15 Mei setiap setahun sebagai satu pengiktirafan kepada belia-belia yang telah menjadi tulang kepada pembangunan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah peruntukan bantuan pentadbiran kepada Pertubuhan Belia Kebangsaan, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah telah dinaikkan sebanyak 51.3 peratus iaitu kenaikan sebanyak 5.09 juta daripada 4.38 juta kepada 9.92 juta mulai tahun 2012. Melalui pertambahan ini diharapkan persatuan-persatuan akan dapat bersama-sama menganjurkan Hari Belia Negara di peringkat negeri masing-masing.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeed Abdullah menyarankan supaya kemudahan-kemudahan asas untuk belia dan sukan dapat dirangkumkan sekali dan dipertingkatkan bagi menyatupadukan belia di negara ini. Kementerian menyambut baik dan mengalu-alukan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat berhubung perkara tersebut.

■1540

Untuk makluman, kemudahan yang dibina dan disediakan sememangnya untuk manfaat bersama bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan belia dan sukan. Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti 'Y' Centre yang mana penyediaan kemudahan untuk aktiviti-aktiviti sukan dan juga kecergasan lain disediakan di situ. Malahan terdapat kemudahan-kemudahan khusus untuk golongan belia seperti Akademi Pembangunan Belia Malaysia dan Institut Kemahiran Belia Negara yang hanya digunakan oleh para belia dan tidak digunakan untuk sukan.

Perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeed saya rasa telah dijawab iaitu mengenai boling, mengenai sukan tumpuan yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan menyentuh mengenai Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di negeri Perlis dan menaik taraf kompleks sukan yang sedia ada. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian tidak ada cadangan untuk menambah bilangan IKBN di negeri Perlis.

Ini kerana selaras dengan keputusan kerajaan untuk tidak membina institusi latihan awam yang baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Sebenarnya, selain IKBN, terdapat juga institusi-institusi lain seperti Institut Latihan Kemahiran Awam, Kolej Komuniti Arau, Institut Kemahiran MARA Beseri, Pusat Giat MARA Kangar, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Arau telah pun disediakan. Data terkini bagi melatih belia di Perlis di bawah IBN dalam pelbagai kursus kemahiran adalah seramai 456 orang dengan Kursus Kenderaan Perdagangan, Kursus Jentera Berat, Penyelenggaraan Kereta, Penyelenggaraan Marin, Lukisan Seni Bina, Landskap Pembinaan dan Kursus Semburan Cat Kereta.

Mengenai menaik taraf kemudahan sukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas menaik taraf kemudahan sukan di negeri-negeri bukanlah tanggungjawab sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya ia juga di bawah peranan dan tanggungjawab bersama Kerajaan Negeri. Namun begitu, berkenaan dengan menaik taraf kemudahan kompleks sukan di Perlis, pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah memperuntukkan sebanyak RM76.1 juta untuk kerja-kerja pembinaan serta menaik taraf infrastruktur sukan di seluruh negeri Perlis bagi tujuan penganjuran Sukan Malaysia pada tahun 2014. Malahan kerja-kerja tersebut telah pun bermula dan dijangka akan berakhir pada tahun 2014.

Antara kemudahan sukan yang terlibat adalah gimnastik, skuasy, basikal trek yakni velodrom, olahraga, menembak, memanah, *lawn ball*, ragbi, angkat berat, tenis dan *petong*, ada lagi badminton, akuatik, renang, bola sepak, gimrama, hoki, sepak takraw, golf, silat, wusyu, boling, tinju dan taekwando. Maknanya ada banyak manfaat yang akan dapat diperolehi oleh negeri Perlis sempena menjadi tuan rumah penganjuran SUKMA, Sukan Malaysia 2014.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat membangkitkan mengenai mengapakah pembangunan belia tidak diuar-uarkan sebagaimana pembangunan sukan. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan belia dilihat dari sudut subjektif dan bukan pembangunan fiskal. Skop pembangunan belia dinilai secara menyeluruh yang mana ia merangkumi pelbagai aspek seperti kepimpinan, kesukarelaan, keusahawanan dan juga kemahiran. Pelbagai program telah dilaksanakan sebenarnya di peringkat akar umbi sehinggalah di peringkat antarabangsa yang melibatkan penyertaan belia dalam program-program ini dan ia adalah amat menggalakkan.

Bagi faedah kita bersama dalam pecahan peruntukan pada tahun 2012, sebenarnya sebanyak 71.3 peratus daripada keseluruhan peruntukan adalah untuk pelaksanaan program-program pembangunan belia berbanding hanya 28.7 peratus sahaja untuk program pembangunan sukan. Manakala bagi tahun 2013 pula diperuntukkan sebanyak 63 peratus bagi program-program pembangunan belia berbanding 36.7 peratus sahaja yang diperuntukkan kepada program pembangunan sukan.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa peranan media juga turut menyumbang kepada persepsi masyarakat terhadap sikap penganjuran program-program belia yang ada pada hari ini. Kita tidak boleh menyalahkan kerana media lebih cenderung untuk menyiarkan berita-berita mengenai sukan yang lebih mendapat minat pembaca yang jauh berbeza daripada berita-berita berkaitan dengan belia. Ini adalah perkara yang mungkin menjadi kekangan kenapa kelihatan program-program belia itu tidak mendapat liputan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar telah menyatakan beberapa perkara berkaitan kementerian yang akan saya cuba jelaskan dalam jawapan ini. Adalah yang pertama beliau menyatakan adakah dengan menurunkan had usia golongan belia akan dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Untuk makluman Yang Berhormat, penurunan had umur ini bukanlah bertujuan untuk menurunkan statistik masalah sosial belia sebaliknya penurunan ini dibuat dengan mengambil kira perkembangan semasa dan juga berdasarkan kepada umur belia di negara-negara lain. Contohnya *United Nations* menetapkan belia pada usia 15 hingga 24 tahun, Zimbabwe – 16 hingga 24 tahun, Myanmar – 16 hingga 18 tahun. Selain itu, cadangan ini juga adalah untuk mengasah bakat kepimpinan yang ada dalam diri beliau.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai laporan daripada beberapa akhbar mengenai isu pengurusan sukan, dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan memandang serius terhadap perkara tersebut. Kementerian berpandangan bahawa pengurusan persatuan sukan yang baik akan turut melahirkan atlet-atlet yang baik dan berkualiti seperti dalam sukan skuasy, boling, memanah, hoki dan berbasikal apabila sebuah persatuan itu mempunyai pentadbiran yang baik, maka kita dapat lihat daripada keputusan yang dicapai oleh atlet.

Oleh itu, kementerian berharap perkara tersebut haruslah diselesaikan dengan cara perbincangan dan rundingan dan bukannya didedahkan di dalam akhbar kerana yang penting adalah pencapaian atlet kita demi kebanggaan negara. Saya hendak ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Baharudin, terima kasih sebanyak-banyaknya kerana membangkitkan perkara tersebut sebagai teladan kita bersama.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang apakah tindakan yang telah diambil dalam memastikan pengurusan persatuan sukan itu menepati profil pengurusan prestasi tinggi dan sekali gus mendapat peruntukan yang secukupnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap persatuan sukan mempunyai perlembagaannya yang tersendiri. Oleh yang demikian, peranan dan tanggungjawab kementerian hanyalah tertakluk kepada perkara-perkara yang telah diperuntukkan di dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Kementerian juga ada menyediakan peruntukan geran bantuan pentadbiran kepada semua persatuan sukan yang berdaftar secara tahunan. Penentuan jumlah peruntukan yang diberi adalah berdasarkan kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) sukan-sukan yang mempunyai sejarah cemerlang atau rekod prestasi di peringkat antarabangsa;
- (ii) jenis sukan yang tidak dipengaruhi oleh keadaan fizikal rakyat Malaysia;
- (iii) sukan-sukan yang menggunakan teknologi peralatan sebagai pengukur prestasi; dan
- (iv) sukan-sukan yang memerlukan ketepatan seperti memanah dan menembak.

Namun begitu, semua seperti yang saya nyatakan telah pun menerima bantuan pentadbiran dalam jumlah yang sama.

Ketiga, Yang Berhormat juga menyatakan apakah jumlah nilai ekonomi yang dihasilkan daripada penganjuran *Le Tour de Langkawi 2012* dan apakah ada usaha-usaha di pihak kementerian untuk menilai ekonomi tersebut dinikmati oleh rakyat tempatan dan apakah bentuk-bentuknya? Pertama, secara umum boleh saya nyatakan bahawa penganjuran *Le Tour de Langkawi* telah memberi kesan positif kepada negara dalam pelbagai sektor. Secara keseluruhannya, nilai ekonomi yang terhasil daripada penganjuran *Le Tour de Langkawi* bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM759.8 juta. Perolehan pendapatan daripada penganjuran ini banyak disumbangkan melalui faktor-faktor berikut:

- (i) penajaan;
- (ii) industri pelancongan negara termasuklah jumlah kemasukan pelancong, kadar penginapan hotel, jumlah jualan makanan dan minuman serta perbelanjaan membeli belah para pengunjung;
- (iii) perniagaan produk atau perkhidmatan sukan;
- (iv) pembekalan barangan sukan;
- (v) pertukaran wang asing dan juga;
- (vi) perbelanjaan pihak media.

Di samping itu, penganjuran *Le Tour de Langkawi* turut menyumbang kepada ekonomi setempat yang mana ia dapat dinikmati secara langsung oleh rakyat Malaysia menerusi pelbagai sektor, antaranya:

- (i) peluang pekerjaan dan guna tenaga;
- (ii) pembangunan infrastruktur;
- (iii) pembangunan produk dan perkhidmatan;
- (iv) peluang perniagaan dan keusahawanan;
- (v) bilangan pengunjung di sepanjang kejohanan berlangsung dan boleh saya nyatakan di sini bahawa kita telah mencatat seramai 102,785 orang pengunjung bagi *Le Tour de Langkawi 2012*; dan
- (vi) akhir sekali faedahnya pembangunan sukan lumba basikal lebuhraya dan pembudayaan sukan berbasikal dalam kalangan rakyat yang meningkat.

Kementerian juga bersetuju bahawa industri sukan mampu untuk dikomersialkan dan menyumbangkan kepada pendapatan negara. Justeru itu, kementerian telah melaksanakan Tahun Industri Sukan mulai bulan Julai tahun 2011 sehingga bulan Julai 2012 yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penggerak industri sukan dan masyarakat amnya agar terlibat secara serius dalam menjadikan sukan sebagai perniagaan.

■1550

Pelaksanaan Tahun Industri Sukan 2011/2012 telah memberi impak yang positif dalam sukan negara. Ia telah berjaya merubah persepsi masyarakat serta pihak korporat berkenaan potensi sukan sebagai industri yang boleh menyumbang kepada pendapatan dan penjenamaan. Ia juga boleh dilihat sebagai satu bentuk pelaburan baru dan bukannya sekadar tanggungjawab sosial korporat semata-mata. Sebagai contoh, pada 26 November yang lepas, sebanyak sepuluh buah kolej swasta telah menawarkan biasiswa kepada atlet negara dalam melanjutkan pelajaran dalam bidang di kolej berkenaan. Ia melibatkan nilai biasiswa sebanyak RM6.4 juta. Selain itu, terdapat juga beberapa syarikat yang memberi sumbangan penajaan sama ada dalam kewangan, produk atau perkhidmatan seperti Telekom Malaysia, Maybank, CIMB, Canon, Nestle, 100Plus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fakta yang mengatakan bahawa kementerian membelanjakan sebanyak RM6 juta untuk menjalankan kajian ke atas industri sukan di Malaysia adalah tidak tepat. Buat masa sekarang, pihak kementerian melalui Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia sedang menjalankan kajian dengan kerjasama pakar-pakar ekonomi dan sukan dari universiti tempatan. Kajian ini adalah untuk mengukur sumbangan industri sukan kepada keluaran dalam negara kasar. Fasa pertama kajian dijangka selesai pada bulan Mac 2013.

Yang Berhormat juga menyatakan adakah pihak kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk melantik lebih ramai lagi jurulatih-jurulatih asing dalam sukan yang dilihat dapat menyumbang kepada kejayaan atlet, terutamanya dalam sukan-sukan yang akan bertanding di Sukan Olimpik. Apakah pelan perancangan strategik dalam memastikan pemindahan pengetahuan dan pengalaman jurulatih asing tersebut ke jurulatih-jurulatih tempatan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, khidmat kepakaran jurulatih luar diambil berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

- (i) kepakaran yang dimiliki oleh mereka dan bagi memastikan perpindahan pengetahuan dan pengalaman oleh kepakaran asing ini dapat dimanfaatkan, mereka akan ditugaskan bersama jurulatih tempatan yang berkualiti dan dikenal pasti dapat menggalas tugas sebagai ketua jurulatih semasa ketiadaan jurulatih luar;
- (ii) kekurangan bilangan jurulatih tempatan yang mahir dalam beberapa acara dan jenis sukan yang disasarkan untuk mendapat pingat juga dijadikan salah satu sebab mengapa kita perlukan daripada luar; dan
- (iii) bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan pada satu-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara yang dibangkitkan yang telah pun sempat kita catat dan kita jawab. Saya harap ia dapat menepati hasrat Ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya. Sebagaimana yang kita maklum, Dewan Negara hari ini ditangguhkan 7.30 malam kerana memberi laluan kepada perlawanan *semi final*, separuh akhir kedua di Thailand. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi rasa penghargaan dan terima kasih di atas sokongan yang diberikan tersebut... *[Tepuk]* Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kami pun agaknya mengucapkan selamat berjaya kepada Kementerian Belia dan Sukan. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Pelajaran.

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya pun juga turut mendoakan supaya pasukan Harimau Malaya akan terus mengaum pada malam ini. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan belanjawan yang memenuhi keperluan rakyat dan menepati tema, "*Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati*". Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah memberi perhatian, khususnya terhadap perkembangan pendidikan negara dalam perbincangan Belanjawan 2013 kali ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 20 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan pelbagai isu yang menyentuh Kementerian Pelajaran. Saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan dengan sebaik mungkin. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia sejumlah RM38.728 bilion pada Belanjawan 2013 yang merangkumi RM36.61 bilion bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM2.118 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan. Di samping itu sebagai tambahan, sejumlah RM500 juta untuk pelaksanaan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, RM900 juta diperuntukkan bagi tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah, khusus bagi keperluan mendesak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan.

Selain itu, belanjawan kali ini juga telah menyediakan peruntukan tambahan yang lain seperti bantuan awal persekolahan dan baucar buku. Untuk makluman, secara perbandingannya peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu RM32.83 bilion - 2010, RM36.79 bilion - 2011 dan meningkat lagi kepada RM37.28 bilion - 2012. Amalan perbelanjaan berhemah yang digariskan oleh kerajaan seperti yang dilakukan sekarang serta kesungguhan dan kejujuran kita dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Peruntukan yang disediakan ini mampu untuk merealisasikan agenda transformasi pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025. Semua pandangan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Dato' Senator Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Senator Tuan Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Puan Khairiah binti Mohamed, Yang Berhormat Senator Puan Noriah binti Mahat dan Yang Berhormat Senator Tuan Dr. Lucas Umbul akan diberi perhatian dalam penyediaan laporan akhir PPPM nanti. Pelaksanaannya akan diterjemahkan sebaik mungkin melalui 11 anjakan yang akan dilaksanakan dalam tempoh 13 tahun.

Seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, dalam menjayakan PPPM ini kementerian juga menubuhkan Unit Penyampaian Pendidikan ataupun *Education Delivery Unit* (EDU) yang berperanan untuk memacu penyampaian PPPM. Ini satu perkara baru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet. Untuk memantau kemajuan pelaksanaannya, menyelesaikan isu berbangkit, menyediakan maklum balas secara berterusan dan menguruskan komunikasi untuk pihak yang berkepentingan.

Untuk memastikan unit ini dapat memainkan peranannya dengan baik dan berkesan, pegawai yang akan ditempatkan di EDU akan dipastikan terdiri daripada mereka yang mempunyai bakat terbaik dan berkemampuan tinggi sama ada dari sektor awam dan swasta.

Berhubung dengan pandangan cadangan kelas peralihan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, Kementerian sememangnya mengalu-alukan maklum balas dan input daripada semua pihak termasuk para ibu bapa dan murid. Sama ada untuk mengekalkan kelas peralihan atau menggantikannya dengan kelas pemulihan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kelas peralihan diwujudkan bagi membantu murid-murid yang lemah dalam penguasaan Bahasa Malaysia supaya murid dapat disediakan dengan lebih baik untuk pembelajaran di Tingkatan 1 sekolah menengah. Justeru, pelaksanaan kurikulum Bahasa Malaysia yang sama dengan SK, SJK(C) dan SJK(T) dan pelaksanaan kelas pemulihan bagi murid yang menghadapi masalah dalam penguasaan Bahasa Malaysia. Pada Tahun 4 hingga Tahun 6 seperti yang dicadangkan dalam laporan awal PPPM adalah untuk memastikan semua murid yang lulus UPSR mampu dan berkebolehan untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama pengajaran di sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembangunan prasarana pendidikan seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Lihan Jok, Yang Berhormat Senator Tuan Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Kementerian sentiasa berusaha untuk menambah baik dan meningkatkan kemudahan prasarana pendidikan termasuklah perolehan aset dari semasa ke semasa. Ia bergantung kepada kemampuan dan keupayaan kewangan kerajaan. Dalam perkara ini, ingin saya perelaskan bahawa di dalam Jawatankuasa Audit, kita telah membahagikan kepada tiga kategori sama ada bangunan sekolah, rumah guru, bilik darjah, kantin dan sebagainya termasuk asrama iaitu baik, rosak sedikit dan rosak teruk.

Maka, dalam keadaan ini, keutamaan kita ialah sekolah ataupun bangunan yang berada dalam kategori rosak teruk. Ini termasuklah sama ada *structure*, *non structure* dan termasuklah mengenai dengan pendawaian dan sebagainya.

■1600

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok, pendidikan vokasional di negara ini sedang melalui proses transformasi yang menyeluruh seiring dengan transformasi sistem pendidikan kebangsaan. Pelbagai langkah telah, sedang dan akan dilakukan dalam melaksanakan transformasi ini.

Mengenai program rintis *dual training* seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, pada masa ini Kementerian memang sedang melaksanakan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) secara rintis di tiga buah sekolah menengah vokasional iaitu SMV Kajang, SMV Sungai Buloh dan SMV Batu Pahat dalam pelbagai kemahiran. Berdasarkan pemerhatian awal, program ini didapati memberi impak yang positif kepada murid kerana kemahiran yang diperolehi secara terus daripada industri yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato'...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi permulaan Yang Berhormat memberikan penggulungan ini saya berada di kantin dan saya sudah dengar sebahagian daripada jawapan terhadap perkara-perkara yang saya timbulkan dalam perbahasan saya itu. Saya mengucapkan terima kasihlah.

Akan tetapi saya bangun ini *specifically* hanya untuk mengalu-alukan sekali lagi usaha atau inisiatif kementerian melaksanakan pelbagai program pendidikan vokasional. Akan tetapi dalam perbahasan, saya mencadangkan supaya langkah-langkah pendidikan vokasional yang telah dilakukan oleh kementerian dan memang patut dialu-alukan itu, dituangkan dalam satu dasar yang lebih sistematik dan lebih menyeluruh. Dengan demikian, dasar itu diharap akan menjadi *philosophical guide*, dengan izin, dan dengan demikian, pendidikan dan latihan vokasional ini tidak diadakan secara ad hoc atau secara terpecar-pencar.

Jadi cadangan saya, diadakan satu dasar yang menyeluruh dan sistematik dan dengan demikian, kalau nanti takdirnya bertukar menteri dan bertukar Ketua Penasihat Pelajaran dan seumpamanya, dasar itu akan tetap ada. Program itu akan dapat dilaksanakan berkat adanya satu dasar nasional yang boleh dijadikan panduan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Kita amat bersetuju sebenarnya dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat mengenai perkara tersebut, dan sebab itulah Transformasi Pendidikan Voctech ini memang menjadi dasar kita dan kita akan pastikan ia tidak terpinggir di dalam PPPM 2013 hingga 2025. Oleh sebab itulah kita menyebut bahawa dasar kita sekarang ialah untuk memastikan pendidikan *voctech* menjadi pendidikan arus perdana iaitu seiring dengan pendidikan akademik yang lain... [Tepuk]

Dan sebab itulah Yang Berhormat, kenapa- maksudnya kita juga mengucapkan terima kasih kepada kementerian lain sama ada Pengajian Tinggi yang membenarkan kolej vokasional ini mengeluarkan diploma yang sepatutnya tidak boleh dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran sebab kita disebut peringkat sekolah, dan juga Kementerian Sumber Manusia kerana persetujuan mereka untuk supaya diploma vokasional Malaysia ini adalah setaraf dengan SKM Tahap 4.

Ini satu kejayaan dalam transformasi *voctech* yang mana kita juga menyediakan beberapa kursus baru, kalau saya boleh sebut di sini antaranya ialah penyelenggaraan pesawat mekatronik, bioteknologi, teknologi marin, insurans dan perbankan, teknologi makmal perubatan, teknologi pemprosesan kayu dan kemas. Ini antara kursus-kursus yang kita sebenarnya seiring dengan dasar kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berkemahiran tinggi supaya kita menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin yang menyentuh mengenai dengan sekolah agama rakyat, sebagaimana yang kita sedia maklum, sekolah agama rakyat adalah sekolah di bawah kawalan Jabatan Agama Islam Negeri. Namun begitu, di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan, sejumlah peruntukan per kapita telah disediakan bagi sekolah agama rakyat yang menjalankan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang mana pada tahun ini sebanyak RM10.5 juta telah disediakan.

Bagi sekolah agama rakyat yang lain, pada tahun 2011, kerajaan melalui KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM95 juta secara *one-off* sebagai bantuan ihsan kepada 247 sekolah agama rakyat di seluruh negara. Di samping itu, bantuan awal persekolahan juga dipanjangkan kepada semua murid di seluruh negara iaitu sebanyak RM100.

Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran semasa menggulung Bajet 2013 peringkat dasar di Dewan Rakyat, kementerian sedar sekolah-sekolah ini masih memerlukan bantuan. Justeru, dengan jumlah peruntukan yang sedia ada, bantuan ihsan ini boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada permohonan *case-by-case* atau merit dari sekolah agama rakyat yang benar-benar memerlukannya. Maksudnya di sini, kita masih terbuka. Jika ada sekolah agama rakyat yang amat memerlukan bantuan, kita akan mempertimbangkannya. Juga seperti mana dalam jawapan saya dalam soalan lisan baru-baru ini, satu cara yang terbaik ialah sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri ini memohon mendaftar di Kementerian Pelajaran dan ditukar statusnya kepada sekolah agama bantuan kerajaan.

Selain itu, Kementerian Pelajaran juga sedang melaksanakan usaha untuk menjadikan kurikulum Dini dan kurikulum Tahfiz sebagai sebahagian daripada kurikulum kebangsaan. Namun demikian, perkara ini perlu mendapat persetujuan semua pihak yang berkepentingan. *Insyaa-Allah*, dengan sokongan semua pihak, saya yakin usaha murni seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah proaktif bagi memastikan tambahan jumlah pelajar kaum India di Program Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Februari 2012 telah dilaksanakan.

Saya ingin menjelaskan di sini kerana ada pihak yang memberikan maklumat yang tidak tepat iaitu sebenarnya kita telah menawarkan kepada 2,096 pelajar-pelajar berketurunan India iaitu pertambahan sebanyak 34 peratus tetapi yang hanya hadir melaporkan diri ialah seramai 1,170 orang. Sebenarnya dengan kata lain bahawa kita memenuhi janji 1,500 tersebut dan kita tawarkan kepada 2,096 orang, cuma yang melaporkan diri hanya 1,170 orang sahaja. Juga seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bahawa pertambahan jumlah pelajar India untuk masuk ke matrikulasi ini bukannya secara *one-off* dan akan diteruskan setiap tahun iaitu sebanyak 1,500 orang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok, Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Tiang Chai, usaha-usaha pembukaan dan peluasan kelas-kelas prasekolah merupakan usaha yang telah, sedang dan akan terus dilaksanakan terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman sama ada agensi kerajaan atau pihak swasta.

Program di bawah NKRA pendidikan ini telah merancang untuk membina atau membuka sebanyak 1,330 buah kelas prasekolah di 1,238 buah sekolah seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 1,067 buah kelas telah berjaya disiapkan dan digunakan manakala 263 buah kelas di 252 buah sekolah sedang dalam proses pembinaan yang dijangka siap selewat-lewatnya pada akhir tahun 2012.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bilangan prasekolah di seluruh negara yang diterajui oleh Kementerian Pelajaran, KEMAS, Jabatan Perpaduan dan swasta adalah sebanyak 41,612 buah kelas dengan jumlah penyertaan murid seramai 628,478 orang iaitu 80.28 peratus. Bantuan geran bagi membuka prasekolah swasta juga merupakan pemangkin kepada pertambahan bilangan prasekolah dan penyertaan murid mengikut pendidikan awalnya.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penguasaan bahasa Inggeris seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. KPM telah menetapkan lapan strategi utama untuk menjayakan pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Setiap strategi menggariskan beberapa inisiatif dan program yang menjurus kepada peningkatan dalam penguasaan, keyakinan dan kefasihan guru serta pencapaian murid dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Bagi memastikan Dasar MBMMBI dapat dilaksanakan secara berkesan dan menepati sasaran yang ditetapkan, pihak KPM sedang melaksanakan pemantauan untuk bersistematik dan berterusan melalui penglibatan semua peringkat di kementerian JPN dan PPD. Satu kajian keberkesanan pelaksanaan Dasar MBMMBI ini juga sedang dijalankan untuk mengesan keberkesanan program dan mencadangkan penambahbaikan berterusan terhadap program tersebut. Pengambilan dan penglibatan tenaga pengajar dari luar negara bukan bermaksud kementerian menafikan kepakaran guru-guru tempatan seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon tetapi lebih kepada usaha meningkatkan inovasi dan idea-idea baru, terkini yang mampu mewujudkan kepelbagaian teknik P&P di dalam kelas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) merupakan infrastruktur yang sangat penting dan boleh dimanfaatkan untuk kelangsungan sistem pendidikan negara. KPM mengambil maklum kesulitan yang dihadapi oleh guru dalam akses Sistem Pengurusan Penaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) *online* sebelum ini. Justeru itu, KPM telah mengambil tindakan mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru dengan mengambil langkah interim iaitu menyediakan *hosting* khas yang berasingan bagi SPPBS dan Aplikasi Pangkalan Data Murid iaitu APDM. Proses migrasi *hosting* bagi sistem tersebut telah selesai dilaksanakan pada akhir September 2012.

Sistem tersebut pada masa ini adalah stabil dan boleh diakses dan untuk maklumat Yang Berhormat, kita juga telah menambah *server* daripada empat kepada 20 *server* bagi mengatasi masalah ini dan kita menyediakan sistem yang mempunyai kelajuan hingga 20 *megabit per second*. Selaras dengan pembangunan dan kemajuan ICT masa kini, KPM melalui Projek Perkhidmatan 1BestariNet yang sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Di bawah Projek Perkhidmatan 1BestariNet, semua sekolah kerajaan iaitu sebanyak 10,019 buah sekolah akan dibekalkan dengan talian *fiber* dengan kelajuan 4 *megabit* sehingga 20 *megabit per second* manakala selebihnya yang merupakan sekolah luar bandar dan pedalaman akan dibekalkan dengan talian DSAT dengan kelajuan sehingga 4 *megabit per second*. Perkhidmatan ini akan dapat mengatasi masalah mengenai kesukaran guru mengakses Sistem Pengurusan Penaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) termasuk Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS).

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat telah tertinggal soalan saya. Mungkin itu hari saya punya soalan, saya pembahas yang terakhir. Saya bertanya ini di bawah tabung khas iaitu RM1 bilion, yang mana saya bertanya tentang usaha dan ketegasan kementerian dalam menentukan keselamatan guru dan murid. Audit penaksiran risiko kesihatan bahan kimia di sekolah, di makmal-makmal dan juga sehingga hari ini, berapakah makmal-makmal kimia di sekolah yang telah diuji keupayaan sistem pengalihan udara setempat?

Dua soalan di sini iaitu satu tentang makmal kimia yang mengenai *ventilation* dan satu lagi iaitu risiko kesihatan bahan kimia dan di bawah Peraturan Penggunaan dan Piawaian Dedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan 2000. Mungkin Yang Berhormat telah tertinggal yang itu. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana saya tidak ada maklumat itu sekarang, saya mohon untuk jawab secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terdapat isu-isu yang dibangkitkan telah dijawab secara lisan di Dewan yang mulia ini.

Sehubungan dengan itu, saya tidak perlu mengulas secara panjang lebar isu tersebut. Namun, jika terdapat isu-isu yang tidak sempat dijawab, ia akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan negara. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih ke Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Silakan Yang Berhormat Menteri. Kita bersyukur kerana tengah hari ini Menteri sendiri yang datang hadir untuk menjawab. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

4.16 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih kerana saya tidak ada timbalan pun... [Ketawa] Itu bukan isulah sebab memang kita menghormati Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung, Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah, Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman dan Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit kerana sudi berkongsi pandangan dan cadangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sepanjang sesi perbahasan Bajet 2013 peringkat dasar. Izinkan saya memberi penjelasan berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu caruman utiliti. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman telah menyentuh mengenai isu caruman utiliti atau *utility charges*, dengan izin, iaitu pembayaran kepada TNB dan IWK patut dikaji semula untuk mengurangkan kos pembinaan rumah. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebagai kadar sumbangan adalah mungkin merujuk kepada caj sambungan pengguna (CSP) atau *connection charge*, dengan izin.

Dalam konteks pembekalan elektrik, CSP merupakan pembayaran awal yang perlu dijelaskan oleh pengguna bagi menampung sebahagian kecil daripada kos penyediaan infrastruktur bekalan elektrik untuk memberi bekalan kepada pengguna-pengguna. CSP juga merupakan satu bentuk yuran komitmen atau *commitment fee*, dengan izin, daripada pengguna yang ingin mendapatkan bekalan elektrik daripada utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad.

Polisi CSP turut diamalkan oleh kebanyakan utiliti lain di dunia tetapi melalui kaedah yang berbeza-beza mengikut keperluan masing-masing. Setiap permintaan bekalan elektrik daripada pengguna terutamanya permintaan bekalan dalam skala yang besar memerlukan pihak utiliti merancang serta memperuntukkan sejumlah kos yang tinggi bagi pembinaan infrastruktur. Oleh itu, CSP dikenakan ke atas pengguna bagi membuktikan komitmen mereka terhadap bekalan yang diperlukan. Kadar CSP yang dikenakan pada ketika ini adalah dipandukan kepada buku kenyataan caj sambungan yang diluluskan oleh pihak kerajaan pada tahun 1995.

■1620

Kadar CSP ini tidak disemak semula oleh kerajaan semenjak 17 tahun yang lalu walaupun kos pembekalan elektrik yang melibatkan kos kabel, alat ubah dan lain-lain peralatan telah meningkat berlipat ganda. Memandangkan caj ini telah lama tidak disemak semula, kadar yang dikenakan oleh TNB kepada pihak pengguna pada ketika ini adalah minima dan tidak memberi kesan yang besar ke atas peningkatan kos pembinaan dan harga jualan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan sumbangan yang dikutip oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) adalah merupakan sumbangan untuk Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). KWSMP ini diwujudkan melalui penguatkuasaan Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air 2011 pada Januari 2011.

IWK pula telah dilantik oleh SPAN sebagai agensi pengakuan atau *certifying agency*, dengan izin, untuk aspek perkhidmatan pembetungan. Tujuan pemaju-pemaju dikehendaki menyumbang kepada KWSMP ini adalah bagi membantu kerajaan menyediakan sistem pembetungan untuk memastikan sisa-sisa kumbahan daripada pembangunan-pembangunan baru dapat diproses dan *effluence* yang dilepaskan tidak mencemarkan alam sekitar.

Mana-mana pemaju sesuatu pembangunan baru boleh untuk memilih tidak menyumbang kepada KWSMP jika kawasan tersebut tidak mempunyai akses kepada sistem pembetungan awam.

Namun begitu, pemaju tersebut hendaklah menyediakan dengan kosnya sendiri suatu sistem rawatan kumbahan yang lengkap dengan kemudahan pemrosesan enap cemar bagi memastikan sisa kumbahan dari kawasan yang dibangunkan dapat diproses sebelum *effluencenya* dilepaskan ke alam sekitar.

Oleh itu, adalah tidak benar bahawa sumbangan kepada KWSMP ini akan menyebabkan kenaikan kos pembinaan kerana kadar yang dikenakan masih rendah berbanding keperluan untuk membina sendiri sistem pemetungan. Malah pembayaran sumbangan kepada KWSMP bagi kebanyakan tempat, adalah lebih menjimatkan berbanding kos penyediaan tapak dan membina loji rawatan kumbahan oleh pihak pemaju. Justeru, kementerian berpandangan bahawa tiada keperluan untuk kerajaan mengkaji semula sumbangan KWSMP pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pemetungan dan pencemaran kumbahan. Kerajaan amat prihatin dan komited dalam usaha mengawal pencemaran sumber air dari punca kumbahan demi kesejahteraan rakyat. Kerajaan secara progresif telah, sedang dan akan melaksanakan projek pembinaan dan peningkatan infrastruktur sedia ada di bandar-bandar utama.

Bermula daripada Rancangan Malaysia Ke-9, keutamaan bagi memperbaiki tahap kecekapan dan sistem pengurusan kumbahan di kawasan lembangan Sungai Klang telah diterjemahkan melalui pelaksanaan projek-projek membaik pulih loji-loji kritikal yang gagal berfungsi mengikut piawaian yang ditetapkan. Pembinaan loji rawatan berpusat di Damansara, di Puchong dan Pantai Dalam serta pembaikan paip pemetungan kritikal di pusat Bandaraya Kuala Lumpur adalah contoh.

Di bawah pelaksanaan *Projek Greater KL-Klang Valley*, dengan izin, kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah RM5 bilion bagi tujuan meningkatkan infrastruktur pemetungan dalam usaha menyokong kepada pemulihan Sungai Klang kepada kelas 2B airnya. Antara skop kerja yang akan dilaksanakan melibatkan pembinaan loji rawatan kumbahan berpusat. Kerja-kerja pembinaan rangkaian paip pemetungan utama dan penyambungan ke premis. Kerja-kerja penyambungan dan rasionalisasi loji-loji kecil, kerja-kerja membaik pulih loji dan rangkaian paip pemetungan kritikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, loji rawatan kumbahan berpusat telah dibina di beberapa lokasi yang dikenal pasti melalui kajian tadahan pemetungan yang dijalankan oleh pihak Indah Water Konsortium (IWK) dan juga Jabatan Perkhidmatan Pemetungan (JPP). Di antara kawasan yang telah dibina loji rawatan kumbahan berpusat ialah Pantai Dalam, Klang Selatan, Damansara, Puchong, Bunus, Bandar Tun Razak dan *lower Kerayong*.

Selain daripada pembinaan loji baru di kawasan yang belum disediakan sistem rawatan berpusat seperti mukim Batu, Jinjang Kepong, kerajaan telah meningkatkan keupayaan daripada segi proses rawatan dan kapasiti rawatan loji-loji berpusat sedia ada dari semasa ke semasa selaras dengan pertumbuhan dan pembangunan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung kerana membangkitkan isu mengenai projek penjanaan elektrik hidro. Namun begitu, isu berkenaan projek Hidroelektrik Murun dan Baram adalah di bawah tugas Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, memandangkan Akta Bekalan Elektrik 1990 tidak terpakai di negeri Sarawak.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah akan keprihatinan Yang Berhormat Senator terhadap status pelaksanaan projek kecekapan tenaga sektor bangunan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Projek Kecekapan Sektor Bangunan telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kerja Raya dan juga Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air adalah sebagai salah satu ahli di bawah jawatankuasa tersebut. Saya yakin bahawa isu jawatankuasa projek kecekapan tenaga sektor bangunan ini akan diambil perhatian oleh kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dan akhirnya ia akan diurus dengan sebaik yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Setakat ini sahajalah penjelasan yang saya dapat berikan.

■1630

Jika ada isu-isu yang tidak saya dapat jawab dalam sesi ini, saya akan menjawabnya melalui bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan.

Sehubungan itu, saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk terus menyokong usaha-usaha Kementerian saya bagi memastikan hasrat kerajaan untuk merealisasikan tema bajet tahun 2013 iaitu, "*Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati*". Dengan itu, saya sekali lagi ucapkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas segala jawapan yang telah diberi tadi. Seterusnya kita beralih ke Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2013 dengan membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. S. Ramakrishnan, Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah, Senator Dato' Lim Nget Yoon dan Senator Dr. Lucas bin Umbul telah membangkitkan isu peningkatan stok minyak sawit di Malaysia yang melebihi dua juta tan dan keadaan ini memberi kesan ke atas harga minyak sawit.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak bulan September 2012, harga minyak sawit telah mengalami trend penurunan yang berterusan sehingga mencapai paras RM2,022 setan pada 12 Disember 2012. Minyak sawit adalah merupakan salah satu daripada minyak sayuran di pasaran dunia. Minyak sawit mengalami persaingan dengan minyak sayuran lain seperti minyak kacang soya, *red seed* dan minyak *Canola*. Penggunaan minyak sayuran di pasaran dunia adalah berjumlah 185.9 juta tan setahun.

Oleh yang demikian, kedudukan bekalan minyak sawit bergantung pada pengeluaran minyak sayuran yang lain juga. Jika pengeluaran minyak kacang soya dunia meningkat, secara tidak langsung permintaan terhadap minyak sayuran yang lain termasuk minyak sawit akan berkurangan. Peningkatan stok minyak sawit ketika ini disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) peningkatan pengeluaran minyak sayuran lain dunia meningkat secara mendadak;
- (ii) pengurangan permintaan untuk minyak sayuran lain kerana keadaan ekonomi dunia terutama di Eropah dan Amerika Syarikat yang tidak menentu;
- (iii) kesan penstrukturan semula duti eksport Indonesia telah mengurangkan daya saing industri sawit Malaysia dan memberi kesan kepada syer pasaran produk sawit di pasaran antarabangsa; dan
- (iv) sikap tunggu dan lihat pengeksport Malaysia terhadap penguatkuasaan peraturan-peraturan kualiti di negara China. Di samping itu, negara China telah meningkatkan pengimportan kacang soya bagi aktiviti-aktiviti pelumatan tempatannya. Ini secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pengeksportan minyak sawit Malaysia ke negara tersebut.

Disebabkan faktor-faktor tersebut, permintaan terhadap minyak sawit Malaysia telah berkurangan dan ini telah menyebabkan kejatuhan harga minyak sawit sehingga mencecah paras RM2,022 setan pada 12 Disember 2012. Keadaan ini telah mendorong kerajaan melaksanakan beberapa langkah untuk menangani kejatuhan harga. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menstrukturkan semula duti eksport ke atas minyak sawit mentah (CPO) yang akan berkuat kuasa mulai bulan Januari 2013. Langkah ini akan dapat mengembalikan daya saing industri hiliran sawit negara di pasaran antarabangsa;
- (ii) mengurangkan bekalan CPO melalui pemberian insentif kepada syarikat-syarikat perladangan untuk menanam semula pokok sawit yang melebihi usia 25 tahun. Pengurangan bekalan ini dijangka akan memberi kesan kepada stok CPO dalam negara;
- (iii) meningkatkan penggunaan CPO melalui peningkatan penggunaan biodiesel. Ini dilaksanakan melalui program B10, adunan 10peratus biodiesel di sektor tidak bersubsidi seperti sektor perkilangan;
- (iv) menyediakan kemudahan kredit bagi petroleum minyak sawit Malaysia bagi perolehan minyak sawit Malaysia di bawah *Palm Oil Credit Payment Arrangement* (POCPA). Skim ini ditujukan kepada negara-negara yang mempunyai masalah pertukaran asing;
- (v) menggalakkan perdagangan timbal balik;
- (vi) meningkatkan penyelidikan bagi menghasilkan produk-produk baru berasaskan sawit;
- (vii) membangunkan pasaran baru (*developing new market*);
- (viii) memperkukuhkan pasaran melalui rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas;
- (ix) menganjurkan misi-misi perdagangan dan promosi minyak sawit; dan
- (x) menyediakan bantuan khidmat teknikal kepada para pengguna minyak sawit.

Dengan langkah-langkah yang dinyatakan, adalah dijangka daya saing industri hiliran sawit negara akan dapat ditingkatkan dan lebih banyak CPO dapat diproses dan dieksport. Ini akan dapat membantu mengurangkan paras stok bulanan dan seterusnya meningkatkan harga CPO ke paras yang lebih selesa untuk dinikmati oleh penanam sawit dan seterusnya harga sawit akan terus stabil di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul mengenai pekebun kecil sawit dan getah di Sabah yang telah memohon insentif tetapi masih belum mendapat kelulusan.

Untuk makluman...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Bolehkah?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, langkah-langkah yang diambil dan harga minyak sawit akan meningkat. Itu jangkaan kementerian, bila akan sembuh? Ini kerana golongan yang kira pendapatan rendah iaitu pekerja pekebun kecil yang menghadapi pendapatan mereka dikurangkan dan terus menjejaskan *daily life* mereka, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Saya hendak jelaskan di sini bahawa sebenarnya harga pasaran hari ini menurun daripada harga yang begitu tinggi sekali. Ia bukan bermakna tidak menguntungkan. Ia masih menguntungkan cuma kalau dibandingkan dengan harga yang begitu tinggi, kita merasakan seolah-olah kita menghadapi satu tekanan kerana trendnya menurun.

Oleh sebab itu, apa yang kita buat sekarang adalah untuk menentukan harga itu stabil. Kita bukan hendak menentukan supaya harga naik sehingga RM4,000 satu tan. Contohnya pada tahun 2009, harga *average* pada tahun itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, hanya RM2,300 yang paling tinggi ketika itu. Ketika itu semua mereka yang terlibat dalam industri sawit merasakan itu adalah merupakan satu harga yang menguntungkan, ketika itu tahun 2009.

Akan tetapi apabila tahun 2010 harga mula meningkat, tahun 2011 meningkat lagi dan akhirnya bila ada penurunan, maka kita merasakan seolah-olah kita menghadapi satu tekanan kerana trendnya menurun. Maka apa yang kita buat hari ini adalah supaya harga ini dapat distabilkan dalam satu keadaan supaya tidak ada rasa panik dalam kalangan mereka yang berkecimpung dalam industri sawit ini. Maka sebab itu kita buat langkah-langkah yang saya sebutkan tadi semata-mata untuk menstabilkan harga.

Bagi menjawab Yang Berhormat Senator mengatakan bila agaknya harga ini akan naik. Daripada analisis-analisis yang dibuat oleh banyak pihak di luar sana, konsultan-konsultan, para penganalisis di seluruh dunia, mereka menjangkakan bahawa pertumbuhan permintaan minyak masak akan meningkat sehingga pada bulan Jun tahun hadapan. Oleh sebab itu, kita menjangkakan ia akan mula menaik daripada segi harganya dari bulan Januari sehinggalah pada bulan Jun tahun hadapan. Kemungkinan harga akan mencecah melebihi daripada RM2,300 sebulan.

■1640

Itu jangkaan yang dibuat oleh para penganalisa di luar sana. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul mengenai kebun kecil sawit dan getah di Sabah yang sudah memohon insentif tetapi masih belum mendapat kelulusan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi negeri Sabah sehingga 14 November 2012, sebanyak 4,684 permohonan diterima oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia untuk Skim Tanam Semula dan Tanam Baru Sawit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,118 permohonan atau bersamaan 11,997 hektar telah diluluskan iaitu hampir 67 peratus.

Ini menunjukkan sambutan yang memberangsangkan daripada pekebun kecil negeri Sabah terhadap program yang dianjurkan oleh kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian sentiasa prihatin untuk membantu pekebun-pekebun kecil luar bandar. Akan tetapi terdapat sesetengah peraturan yang perlu dirujuk kepada kerajaan negeri dan perkara-perkara yang melibatkan kerajaan negeri adalah di luar bidang kuasa kementerian ini. Manakala bagi pekebun kecil getah, beberapa permohonan telah diterima dan telah diluluskan.

Mereka yang memenuhi kriteria atau syarat pemberian insentif telah menerima bantuan yang ditetapkan melalui Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Namun, terdapat beberapa masalah yang timbul yang mana terdapat permohonan yang tidak dapat diproses lanjut atau diluluskan. Ini adalah disebabkan kerana pertama, proses pemilikan yang belum selesai atau isu tanah adat. Kedua, permohonan yang tidak lengkap. Walau bagaimanapun pada tahun 2012 ini, bagi bantuan tanam baru dan tanam semula, jumlah keluasan yang disasarkan sebanyak 7,364 hektar telah pun tercapai.

Manakala bagi permohonan-permohonan yang sedang diterima, pihak LIGS kini sedang memproses permohonan-permohonan tersebut dari semasa ke semasa. *Insyaa-Allah*, tahun depan akan dapat kita luluskan. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul juga ada mencadangkan agar kerajaan menubuhkan satu sistem dana perlindungan untuk mengatasi masalah pekebun kecil yang menghadapi penurunan harga getah ataupun harga sawit. Bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan tersebut. Kementerian akan menimbang dan berbincang cadangan Yang Berhormat secara lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah bertanyakan mengenai fungsi Skim Subsidi Minyak Masak atau *Cooking Oils Subsidy Scheme* (COSS). Untuk makluman, kerajaan telah melaksanakan COSS sejak tahun 2007 hingga kini, bertujuan membendung kesan inflasi serta membantu golongan isi rumah berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah. Di bawah skim ini, kerajaan telah menyediakan subsidi minyak masak yang dianggarkan berjumlah RM1.5 bilion sehingga RM1.6 bilion setahun.

Kuota di bawah skim ini telah diagihkan kepada sejumlah 21 kilang penapis minyak sawit dan 233 syarikat pembungkus minyak masak di seluruh negara. Skim ini melibatkan pembayaran subsidi oleh kerajaan kepada kilang penapis minyak sawit berdasarkan kepada perbezaan di antara harga semasa produk *RBD Palm Olein* dengan harga asas atau *threshold price* iaitu sebanyak RM1,700 setan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok bertanyakan mengenai usaha seperti pembukaan estet sawit atau getah yang baru untuk menggantikan tanah-tanah pekebun kecil sawit dan getah yang akan dibangunkan bagi program pembinaan empangan hidro di Sarawak. Untuk makluman, usaha-usaha perancangan penempatan penduduk dan pembangunan tanah bagi pekebun-pekebun kecil yang dipindahkan adalah berkonsepkan pembangunan ladang seperti *Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (SALCRA) adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, melalui MPOB turut menyediakan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil ini untuk menanam semula sawit di bawah skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan mengusahakan tanaman baru di bawah Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Bantuan ini meliputi bekalan anak benih sawit berkualiti, input pertanian dan pengurusan tanaman mengikut program pertanian baik (GAP).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Pua Hajah Noriah binti Mahat dan Senator Dr. Lucas Umbul bertanyakan mengenai isu harga getah yang turun naik. Untuk makluman, harga getah ditentukan oleh beberapa faktor termasuk penawaran serta permintaan pasaran dan kadar pertumbuhan ekonomi dunia, khususnya di negara-negara pengimport utama getah. Bagaimanapun, kerajaan sentiasa memantau harga getah agar ia tidak menjejaskan pendapatan pengusaha tanaman getah terutamanya pekebun kecil. Pada masa ini, walaupun trend harga getah turun naik, ia masih berada di tahap yang memberangsangkan. Apabila harga-harga yang ditawarkan sekarang masih melepasi kos pengeluaran pada kadar harga RM4 satu kilo. Harga SMR 20 yang ditawarkan pada hari ini adalah sebanyak RM8.60 sekilo.

Bagi memperkukuhkan harga getah, Malaysia bersama-sama dengan lain-lain negara pengeluar utama getah dunia iaitu Thailand dan Indonesia sentiasa membuat pemantauan terhadap trend harga getah semasa dunia di bawah rangka kerjasama yang kita panggil *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). Dalam hal ini, ketiga-tiga negara pengeluar getah ini akan mengadakan rundingan dan mengambil langkah-langkah proaktif sekiranya harga getah berada di paras yang membimbangkan. Ini termasuk melaksanakan skim *Agreed Export Tarnish* (AETS) bagi mengawal eksport getah ke pasaran dunia secara kolektif. Selain itu, sekiranya paras harga getah terus jatuh ke paras yang membimbangkan, lain-lain mekanisme di bawah ITRC adalah skim pengurusan bekalan atau *supply management scheme* yang melibatkan program penanaman semula dan *strategic market operation* bagi tujuan membeli getah dari pasaran terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sektor koko dan lada, Yang Berhormat Senator Dr. Lucas Umbul menanyakan bagaimana pihak kementerian dapat memastikan industri koko negara akan terus relevan setelah mengalami penurunan hasil pengeluarannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan tanaman koko negara telah merosot sejak tahun 2000 berikutan persaingan guna tanah dengan tanaman komoditi lain terutamanya tanaman sawit.

Pada tahun 2011, kawasan tanaman koko direkodkan seluas 20,543 hektar dengan pengeluaran sebanyak 5,000 tan setahun iaitu merosot hampir 70 peratus daripada 16,000 tan pada tahun 2010. Ini disebabkan oleh antara lain perubahan iklim dan pertambahan keluasan baru tanaman koko pada 2011 masih di peringkat awal tanaman dan belum matang untuk pengeluaran hasil. Kementerian telah melancarkan Dasar Komoditi Negara bagi tempoh negara 2011 dan 2020 yang menyediakan kerangka dasar dan pelan hala tuju....

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Ya, soalan saya pendek sahaja. Kenapa pertanian koko merosot?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Seperti yang saya jelaskan tadi, keluasan tanaman koko telah merosot dari tahun 2000. Pertamanya kerana persaingan guna tanah. Ini kerana ketika itu harga sawit lebih menguntungkan daripada tanaman koko. Maka, kebanyakan daripada petani-petani menggantikan penggunaan tanah mereka daripada tanaman koko kepada tanaman sawit. Pada waktu yang sama ketika itu juga banyak ladang koko mengalami penyakit yang menyebabkan mereka menghadapi kerugian yang agak besar.

■1650

Maka dalam keadaan yang sebegitu rupa, mereka banyak menggantikan tanaman baru kepada tanaman sawit dan getah. Maka itu menyebabkan penurunan keluasan tanaman koko dalam negara kita sehinggalah pada tahun sekarang ini hanya 20,543 hektar keluasan tanaman koko dalam negara. Itu sebenarnya yang menyebabkan kekurangan mereka daripada menanam tanaman koko.

Walau bagaimanapun, dengan dasar kita untuk menentukan supaya ada penambahan, kita menggalakkan melalui pelbagai cara yang kita buat dengan mengadakan seminar, mengadakan pertemuan dengan pekebun-pekebun kecil bahawa galakan-galakan, insentif kita berikan untuk mereka yang menanam pokok koko yang baru dengan menggunakan klon-klon yang lebih baik daripada klon-klon yang dahulu yang dikeluarkan oleh Lembaga Koko Negara.

Dalam Dasar Komoditi Negara, kita telah menetapkan sasaran untuk menambah 2,000 hektar setiap tahun kawasan baru tanaman koko supaya keluasan kawasan tanaman koko dapat kita tingkatkan daripada 20,543 hektar pada tahun 2011 kepada 40,000 hektar menjelang tahun 2020. Bagi tahun 2012, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM17.8 juta pada tahun 2012 kepada Lembaga Koko untuk membangunkan 2,000 hektar kawasan baru tanaman koko dan RM8.4 juta untuk memulihkan 1,000 hektar kawasan tanaman koko yang kurang produktif dan terbiar bagi menjamin sektor koko terus berdaya saing dalam negara kita.

Di antara langkah-langkah peningkatan dan penggalakan pengeluaran koko yang sedang giat dijalankan adalah pertama seperti yang saya sebutkan tadi, Program Tanaman Baru Koko bagi meningkatkan keluasan tanaman baru yang mana setiap peserta akan menerima RM8,000 sehektar insentif yang akan kita berikan. Kedua, Program Koko Untuk Rakyat yang mana kita akan berikan setiap peserta sebanyak 50 anak pokok setiap seorang, maksimumnya 50 anak pokok. Sehingga kini, program ini telah berjaya mengagihkan sebanyak 21,427 anak benih koko kepada 1,491 pekebun-pekebun kecil di seluruh negara.

Ketiga, menganjurkan kursus asas coklat buatan tangan. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan usahawan coklat buatan tangan dan ini akan menggalakkan penggunaan coklat dalam negara kita. Kursus asas ini dijalankan sebanyak dua kali sebulan atau 24 kali setahun dan diikuti dengan kursus lanjutan sebanyak sekali sebulan atau 12 kali setahun yang bertujuan meningkatkan lagi kemahiran dan teknik bagi coklat buatan tangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kekurangan tenaga kerja di Lembaga Lada Malaysia di negeri Sabah. Pihak kementerian mengambil maklum permasalahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, keluasan tanaman lada di Sabah pada masa kini adalah sekitar 55 hektar yang melibatkan 216 pekebun di kawasan Kota Marudu, Matunggong, Pitas, Penampang, Ranau serta Tambunan dan bilangan ini dijangka akan bertambah pada masa hadapan.

Kawasan tanaman lada di Sabah pada masa ini tertumpu kepada pembukaan dan peluasan kawasan baru tanaman lada dan program penanaman lada ini telah dimulakan di Sabah sejak tahun 2009. Dengan bertambahnya minat dan sambutan dalam kalangan pekebun di Sabah terhadap tanaman lada, maka kementerian melalui *Malaysian Pepper Board* (MPB) telah menubuhkan sebuah pejabat wilayah di Kota Kinabalu, Sabah bagi memberi perkhidmatan dan penyaluran input pertanian serta bantuan kerajaan kepada penanam-penanam lada di negeri Sabah.

Pejabat wilayah Sabah ini telah kita mulakan operasi pada 1 September 2012 dengan tenaga kerja sembilan orang kakitangan dan kita sedar ia tidak mencukupi.

Walau bagaimanapun, kementerian sedar bahawa oleh kerana tidak mencukupi, kita sedang meminta melalui perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mewujudkan jawatan-jawatan baru bertaraf tetap yang diperlukan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan Bajet 2013 berkaitan dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Segala pandangan, ulasan dan saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sepenuhnya dan langkah-langkah susulan akan diambil bagi terus memajukan industri komoditi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Tanpa melengahkan masa, saya ingin mempersilakan Menteri dari Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

4.56ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada seramai 22 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 di Dewan yang mulia hari ini yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri. Sebelum saya menjawab pertanyaan secara spesifik, izinkan saya memanjatkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau yang telah menyediakan peruntukan khusus sebanyak RM591 juta untuk meningkatkan usaha mengurangkan kadar jenayah.

Pihak KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini. Pihak KDN telah diperuntukkan sejumlah RM10,888,601,000 bagi belanja mengurus dan sejumlah RM630,205,700 untuk peruntukan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi menjawab perkara-perkara dan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut isu-isu yang dibangkitkan. Pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan isu NKRA mengurangkan jenayah. Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung menyentuh berkenaan statistik jenayah PDRM dan memohon penjelasan berhubung tindakan yang diambil untuk meyakinkan orang awam terhadap statistik jenayah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius isu jenayah di negara ini. Berdasarkan kepada ini, maka kerajaan telah mengenal pasti mengurangkan kadar jenayah sebagai salah satu daripada tujuh inisiatif NKRA di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP1).

Di bawah GTP1, kerajaan telah mengenal pasti lebih 50 inisiatif yang boleh diambil untuk mengurangkan kadar jenayah. Sejak NKRA mengurangkan jenayah dilancarkan pada tahun 2009, kadar jenayah telah dapat dikurangkan. Oleh kerana itu, badan antarabangsa yang bebas tanpa dipengaruhi oleh pihak kerajaan seperti *Institute for Economics and Peace* telah membuat kajian dan mengiktiraf kedudukan Malaysia di tangga ke-20 dalam *Global Peace Index*.

Ingin saya tegaskan bahawa kaedah yang digunakan oleh PDRM untuk menerima laporan ataupun aduan adalah melalui sistem *Police Reporting System* (PRS) yang dibuat secara *online* yang mana pengadu akan membaca semula laporan yang dibuat dan mengesahkan aduannya sebelum ia dibuat salinan dan ditandatangani oleh pengadu. Salinan laporan ini kemudiannya akan dibawa oleh pengadu kepada Pegawai Penyiasat untuk siasatan lanjut klasifikasi kes. Semua tindakan polis akan dicatatkan dalam sistem tersebut.

■1700

Oleh yang demikian tiada ruang untuk pihak polis memanipulasi data atau statistik jenayah. Untuk memantapkan lagi sistem ini, PDRM akan membuat penambahbaikan bermula tahun 2013 yang mana pengadu boleh membuat semakan ke atas status aduan melalui laman sesawang PDRM.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin membangkitkan isu berkenaan jumlah CCTV yang akan dipasang di kawasan Damansara dan Bukit Bintang serta bilangan anggota polis yang berpakaian preman yang ditempatkan di kawasan-kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah CCTV di kawasan Bukit Bintang yang merangkumi kawasan Jalan Raja Chulan dan Jalan Bulan adalah sebanyak 10 unit, manakala satu unit di kawasan Damansara. Walau bagaimanapun, Kementerian difahamkan bahawa pihak DBKL sedang dalam proses menambah bilangan CCTV di kawasan sekitar Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan anggota yang ditugaskan di kawasan berkenaan selain daripada anggota yang beruniform, terdapat juga anggota-anggota yang berpakaian preman atau *civilian* yang terdiri daripada anggota detektif Cawangan Narkotik dan Jenayah yang ditugaskan bagi meningkatkan lagi pengawasan di kawasan berkenaan. Jumlah keanggotaan yang bertugas pada satu-satu masa bergantung kepada maklumat yang diperolehi dan keadaan semasa. Sebagai contoh, semasa hari cuti atau hari-hari perayaan yang mana kawasan ini menjadi tumpuan ramai, jumlah keanggotaan yang bertugas juga akan ditambah.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu mencadangkan agar satu jabatan diwujudkan bagi mengawal selia tanggungjawab PDRM, pasukan polis simpanan dan RELA supaya tidak berlaku pertindihan. Dalam melaksanakan penugasan pencegahan jenayah, pelbagai agensi seperti pasukan RELA dan JPAM telah diketengahkan sebagai agensi bantuan kepada pihak PDRM. Penugasan agensi bantuan ini adalah diletakkan sepenuhnya di bawah kawalan ketua polis daerah yang berkenaan untuk menyelaras penugasan agensi bantuan tersebut. Oleh yang demikian, tiada pertindihan penugasan berlaku.

Kementerian mengucapkan terima kasih dan amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor mengenai inisiatif yang diambil oleh pihak polis dalam memberikan kesetaraan kepada masyarakat contohnya kepada pihak sekolah dan PIBG.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, menangani masalah jenayah harus dipikul bersama oleh pihak PDRM dan masyarakat dan bukan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada PDRM. Menangani jenayah harus dianggap sebagai *social contract* dan *social obligation* setiap rakyat negara ini untuk membantu pihak PDRM. Berdasarkan kepada pendekatan ini, maka kerajaan amat menggalakkan inisiatif *committee policing* yang mana masyarakat dan PDRM menggembelng tenaga untuk membanteras jenayah di sesuatu kawasan.

Berhubung dengan kesedaran kepada pihak sekolah dan PIBG, kerajaan telah pun melibatkan kedua-dua pihak ini secara langsung melalui tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) mewujudkan pegawai perhubungan PDRM sebagai *liaison officer* di antara sekolah dengan PDRM di setiap sekolah di Malaysia;
- (ii) melaksanakan program *Blue and Green* iaitu pengawal keselamatan di 517 sekolah terpilih di seluruh negara oleh anggota PDRM; dan
- (iii) RELA dan mengadakan ceramah untuk murid-murid atau pelajar, guru-guru dan PIBG berhubung dengan keselamatan murid dan wanita.

Inisiatif-inisiatif seperti di atas ini berupaya menyedarkan ibu bapa, pihak sekolah dan PIBG bahawa keselamatan anak-anak mereka di sekolah sentiasa diberi keutamaan dan keselamatan anak-anak mereka terjamin.

Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham mendakwa bahawa terdapat banyak kes pembunuhan yang tidak dapat diselesaikan. Bagi memperjelaskan dakwaan tersebut, kes-kes jenayah pembunuhan merupakan jenayah yang kompleks dan agak rumit untuk dicegah. Pelbagai punca dan motif yang menyebabkan pembunuhan boleh berlaku seperti balas dendam, samun, merompak, provokasi, cemburu, berhutang, perebutan harta dan sebagainya. Walaupun begitu, PDRM sentiasa berusaha membanteras jenayah bunuh selaras dengan objektif kerajaan untuk menurunkan kadar jenayah dalam negara.

Statistik menunjukkan kejadian jenayah bunuh telah menurun setiap tahun sejak tahun 2008 hingga tahun 2011. Beratus kes bunuh yang telah diselesaikan adalah 68.2 peratus bagi tahun 2008, 68.7 peratus bagi tahun 2009, 71.5 peratus bagi tahun 2010 dan 62.2 peratus bagi tahun 2011. PDRM sentiasa komited untuk menyiasat setiap kes bunuh yang dilaporkan untuk mengesan dan menangkap penjenayah untuk dibawa ke muka pengadilan. Tidak dinafikan terdapat juga kes-kes bunuh yang tidak dapat diselesaikan atas sebab-sebab tertentu seperti kekurangan maklumat atau tiada saksi yang tampil memberikan maklumat berkenaan kejadian.

Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham mendakwa bahawa cawangan khas PDRM hanya menumpukan kepada perisikan aktiviti politik dan mencadangkan agar peruntukan dan penambahan anggota yang diberikan kepada Cawangan Khas PDRM dialihkan kepada Bahagian Jenayah PDRM. Dakwaan Yang Berhormat dalam hal ini adalah tidak tepat kerana tugas utama anggota cawangan khas adalah untuk mengumpul maklumat risikan keselamatan yang menarik perhatian dan bukan hanya tertumpu kepada aktiviti politik. Ia juga berperanan dalam membantu mendapatkan risikan berkaitan kegiatan jenayah, subversif dan *extremist* yang bergiat dalam negara. Dalam pengisian 4,000 perjawatan baru yang diluluskan, tiada waran perjawatan yang dikhususkan kepada cawangan khas. Kebanyakan perjawatan baru diperuntukkan kepada balai polis, balai polis komuniti dan ibu pejabat polis daerah yang baru diwujudkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu mencadangkan agar tahanan dibebaskan kurang daripada 24 jam tanpa digari dan pihak polis untuk menggunakan budi bicara mereka bagi kes-kes yang tidak berbahaya supaya orang-orang yang dianggap bersalah itu dibebaskan dengan ikat jamin. PDRM hanya akan melaksanakan sesuatu tangkapan ke atas seseorang suspek apabila mempunyai maklumat yang berasas atau keterangan berkaitan penglibatan suspek tersebut di dalam suatu kesalahan jenayah. Kuasa untuk menahan suspek oleh pihak polis hanya selama 24 jam sahaja untuk tujuan siasatan. Sekiranya siasatan tidak boleh dihabiskan dalam tempoh tersebut, pegawai penyiasat boleh memohon untuk tahanan reman daripada majistret dan sekiranya majistret berpuas hati dengan alasan-alasan yang diberikan, bolehlah dilanjutkan tahanan tersebut.

Bagi kes-kes yang boleh dijamin, pihak polis boleh mempertimbangkan suspek dibebaskan dengan jaminan polis. Dalam melaksanakan tangkapan, seseorang anggota polis boleh menggunakan kekerasan munasabah termasuk menggunakan gari untuk mengelakkan suspek melepaskan diri. Walau bagaimanapun, anggota polis yang membuat tangkapan mempunyai budi bicara dalam penggunaan gari dengan mengambil kira faktor seperti umur, jantina, keadaan fizikal dan perlakuan suspek sama ada agresif atau tidak.

■1710

Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah mencadangkan kepada kerajaan agar membuat pengambilan lebih banyak lagi anggota PDRM dan pengambilan tersebut perlu mencerminkan kepelbagaian kaum. Pemilihan calon-calon awam untuk berkhidmat dengan PDRM adalah berdasarkan kepada merit dan pihak PDRM tidak mengamalkan sistem kuota berdasarkan kaum dalam membuat pemilihan tersebut. Malahan, Suruhanjaya Pasukan Polis dan PDRM mengalu-alukan permohonan daripada semua kaum untuk menyertai PDRM yang mana pada masa kini, permohonan menyertai PDRM boleh dibuat secara *online* melalui portal rasmi SPA semenjak 20 Mac 2012.

Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam mencadangkan supaya diperbanyakkan pembinaan pondok-pondok polis. Buat masa kini, pondok-pondok polis sedia ada adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mempertimbangkan penambaan pembinaan pondok polis sekiranya terdapat keperluan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som memohon penjelasan berhubung masalah permohonan untuk menukarkan istilah bangsa Thai kepada bangsa Siam di dalam kad pengenalan dan sijil lahir. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini telah pun dijawab pada sesi pertanyaan pada pagi ini. Kementerian akan mengkaji dan memudahkan prosedur penukaran istilah bangsa Thai kepada bangsa Siam supaya tidak menyusahkan mereka yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Dr. Lucas menyentuh isu penggunaan bin dan binti dalam permohonan kad pengenalan oleh rakyat Sabah dan memohon supaya dipermudahkan urusan jika berlaku kesilapan.

KDN mengambil maklum berhubung isu yang dibangkitkan ini dan sekiranya berlaku kesilapan terhadap maklumat tersebut, pihak JPN akan membuat tindakan pembedaan dengan segera berdasarkan bukti yang dikemukakan oleh pemohon.

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab pemohon sendiri untuk membuat pengesahan terhadap setiap maklumat yang diberikan semasa mengisi borang permohonan kad pengenalan bagi mengelakkan sebarang kesilapan maklumat terjadi. Bagi kes keluar daripada Islam, keputusan daripada Mahkamah Syariah adalah diperlukan.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham, dan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin telah membangkitkan isu mengenai kawalan dan pemantauan kepada warga asing yang masuk ke negara ini terutamanya pelancong, pekerja asing dan pelajar asing bagi mengelakkan mereka ini melakukan kegiatan jenayah ataupun maksiat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberian sesuatu pas imigresen kepada seseorang warga asing adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan. Pas imigresen seseorang warga asing yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan boleh dibatalkan selaras dengan peruntukan Akta dan Peraturan Imigresen 1959/63 yang berkuat kuasa dan seterusnya boleh diisytiharkan sebagai imigran larangan di bawah seksyen 8(3) akta yang sama. Nama pesalah seterusnya akan dimasukkan ke dalam senarai syak dan tidak dibenarkan masuk Malaysia atau diberikan apa-apa kemudahan imigresen.

KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa mengemas kini dan menambah baik prosedur serta kriteria pengeluaran visa dan pas kepada semua warga asing bagi memastikan hanya yang layak sahaja diberikan kemudahan tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) proses tapisan awam melalui pengeluaran visa di kedutaan ataupun pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang mana tapisan akan dibuat untuk mengambil pasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan ke dalam senarai syak jabatan;
- (ii) kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara dan semakan identiti dengan pangkalan data senarai syak jabatan; dan
- (iii) pengambilan biometrik warga asing di pintu-pintu masuk negara melalui *National Enforcement and Registration System (NERS)* bermula pada 1 Jun 2011.

Ia bertujuan memantapkan pengurusan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap warga asing yang masuk, berada dan berlepas dari Malaysia. Pengambilan biometrik ini berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warganegara asing dengan proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak jabatan di samping mengenal pasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang tergantung dalam pangkalan data NERS.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah meminta Kementerian mengambil tindakan terhadap orang asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Pelbagai langkah dan inisiatif telah diambil oleh Kementerian bagi membendung kemasukan warga asing ke negara ini. Salah satu daripadanya adalah melalui pelaksanaan Program 6P dan Program 5P bagi negeri Sabah. Warga asing yang telah melanggar kesalahan imigresen akan didaftarkan melalui sistem biometrik dan diarah pulang ke negara asal. Hanya yang mempunyai majikan sahaja dibenarkan untuk masuk semula sekiranya majikan memenuhi syarat-syarat untuk mengambil pekerja asing tersebut.

Selain itu, penguatkuasaan juga telah dijalankan secara bersepadu bagi memastikan pendatang tanpa izin dapat dikesan. Penguatkuasaan ini melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia *taskforce* dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Langkah penguatkuasaan ini adalah sebagai langkah pengawalan secara menyeluruh merangkumi laut dan darat bagi mengelakkan kemasukan PATI secara tidak sah.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu agar pas khas atau permit kerja tertentu dikeluarkan untuk warga asing yang bekerja di pusat-pusat hiburan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini kerajaan masih tidak membenarkan pengambilan pekerja asing untuk bekerja di pusat-pusat hiburan. Warga asing yang ditangkap semasa operasi penguatkuasaan di pusat-pusat hiburan adalah warga asing yang bekerja secara haram dan tidak mempunyai dokumen pekerjaan yang sah. Buat masa kini, kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar sedia ada bagi membenarkan warga asing bekerja di pusat-pusat hiburan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat memohon penjelasan berhubung mekanisme pengeluaran pas pelajar asing. Ingin saya nyatakan di sini bahawa permohonan seseorang pelajar asing untuk mendapat kemudahan pas pelajar perlu melalui proses tapisan dan mendapat sokongan daripada agensi-agensi kawal selia yang berkaitan iaitu Kementerian Pengajian Tinggi yang mengawal selia institusi pengajian tinggi swasta dan awam, Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengawal selia sekolah antarabangsa, sekolah ekspatriat, pusat bahasa dan pusat kemahiran, dan Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia yang mengawal selia pusat-pusat bertauliah. Agensi-agensi kawal selia tersebut mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu bagi menentukan pelajar asing yang layak diperakukan untuk pengeluaran pas pelajar.

■1720

KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia pula akan meluluskan pas pelajar kepada pelajar antarabangsa yang telah diperakukan oleh agensi-agensi kawal selia tersebut. Kementerian juga akan memastikan pelajar tersebut bukan seorang *immigrant* larangan sebaliknya dia adalah seorang pelajar yang benar-benar tulen, yang tidak akan menyalahgunakan kemudahan pas pelajar yang telah diberikan.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeed meminta penjelasan berhubung peruntukan AADK yang melibatkan penyalahgunaan dan untuk tujuan kempen-kempen kesedaran dan promosi. Peruntukan bagi penyelenggaraan AADK bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM8.8 juta yang merangkumi penyelenggaraan ICT, pejabat dan kenderaan. Jumlah peruntukan untuk tujuan kempen kesedaran bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM8.5 juta yang merangkumi kempen kesedaran awam dan publisiti secara berterusan dan komprehensif melalui media massa dan media elektronik. Peruntukan selebihnya adalah digunakan untuk pengurusan penguatkuasaan dan keselamatan, rawatan dan pemulihan serta pencegahan melibatkan anggaran RM256.7 juta.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam memohon penjelasan berkenaan tahap jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah dan mekanisme untuk menangani masalah ini. AADK sedar penagih dadah termasuk yang tegar, terlibat dalam jenayah. Di antara jenayah yang dikenal pasti adalah jenayah curi dan ragut untuk mendapatkan duit bagi meneruskan tabiat penagihan ini. Bagi mengatasi masalah dadah di negara ini, kementerian telah mengambil tindakan selaras dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri-nombor satu, tahun 2004 yang mana diwujudkan jentera penyelarasan, pelaksanaan dasar membanteras gejala dadah negara ini.

Kementerian ini sememangnya dengan pelbagai agensi bagi menangani isu dadah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) adalah sebuah agensi yang berperanan memberikan perkhidmatan dan pemulihan berteraskan konsep pulih dan prihatin kepada anggota masyarakat yang memerlukan bantuan, yang terdiri daripada pengguna dadah, penyalahgunaan dadah, penagih dadah, orang kena pengawasan dan individu yang memerlukan sokongan dan bantuan yang berkaitan. Apa juga perkhidmatan yang disediakan adalah selaras dengan undang-undang yang terkandung iaitu Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam turut memohon penjelasan berhubung dengan keberkesanan bahagian penguatkuasaan AADK, jumlah pegawai penguat kuasa dan kemahiran mereka dalam menangani masalah penagih dadah. Merujuk kepada perkara ini, terdapat seramai 882 pegawai AADK yang terlatih diberikan peranan di 96 daerah di seluruh Malaysia menjalankan tugas penguatkuasaan seperti berikut:

- (i) mengesan penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela;
- (ii) mengesan orang kena pengawasan yang tidak mematuhi syarat pengawasan;
- (iii) mengambil tindakan ke atas aduan awam yang berkaitan dengan aktiviti penyalahgunaan dadah;
- (iv) mengurus, menyelia dan melaksanakan program orang kena pengawasan; dan
- (v) memantau tahap keselamatan di institusi dan komuniti pemulihan.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som mohon penjelasan berkenaan isu penyeludupan yang berlaku di sempadan negara terutamanya di sempadan Malaysia dan Thailand. Kerajaan memandang serius isu penyeludupan yang berlaku di sempadan Malaysia-Thailand. Dalam hubungan ini, pemeriksaan di pintu masuk sempadan sentiasa dijalankan oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti PDRM, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan sebagainya.

Di samping itu juga, aktiviti penguatkuasaan seperti sekatan jalan raya, rondaan darat dan laut di tempat strategik, serbuan, pemeriksaan mengejut dan operasi khas sentiasa dijalankan oleh agensi-agensi terlibat dari semasa ke semasa bagi menjaga keselamatan di sempadan dan membanteras aktiviti penyeludupan. Kerjasama di antara agensi-agensi tersebut juga sentiasa dipertingkatkan terutamanya yang melibatkan perkongsian maklumat dan operasi bersepadu bagi membanteras penyeludupan. Dalam hal ini juga, kementerian mengalu-alukan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak yang terlibat termasuk orang ramai agar dapat bersama-sama membanteras aktiviti haram ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng memohon penjelasan berhubung 900 orang banduan yang masih tidak dijalankan hukuman mati selepas didapati bersalah. Hukuman mati terhadap banduan-banduan tersebut belum dapat dilaksanakan kerana mereka masih dalam peringkat rayuan di mahkamah atau Lembaga Pengampunan Negeri. Mereka sama ada Malaysia atau warga asing diberikan semua hak untuk membuat rayuan kepada mahkamah atau Lembaga Pengampunan Negeri. Jabatan Penjara akan membantu mereka dalam semua proses rayuan berkenaan dan bukan bertindak melengah-lengahkan pelaksanaan hukuman.

Pada masa ini, tiada perintah dan waran yang diterima untuk membolehkan Jabatan Penjara melaksanakan hukuman berkenaan terhadap mana-mana banduan hukuman mati termasuklah banduan hukuman mati yang melibatkan negara asing. Berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara pada 10 Disember 2012, jumlah banduan hukuman mati adalah seramai 941 orang. Daripada jumlah tersebut, 288 orang banduan adalah terdiri daripada warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Semoga ia telah dapat menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang giliran Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk menjawab. Saya mempersilakan timbalan menterinya untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

17.25 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2013.

Pihak kementerian akan memberikan perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Secara keseluruhannya, antara isu berkaitan kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan merangkumi beberapa isu iaitu:

- (i) pemantauan dan penguatkuasaan siaran program televisyen, laman sesawang, portal dan *blog*;
- (ii) penambahbaikan perkhidmatan telekomunikasi dan *internet*, jalur lebar negara;
- (iii) kebenaran untuk penggunaan cakera parabola di negeri Sabah;
- (iv) peruntukan kewangan bagi setiap stesen radio di RTM;
- (v) penganjuran Program Minggu Malaysia di New York;
- (vi) penambahbaikan garis panduan Istana Budaya;
- (vii) pembangunan tapak warisan di Pulau Labuan; dan
- (viii) pengurusan dana perfileman di bawah FINAS.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada isu yang dibangkitkan telah dijawab dalam sesi pertanyaan jawab lisan yang dijadualkan pada 3 Disember hingga hari ini iaitu 13 Disember 2012. Saya tidak bercadang untuk menjawab perkara yang telah pun dijawab. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara yang berkenaan dengan pemantauan dan penguatkuasaan siaran program televisyen, laman sesawang, portal atau *blog*.

Tuan Yang di-Pertua, secara asasnya kebanyakan program yang disiarkan di televisyen semanganya mempunyai nilai-nilai positif dan bermaklumat walaupun ia sebuah program berbentuk hiburan, memandangkan ke semua kandungan yang hendak disiarkan dikawal selia di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, kod etika penyiaran dan undang-undang lain yang terpakai di atasnya.

Baik stesen saluran kerajaan RTM mahupun stesen penyiar swasta, masing-masing sentiasa memantau dan berhati-hati dalam pemilihan rancangan untuk tayangan umum. Kesemua kandungan pra rakam seperti drama dan filem, telah ditapis dan diluluskan terlebih dahulu oleh Lembaga Penapis Filem sebelum ia boleh disiarkan di mana-mana stesen televisyen. Pihak stesen penyiaran juga sentiasa digalakkan untuk menyiarkan kandungan yang sejajar dengan aspirasi nasional dan mempromosikan budaya serta identiti kebangsaan seperti melalui penyiaran, pesanan khidmat masyarakat (PKA) atau dengan izin, *public service announcement* oleh semua stesen penyiaran.

Berhubung pemantauan penyiaran iklan di televisyen, dimaklumkan bahawa garis panduan perakuan filem iklan buatan Malaysia (MIM) masih menetapkan bahawa setiap filem iklan yang disiarkan di televisyen mempunyai sijil perakuan filem iklan buatan Malaysia. Kementerian melalui FINAS sedang dalam tindakan untuk memantapkan lagi peraturan yang sedia ada. Kementerian masih menguatkuasakan peraturan agar setiap iklan yang disiarkan di televisyen tempatan mesti mempunyai sijil MIM. Sijil MIM hanya akan dikeluarkan kepada filem-filem iklan yang diterbitkan oleh penerbit filem iklan tempatan sahaja. Filem iklan luar negara boleh digunakan sebagai *foreign footage* dengan tidak melebihi 30 peratus kakian asing atau *foreign footage*.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas mana-mana laman sesawang, portal, atau *blog* yang melanggar peraturan dan undang-undang sedia ada negara seperti di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Selain Akta 588, kandungan Internet juga tertakluk kepada undang-undang lain termasuklah Akta Hasutan Kanun Keseksaan dan lain-lain akta di bawah bidang kuasa pihak polis.

Di dalam hal ini, pihak SKMM dan pihak polis menjalinkan hubungan kerja yang erat untuk membanteras jenayah siber daripada terus berleluasa. Untuk makluman, pihak SKMM tidak dapat mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang membuat komen yang bermastautin di luar negara, memandangkan pihak SKMM tiada kuasa untuk menguatkuasakan Akta 588 di luar kawasan Malaysia. Selain itu, untuk tahun 2012 SKMM telah menerima satu aduan berkaitan laman sesawang *Malaysiakini* iaitu berkenaan dengan penulisan surat bertajuk, "*Are Christians a threat or a blessing?*". Kes ini telah dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana kandungannya melibatkan pemahaman dan interpretasi agama Islam. Sekiranya pihak JAKIM mendapati kandungan surat ini bercanggah dengan mana-mana Enakmen Syariah, tindakan lanjut mengikut undang-undang sedia ada akan diambil.

Berkenaan dengan penambahbaikan perkhidmatan komunikasi dan Internet jalur lebar negara. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkhidmatan Internet jalur lebar melalui kerjasama yang seiring dan bersepadu antara kerajaan dan pihak pemberi perkhidmatan, mutu perkhidmatan dan kelajuan Internet sudah dapat ditingkatkan dan diluaskan mengikut peralihan teknologi masa kini.

Namun, percambahan penempatan tahap sara hidup, kepadatan penduduk dan kuasa membeli yang terhad adalah antara faktor yang harus diambil kira pada peringkat ini untuk merealisasikan sasaran penebusan jalur lebar seperti yang telah ditetapkan. Isu harga langganan jalur lebar di Malaysia yang masih tinggi berbanding dengan negara lain adalah disebabkan oleh penentuan ekonomi yang mengambil kira permintaan dan penawaran. Namun begitu pada masa ini, rata-rata pembekal perkhidmatan *internet* telah pun memperkenalkan pelan jalur lebar yang mampu milik untuk pengguna yang tinggal di luar bandar dan kumpulan sasaran yang terpilih pada kadar serendah RM20 sebulan. Di samping itu, melalui pelaksanaan kampung tanpa wayar, masyarakat juga boleh membuat capaian *internet* melalui *WiFi* diberi secara percuma di 4,397 buah kampung di seluruh negara.

Berkenaan dengan kebenaran untuk penggunaan cakera parabola di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun dijawab dalam sesi pertanyaan jawab lisan pada 13 Disember pagi tadi, mengenai penggunaan *parabolic dish antenna* atau cakera parabola untuk orang awam bagi tujuan penerimaan siaran televisyen luar negara masih diharamkan kerana terdapat sumber-sumber kandungan yang boleh memberikan kesan negatif kepada rakyat negara ini dan boleh- dan adalah sukar untuk memastikan kandungan yang disiarkan itu memenuhi Akta Penapisan Filem 2002, kod kandungan serta arahan dan garis panduan berkaitan.

Namun demikian, siapa yang minat hendak menggunakan *parabolic dish* ini boleh menyampaikan permohonan untuk mendapatkan lesen daripada Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan peruntukan kewangan bagi setiap stesen radio di RTM. Tuan Yang di-Pertua, berhubung maklumat terperinci peruntukan kewangan bagi setiap stesen radio di RTM memandangkan maklumat yang dipohon adalah terlalu terperinci, yang mana maklumat dari tahun 2010 hingga tahun 2013, melibatkan 23 buah stesen radio, saya dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua akan menjawab perkara ini secara bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan.

■1740

Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini bahawa jumlah peruntukan sesebuah stesen tidak menggambarkan kepentingan sesebuah stesen tersebut. Ini kerana setiap stesen televisyen mahupun radio kerajaan, tanpa mengira bahasa adalah berperanan untuk menyampaikan dasar kerajaan kepada rakyat.

Penganjuran Program Minggu Malaysia di New York. Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi pertanyaan jawab lisan bertarikh 5 Disember 2012 yang lalu, saya telah memberikan maklum balas berhubung perkara ini.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian ini menghargai cadangan Ahli Yang Berhormat agar penganjuran program diadakan di New York. Kementerian akan mengkaji keperluannya.

Berkenaan dengan penambahbaikan garis panduan Istana Budaya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, garis panduan yang telah ditetapkan bagi persembahan di Istana Budaya adalah persembahan yang berkualiti tinggi, skrip yang baik, tidak melanggar dasar kebudayaan kebangsaan, terdiri daripada tenaga kreatif atau artis profesional, penerbit yang berkemampuan, mempunyai tarikan khalayak serta bersesuaian dengan segala pentas Istana Budaya. Istana Budaya juga menetapkan kadar 70 peratus kepada artis tempatan dan 30 peratus untuk artis antarabangsa dalam pembahagian pemilihan slot persembahan setiap tahun. Kadar sewaan Dewan juga telah diselaraskan dengan baik kepada artis tempatan mahupun antarabangsa dengan nilai RM15,000 bagi setiap persembahan.

Oleh itu, tidak timbul isu berat sebelah dalam pemilihan slot persembahan. Istana Budaya merupakan pihak berkecuali daripada segi isu bayaran artis dan harga tiket yang tinggi. Penetapan kadar bayaran kepada artis, tenaga kreatif dan tenaga produksi yang terlibat merupakan hasil daripada perbincangan terus dengan penerbit. Penetapan harga tiket yang tinggi oleh artis antarabangsa pula adalah berdasarkan kos produksi yang tinggi serta kurang mendapat penajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembangunan tapak warisan di Pulau Labuan. Penyelenggaraan dan penjagaan mana-mana tapak warisan dan bangunan yang telah diwartakan sebagai warisan merupakan tanggungjawab pemilik atau pemunya tapak atau bangunan warisan tersebut. Ini adalah seperti mana peruntukan yang telah ditetapkan dalam seksyen 42, Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Untuk makluman, terowong arang batu di Kampung Tanjung Kubong belum diwartakan sebagai warisan. Ia dalam senarai inventori dan sedang diteliti oleh jabatan ini. Bagi bangkai kapal yang tersadai, penyelenggaraan lebih bersifat kepada pemantauan dan penguatkuasaan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Justeru, jabatan ini telah mewartakan kawasan-kawasan kapal karam yang menjadi tarikan pelancong di Labuan sebagai zon yang dilindungi. Selain itu, pertimbangan untuk penubuhan Jabatan Warisan di Labuan akan dikaji semula keperluannya.

Menyentuh pengurusan dana perfileman di bawah FINAS. Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat tiga dana perfileman di bawah FINAS iaitu Dana Filem Kenegaraan, Dana Filem Animasi dan Dana Filem Khas Komputer atau dengan izin, *Computer Generated Image* (CGI). Dari tahun 2006 hingga 30 November 2012, sejumlah RM20.3 juta telah diluluskan daripada ketiga-tiga dana tersebut. Jawatankuasa penilai bagi ketiga-tiga tersebut adalah terdiri daripada wakil KPKK, FINAS, MDeC, SKMM, Filem Negara, penglibatan industri dan Universiti Multimedia Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bekalan 2013, menyentuh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Boleh mohon penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Mohon penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang panjang lebar. Akan tetapi saya mohon penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan mengenai surat, *“Christian under threat”*, telah diserahkan kepada JAKIM untuk diteliti dan kalau ada kesalahan akan diambil tindakan. Siapakah yang akan mengambil tindakan ini? Adakah JAKIM atau Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan? Kalau JAKIM, ia seolah-olah Kementerian menyerahkan, Komunikasi dan Kebudayaan *is passing the buck*, dengan izin, kepada orang lain untuk mengambil tindakan. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi iaitu agama Islam adalah dalam Enakmen Syariah dan yang menjaga perkara berkenaan dengan agama Islam adalah JAKIM. Sekiranya ada unsur-unsur yang sepatutnya diambil tindakan, maka Mahkamah Syariah akan menentukan dan di situlah keputusannya akan dibuat. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, oleh kerana JAKIM adalah yang berwajib dalam perkara ini dan bukan kementerian kami. Bukan kita menolak bola kepada kaki JAKIM tetapi oleh kerana bola itu memang sudah pun di kaki JAKIM. Terima kasih.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Akan tetapi pada hakikatnya ialah penyalahgunaan kemudahan itu ialah di bawah *purview* Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan iaitu Internet dan *website*.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Memang betul, tetapi sebagaimana yang kita tahu, kemudahan itu adalah di bawah kelolaan kementerian ini. Akan tetapi kesemua penduduk di Malaysia dan tidak kira jabatan mana, kementerian mana pun sama juga terlibat dalam penggunaan kemudahan tersebut. Daripada segi pembahagian tanggungjawab dan tugas, maka ada yang wajib dalam perkara tertentu dan ada pula kalau sekiranya ia berkenaan dengan hanya infrastruktur kemudahan sahaja, kementerian kami akan mengambil tindakan. Akan tetapi daripada segi kandungan yang berunsur keagamaan itu adalah terpulang kepada pihak yang lain. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut peraturan giliran selepas ini ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Di atas sesuatu permohonan dimajukan kepada saya dan saya gunakan budi bicara dalam perkara ini dan saya mohon dan begitu juga setelah itu juga setelah mendapat persetujuan Timbalan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya mengalu-alukan Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Kita pun rindu dia sudah tidak datang ke Dewan ini lama.

Oleh itu, saya rasa di atas kehadiran Yang Berhormat itu kita berilah pendahuluan. Dipersilakan Yang Berhormat. Selepas itu tidak ada perubahan. Seterusnya, kementerian lain akan terus sebagaimana seperti biasa.

■1750

5.50 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: *Assalaamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, memang saya berhutang kerana untuk sesi ini, pertama kali saya datang ke Dewan yang mulia ini. Saya akan bayar hutang itu kepada Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah bayar Yang Berhormat. Tepuk sahaja cukup. Sila bagi tepukan Yang Berhormat... [*Tepuk*] Cukup. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya ingin menyatakan penghargaan kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Perbahasaan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 yang menyentuh perkara-perkara yang dibahukan ke atas Kementerian Pertahanan. Isu pertama yang ingin saya sentuh adalah berkaitan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah yang saya difahamkan beliau pun telah tamat. Akan tetapi atas pertanggungjawaban, saya menghormati Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, betul Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Berkenaan isu *take home pay* yang rendah khabarnya dalam kalangan sesetengah anggota ATM akibat daripada masalah hutang dengan pihak bank, Kementerian Pertahanan sememangnya sedar akan terdapatnya segelintir anggota tentera yang berhutang di luar kemampuan mereka. Ini menyebabkan sesetengahnya menerima pendapatan bersih yang rendah.

Bagi membendung masalah ini, pihak kementerian melalui Perintah Am Angkatan Tentera Keluaran No.2, Tahun 2012, berkaitan perintah larangan meminjam wang dan berada dalam keadaan keberhutangan kewangan yang serius telah meletakkan anggota tentera adalah dilarang mempunyai pendapatan bersih kurang daripada 40peratus daripada emolumen bulanan mereka.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, golongan ini juga tidak dibenarkan membuat pinjaman daripada pihak bank melalui potongan gaji Biro Angkasa. Tindakan ini diambil bagi mengelakkan anggota tentera berkenaan daripada berhutang dengan pihak bank.

Di samping itu, melalui saluran pemerintahan tertentu dalam Angkatan Tentera Malaysia, semua anggota ATM telah diberikan penerangan berkaitan pengurusan kewangan yang berhemah dan berbelanja mengikut kadar kemampuan masing-masing. Adalah diharapkan usaha-usaha yang dilaksanakan ini akan dapat membendung masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya lontarkan adalah berkaitan dengan cadangan supaya dipanjangkan bantuan *one-off* sebanyak RM1,000 kepada tentera yang berpencen yang telah berkhidmat sama ada semasa zaman darurat, konfrontasi, zaman komunis sehingga zaman penentangan Parti Komunis Indonesia (PKI) dan RASCOM di Sarawak sebagai mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman Bakar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak pernah lupa akan jasa setiap perwira negara. Baik yang berkhidmat dari zaman darurat sebelum merdeka hingga kepada mereka yang berkhidmat pada hari ini. Sesungguhnya hasil daripada perjuangan mereka inilah yang membolehkan kita berada dalam keadaan aman dan damai pada masa ini. Sebagaimana yang diketahui, bantuan RM1,000 secara *one-off* yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan adalah dikhususkan kepada semua anggota tentera yang berhenti secara terhormat dan tidak berpencen. Justeru, perwira-perwira negara yang pernah berkhidmat semenjak zaman darurat hingga ke hari ini dan berstatus seperti ini adalah layak menerima bantuan tersebut.

Bagi bekas anggota tentera atau veteran ATM yang berpencen pula, sama ada mereka yang telah berkhidmat semasa zaman darurat hingga waktu ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah pun memberikan imbuhan dalam bentuk bonus iaitu bantuan khas pesara melalui peruntukan khas yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2013. Pembayaran pertama sebanyak RM500 telah dibuat pada bulan September lalu, manakala bayaran berikutnya sebanyak RM500 lagi akan dibayar pada bulan Disember ini bersekali dengan pembayaran pencen bagi bulan Disember.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya dan terakhir yang ingin saya lontarkan di sini ialah berkaitan pengambilan anggota tentera dalam kalangan orang muda Orang Asli dan kaum India Muslim seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohamad Olian Abdullah dan Yang Berhormat Dato' Senator Syed Ibrahim bin Kader. Sebagai maklumat kedua-dua Yang Berhormat, Angkatan Tentera Malaysia adalah sebuah organisasi khusus yang dibentuk untuk melindungi dan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara daripada segala bentuk ancaman.

Justeru, ATM sebagai sebuah organisasi profesional dan *credible* adalah terbuka kepada semua kaum tidak mengira agama, bangsa dan keturunan. Walau bagaimanapun, bagi menentukan ATM memiliki modal insan yang berkualiti bagi memacu perkhidmatan ATM yang cemerlang, pengambilan anggota baru ATM adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang termaktub selain memiliki semangat juang yang tinggi, berdedikasi serta berjiwa patriotik. Oleh itu, setiap rakyat yang berminat menceburkan diri dalam perkhidmatan ATM adalah perlu memenuhi syarat-syarat ini.

Sebagai maklumat Dewan yang mulia ini, setakat ini, bilangan Orang Asli yang berkhidmat dalam ATM adalah seramai 124 orang, manakala bagi kaum India Muslim adalah seramai 67 orang. Berdasarkan statistik ini, Kementerian Pertahanan amat mengalu-alukan penglibatan lebih ramai Orang Asli dan rakan-rakan India Muslim supaya Angkatan Tentera Malaysia lebih pelbagai warna bentuknya.

Bagi pihak Kementerian Pertahanan juga, promosi kerjaya ATM akan diteruskan secara meluas dan peranan pihak Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini daripada pelbagai keturunan boleh membantu penyebaran maklumat ini kepada kumpulan sasaran yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan yang dapat diberikan oleh Kementerian Pertahanan berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekiranya terdapat cadangan-cadangan atau kenyataan-kenyataan yang tidak dijawab dalam penggulangan ini, Kementerian Pertahanan akan mengambil maklum dan mengambil tindakan selanjutnya dan saya ingin mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang telah mengizinkan...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Saya mohon...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada orang hendak bertanya itu Yang Berhormat. Sekejap.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Oleh kerana beliau adalah sahabat lama saya, tidak patut kalau saya tidak jawab soalnya.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, terima kasih. Di antara persoalan yang dibuat oleh orang ramai ialah bilangan selain daripada bumiputera dan orang Melayu, bilangan orang-orang bangsa lain tidak begitu banyak di dalam ATM. Saya pun terkejutlah tadi, bilangan Orang Siam pun. Orang Asli misalnya hanya 100 lebih sahaja dan orang India Muslim hanya 67 orang. Bolehkah Yang Berhormat beri sedikit penerangan yang sebenarnya mengapakah bangsa-bangsa lain ini tidak begitu minat untuk masuk ATM ini. Adakah ini soal gajikah ataupun soal-soal lain? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjalankan beberapa kaji selidik yang dibuat secara empirikal dan secara berstruktur tanpa mengikut kaedah rambang atau rawak. Perkara ini juga saya pernah jawab di Dewan Rakyat. Saya dapati selain daripada bangsa Melayu, kaum-kaum keturunan lain rakyat Malaysia merasakan bahawa mereka tidak begitu berdaya tahan dan berdaya saing untuk menjadi anggota dan pegawai angkatan tentera kerana mereka tidak tahan dengan disiplin yang ketat. Itu faktor pertama. Faktor kedua adalah kerana peluang kenaikan pangkat. Mereka menyebut bahawa peluang kenaikan pangkat ini kononnya hanya berdasarkan kepada beberapa kriteria yang tertentu. Ketiga, kerana kononnya gaji yang ditawarkan oleh angkatan tentera tidak begitu menarik berbanding dengan sektor-sektor lain di bidang swasta.

Ketiga-tiga faktor ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hanya persepsi. Pada hakikatnya soal disiplin, bukan hanya tertakluk kepada menjadi anggota atau pegawai angkatan tentera. Di mana-mana organisasi pun soal disiplin diberikan keutamaan. Cumanya disiplin yang ada dalam angkatan tentera agak *regimented*. Begitu juga kalau menganggotai dalam pasukan PDRM atau badan-badan uniform yang lain. Ini sebenarnya pengurusan persepsi.

Oleh yang demikian, promosi-promosi telah dilakukan di semua tempat. Kami tidak boleh memaksa untuk mereka masuk tetapi saya ingin beri jaminan bahawa peluang kenaikan pangkat selain daripada gaji, terbuka berdasarkan prestasi seseorang pegawai atau anggota yang menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Saya ingin menyatakan bahawa terdapat seorang yang berketurunan Punjabi yang telah diberikan pangkat jeneral satu bintang dan Punjabi itu datang dari Papar, Sabah.

■1800

Ertinya walaupun nun jauh di Papar tetapi oleh kerana prestasinya baik, kita berikan peluang dan kalau Punjabi itu kebetulan ada di Kuala Pilah atau di Pasir Mas pun, kita akan berikan peluang untuk kenaikan pangkat kerana berdasarkan prestasi bukan berdasarkan kepada keturunan. Begitu juga jika seseorang itu berketurunan Orang Asli. Kita merasakan bahawa Orang Asli juga harus digamit untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia kerana peluang terbuka terlalu luas.

Saya ingin memberitahu di Dewan yang mulia ini bahawa oleh kerana kemasukan sebagai anggota angkatan tentera ini tidak lagi berdasarkan kelulusan darjah enam tetapi berdasarkan kepada kelulusan SPM. Maka gaji yang ditawarkan adalah berdasarkan kepada kelulusan SPM.

Dulu untuk masuk pegawai berdasarkan kelulusan SPM dijadikan sebagai kadet dan dimasukkan ke kolej untuk mendapatkan ijazah. Kali ini untuk mendapat leftenan muda, mesti mempunyai ijazah dan gaji yang diberikan adalah gaji berdasarkan kepada skim ijazah.

Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini, melalui kaedah perkhidmatan jangka panjang, saya telah menggunakan Majlis Angkatan Tentera untuk menentukan bahawa setiap yang berpangkat kolonel ke atas wajib ada ijazah sarjana, bukan sarjana muda, ertinya ada sarjana, *master* kerana saya mahu melepaskan persepsi masyarakat mengatakan bahawa tentera ini tidak ada kelulusan akademik. Jadi oleh sebab itu di dalam perkhidmatan, saya dengan tenaga kerja daripada Kementerian Pertahanan menghantar mereka untuk membuat pengajian lanjutan di dalam bidang yang pelbagai untuk ijazah pertama dan sarjana.

Untuk makluman Dewan yang mulia sekarang ini, dalam Angkatan Tentera Malaysia, terdapat 38 pegawai yang mempunyai ijazah doktor falsafah, PhD. Ini adalah sesuatu yang agak berbeza kerana situasi sekarang ini memerlukan mereka yang berkelulusan tinggi dan angkatan tentera telah membuktikan bahawa selain daripada kemampuan profesional mereka, mereka juga mempunyai kelulusan akademik yang tinggi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada...

Dato' Boon Som a/l Inong: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat sudah bangun itu agaknya Menteri pun sudah minat. Okey, saya benarkan, *last one*.

Dato' Boon Som a/l Inong: Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa kenaikan pangkat dan semuanya adalah di atas kelayakan. Sepanjang yang saya tahu, masyarakat Siam mempunyai seramai 318 pegawai berijazah tetapi setakat ini pangkatnya hanyalah sampai ke tahap kolonel sahaja. Jadi saya mohonlah supaya Yang Berhormat Menteri tengok-tengoklah masyarakat ini yang menyokong kuat Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bergegas ke Dewan yang mulia ini, saya baru menghabiskan mesyuarat dengan Menteri Pertahanan Thailand dalam mesyuarat *General Border Committee*. Saya akan sampaikan salam Yang Berhormat kepada beliau walaupun Yang Berhormat tidak beritahu saya. Mengikut perangkaan saya tadi, perangkaan di dalam ucapan mesyuarat GBC, terdapat 38,853 warganegara Malaysia yang berketurunan Siam setakat tadi.

Kalau ada seratus lebih rakyat Malaysia keturunan Siam yang masuk dalam Angkatan Tentera Malaysia dan mereka ini berijazah, Yang Berhormat beri keyakinan pada saya. Kalau mereka tidak ada rekod yang buruk, prestasi mereka baik, saya akan pastikan bahawa sekurang-kurangnya ada seorang jeneral satu bintang daripada keturunan Siam di dalam Angkatan Tentera Malaysia dalam waktu yang terdekat, *insya-Allah*. Sokong sahaja Barisan Nasional, *insya-Allah* saya akan lakukan sesuatu yang baik. Bukan soal parti, dalam angkatan tentera tidak soal parti tetapi kerana kesetiaan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan tidak ramai Menteri yang datang dalam penggulungan ini. Ini salah seorang daripadanya... [*Tepuk*] Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dipersilakan Yang Berhormat.

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan 2013 yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sebelum saya meneruskan jawapan kepada pandangan dan soalan Ahli-ahli Senator, saya hendak beri latar belakang sedikit tentang apa yang saya hendak minta nanti.

Di Dewan Rakyat, untuk menjimatkan masa terutama sekali sebelah petang dan sebelah malam macam ini, kalau orang yang mengemukakan soalan itu tidak hadir, kita *skip* dulu dan beri jawapan bertulis. Sekarang sudah jam 6 lebih, kalau dipersetujui oleh Tuan Yang di-Pertua, saya akan panggil sebelum saya menjawab apa yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, panggil dulu nama Senator itu, kalau tidak ada dalam Dewan ini, kalau yang di luar sila masuk. Kalau tidak ada jawapan, saya minta persetujuan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju Yang Berhormat. Saya pun sudah pesan awal-awal kepada semua Ahli Yang Berhormat di sini, hendaklah duduk di sini apabila Kementerian menjawab. Andainya kementerian menjawab, ada yang tidak kena, bangun. Andainya mereka tidak ada di sini, saya bersetujulah pandangan Yang Berhormat tadi, mana yang ada itu jawab, mana yang tidak ada itu, Yang Berhormat jawab secara bertulis.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung.

Tuan Yang di-Pertua: Dia dah balik.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Dah balik, *skip*. Jawapan saya ini panjang, itu saya hendak pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kena jawab pada dia ya, tulis pada dia ya?

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Ya, saya akan buat. Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok, ada. Yang Berhormat Senator membangkitkan isu penyelenggaraan jalan-jalan balak yang rosak dan mencadangkan diwujudkan satu skuad jentera berat yang dibekalkan dengan jentera-jentera berat seperti lori pengangkut dan jengkaut.

Kementerian Kewangan telah meluluskan pelaksanaan projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak negeri Sarawak fasa 1 tahun 2012 berjumlah RM64 juta yang melibatkan kerja naik taraf dan melebarkan 14 jalan balak sedia ada sepanjang 142km dan pembinaan dua buah jambatan. Status terkini, sepanjang 78.1km telah siap dilaksanakan dan ia dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada 31 Disember tahun ini. Projek ini akan memberi manfaat kepada 5,609 orang penduduk di kawasan sekitar Hulu Baram.

Selain itu, kementerian juga turut memperuntukkan sejumlah RM70 juta bagi projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak negeri Sarawak sepanjang 175km bagi pelaksanaan tahun 2013 dan dijangka akan memberi manfaat kepada 8,169 orang penduduk.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, ada? Terima kasih. Yang Berhormat Senator mencadangkan perwujudan sekretariat untuk memantau pelaksanaan Program Transformasi Luar Bandar (RTP) supaya kaum bumiputera tidak diabaikan dalam program ini. Program Transformasi Luar Bandar merupakan satu daripada lima fokus utama Bajet 2012 seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terdapat lima komponen penting di bawah program RTP ini:

- (i) pembangunan luar bandar yang menyeluruh menerusi program-program seperti Pusat Transformasi Luar Bandar dan Perkhidmatan Profesional dan projek Lonjakan Mega Luar Bandar;
- (ii) infrastruktur asas luar bandar;
- (iii) perkhidmatan perbankan luar bandar;
- (iv) perkhidmatan bas luar bandar; dan
- (v) pembangunan dan kebajikan Orang Asli.

Daripada lima komponen tersebut, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah secara langsung diberi tanggungjawab untuk melaksana dan memantau program RTC, Program Lonjakan Mega Luar Bandar, Program NKRA RBI dan program Pembangunan dan Kebajikan Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, unit NKRA telah ditubuhkan untuk memantau projek-projek NKRA RBI iaitu projek infrastruktur di bawah Program NKRA dan Program RTC.

■1810

Unit ini bertindak melaporkan perkembangan pelaksanaan Projek NKRA RBI dalam mesyuarat *Delivery Task Force* (DTF) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Manakala, pelaksanaan Program RTC dipantau dan dilaporkan dalam mesyuarat *Pre NBOS* iaitu *National Blue Ocean Strategy* yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada setiap bulan.

Akhirnya, hasil daripada laporan pemantauan ini akan dibawa kepada mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada setiap enam bulan sekali. Di samping itu, bagi tujuan penyelarasan Program RTC dengan Program NBOS yang lain, satu unit khas di peringkat persekutuan iaitu *National Strategy Coordination Unit* (NSCU) yang diketuai oleh Kementerian Kewangan telah diwujudkan di bawah pelaksanaan Strategi Lautan Biru ataupun NBOS.

Unit khas ini diberi tanggungjawab bukan sahaja untuk menyalurkan peruntukan tetapi ia juga bertindak menyelaraskan dan memantau strategi serta perancangan hubungan antara *urban transformation center* dan *rural transformation center* supaya kedua-dua program ini berjalan seperti mana yang dirancang. Melalui mekanisme pelaksanaan dan pemantau di peringkat kementerian ini dan di peringkat persekutuan, saya yakin bahawa semua kaum termasuk kaum bumiputera akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan RTP.

Saya juga percaya bahawa kementerian dan agensi-agensi kerajaan lain yang turut sama menjayakan RTP turut tidak mengabaikan penglibatan kaum bumiputera dalam setiap program ataupun projek yang dilaksanakan. Dengan demikian, usaha-usaha pembangunan yang dilaksanakan kerajaan dapat dinikmati oleh semua lapisan kaum secara saksama.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun. Ada?... Terima kasih. Yang Berhormat Senator Roslin?...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Roslin ada.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Ada?... Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin? Okey, tahniah. Ketiga-tiga Yang Berhormat Senator ini menyentuh isu Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan sedang memperluaskan pelaksanaan RTC ke beberapa buah negeri yang lain. Ini dibuktikan dengan komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2013 yang mana RTC akan diperluas ke negeri Melaka, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak. Akan tetapi ini bukan *end of the story*. Kita akan perluas ke tempat yang lain juga. Justeru itu, pelaksanaan RTC yang mengguna pakai Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *Blue Ocean Strategy* dibina berdasarkan kepada beberapa ciri utama iaitu:

- (i) lokasi yang strategik;
- (ii) mengguna pakai bangunan milik kerajaan yang tidak digunakan; dan
- (iii) memberi manfaat kepada penduduk yang ramai di dalam lingkungan 100 kilometer radius.

Bagi negeri Terengganu, kerajaan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu telah pun mengenal pasti lokasi RTC Terengganu iaitu di bangunan Majlis Daerah Marang. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta beberapa kementerian peneraju RTC yang lain sedang mengenal pasti keperluan ruang serta perancangan aktiviti dan inisiatif RTC untuk dilaksanakan di RTC ini. RTC Terengganu dijangka akan dibuka dan beroperasi pada pertengahan tahun 2013.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah. Ada? Terima kasih. Yang Berhormat Senator membangkitkan isu kemiskinan di negeri Sabah dan memohon supaya kerajaan membantu negeri Sabah menangani masalah kemiskinan ini. Kerajaan sememangnya amat komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan negara dan telah meletakkan sasaran untuk mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8 peratus pada tahun 2009 kepada 2 peratus pada tahun 2015.

Dalam tempoh sepuluh tahun iaitu dalam Rancangan Malaysia Kelapan hingga Rancangan Malaysia Kesepuluh, pelbagai program, projek, usaha dan strategi pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memangkinkan transformasi ekonomi rakyat luar bandar di negeri Sabah agar dapat memberi manfaat kepada rakyat supaya tiada lagi rakyat Sabah hidup di bawah paras kemiskinan nasional.

Sejajar dengan pendekatan pembangunan sosioekonomi yang *inclusive*, tumpuan akan diberikan kepada penyediaan bantuan bagi isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah termasuk bumiputera Sabah melalui program sokongan bagi membina keupayaan dan meningkatkan potensi menjana pendapatan seterusnya mengeluarkan kumpulan sasar daripada kelompok-kelompok kemiskinan.

Program-program lain yang diberi perhatian oleh kerajaan adalah pendidikan, latihan serta program-program keusahawanan, penyediaan latihan kemahiran kepada golongan belia dan Program Kredit Mikro untuk membolehkan golongan miskin memulakan perniagaan yang bersesuaian. Selain daripada itu, kerajaan turut membantu menangani keperluan taraf hidup semasa golongan ini dengan meningkatkan akses kepada kemudahan asas seperti perumahan, jalan luar bandar, bekalan elektrik dan air serta *amenity social*. Di samping itu, pelbagai bantuan dalam bentuk kebajikan juga disalurkan menerusi jaringan keselamatan sosial kepada golongan yang memerlukan.

Program-program ini telah memberikan impak positif dalam pengurangan kadar kemiskinan tegar di negeri Sabah. Ini dibuktikan berdasarkan kadar kemiskinan di negeri Sabah telah berkurangan daripada 24.3 peratus pada tahun 1999 kepada 19.7 peratus pada tahun 2009. Manakala, kadar kemiskinan tegar pula telah menurun daripada 7.3 peratus pada tahun 1999 kepada sekitar 40.8 peratus pada tahun 2009.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah?...

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat bertanyakan, apakah kerajaan akan memberikan insentif *one-off* kepada pekebun kecil getah sama seperti yang diterima oleh peneroka FELDA. Dalam konteks pemberian insentif kepada pekebun kecil, RISDA telah memberikan insentif berbentuk input pertanian seperti baja, alat perangsangan getah dan alat menoreh di bawah Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG) dan Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG) kepada pekebun kecil yang layak.

Pada masa ini, kementerian melalui RISDA masih belum mempunyai apa-apa cadangan untuk memberi insentif kewangan secara *one-off* kepada pekebun kecil getah seperti yang dinikmati oleh peneroka FELDA.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Najeeb ada.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Ada?... Terima kasih. Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu pembangunan wilayah iaitu berapakah yang masih wujud peruntukan yang diagihkan serta strategi jangka panjang terhadap kawasan-kawasan pembangunan wilayah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah merupakan peneraju pembangunan kawasan secara bersepadu melalui empat agensi pembangunan wilayah iaitu Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) yang ditubuhkan mengikut peruntukan akta masing-masing.

Daripada RM4.5 bilion yang diluluskan bagi Bajet 2013, sebanyak RM89.219 juta daripadanya merupakan peruntukan yang disalurkan bagi agenda pembangunan keempat-empat wilayah ini. Pecahan Bajet 2013 bagi pembangunan wilayah di bawah Kementerian ini adalah KEJORA RM31.804 juta, KETENGAH RM 23.771 juta, KESEDAR RM16.394 juta dan KEDA RM17.25 juta. Agensi LKW sentiasa berusaha mewujudkan pembangunan seimbang di samping program-program kolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun serta *mega player* seperti ECER, NCER, Khazanah Nasional dan sebagainya untuk menjadikan kawasan di wilayahnya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam dan infrastruktur.

■1820

Program-program agensi LKW yang dilaksanakan didapati telah mencapai matlamat pembangunan luar bandar khususnya kepada kumpulan sasaran dan miskin tegar melalui aktiviti peningkatan penempatan dan kualiti hidup, modal insan, ekonomi dan pelaburan, pembangunan usahawan, pelancongan desa, penyediaan prasarana dan infrastruktur, pembangunan kampung tradisional, pembukaan bandar-bandar baharu serta pusat pertumbuhan desa.

Dalam konteks pembangunan bandar, agensi LKW telah pun mewujudkan bandar-bandar baru yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan awam dan sosial. Antaranya Bandar Penawar di Wilayah KEJORA, Bandar Ketengah Jaya di Wilayah KETENGAH, bandar Gua Musang di Wilayah KESEDAR, dan Pusat Pertumbuhan Baru di Wilayah KEDA yang dijadikan sebagai bandar perkhidmatan utama dalam memenuhi keperluan masyarakat luar bandar.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat bin Yusof membangkitkan isu peruntukan tanam semula RISDA yang tidak mencukupi pada tahun lepas dan berharap agar peruntukan baru ini akan dapat menyelesaikan sebilangan besar pekebun-pekebun kecil yang memohon program tanam semula. Pada tahun 2011, RISDA telah diamanahkan untuk melaksanakan Program Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG) seluas 14,274 hektar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM67.4 juta dan Tanam Semula Sawit ke Sawit seluas 1,085 hektar dengan peruntukan sebanyak RM5.75 juta di seluruh negara. Pada tahun 2011 juga, matlamat TSGG (getah ke getah) Negeri Johor ialah seluas 720 hektar melibatkan peruntukan sebanyak RM2.9 juta dan telah dibayar sepenuhnya pada tahun tersebut. Manakala bagi sawit ke sawit pula, peruntukan sebanyak RM657,000 dengan matlamat keluasan 300 hektar.

Namun begitu, hanya seluas 28.91 hektar permohonan sawit ke sawit tadi pada tahun 2011 dapat dibayar kerana permohonan daripada pekebun kecil dilakukan pada akhir Disember tahun lepas dan ini mengakibatkan pelaksanaan pembangunan kebun tanam semula hanya dapat dilaksanakan pada tahun ini. Oleh yang demikian, permohonan ini telah dibawa ke tahun ini dan diluluskan semula untuk pelaksanaan seterusnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, setakat November 2012, RISDA Johor telah membayar sebanyak RM2.79 juta untuk Program Tanam Semula Getah ke Getah seluas 693.54 hektar, manakala bagi sawit ke sawit pula, pembayaran yang telah dibayar pula adalah sebanyak RM15.2 juta untuk kawasan seluas 2,876.88 hektar. Selain daripada itu, RISDA Johor juga telah melaksanakan program baru pada tahun 2012 iaitu Tanam Baru Komoditi Getah yang mana seluas 209.43 hektar telah dibayar melibatkan peruntukan sebanyak RM84,002.91.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong membangkitkan isu permohonan pinjaman dan pelajaran MARA yang dipohon masyarakat Siam ditolak oleh MARA. Kementerian amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang begitu prihatin terhadap kebajikan masyarakat Siam di Malaysia. Sukacita kiranya Yang Berhormat Senator dapat memanjangkan maklumat lanjut mengenai masyarakat Siam yang memohon pinjaman perniagaan dan pelajaran MARA kepada Kementerian untuk tindakan selanjutnya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, setiap kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan peruntukan yang ada.

Yang Berhormat Senator Hajah Rohani binti Abdullah mencadangkan kakitangan kontrak KEMAS diserap sebagai kakitangan tetap. Ini isu yang popular hampir setiap persidangan dan kita telah banyak membuat keterangan mengenai ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam Bil.2, Tahun 2011 telah memutuskan supaya guru TASKA ataupun Tabika KEMAS dibuat sebagai lantikan kontrak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kakitangan kontrak juga mendapat faedah dan kemudahan-kemudahan seperti kakitangan tetap meliputi Imbuan Tetap Khidmat Awam, Imbuan Tetap Perumahan, Bantuan Sara Hidup ataupun KOLA dan kemudahan rawatan percuma yang tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.2, Tahun 2008. Hampir tidak ada perbezaan. Sebenarnya ada orang berpendapat, selain daripada *uncertainty* yang timbul kerana kontrak ini perlu diperbaharui setiap dua ataupun tiga tahun, selain daripada itu, lebih untung bekerja sebagai kontrak. Kalau hendak tahu, saya boleh *explain* kemudian.

Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok mencadangkan agar Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS memberikan pendidikan awal kepada kanak-kanak di rumah panjang di bawah konsep guru bergerak dari satu rumah panjang ke satu rumah panjang. Sehingga tahun 2012, KEMAS telah membuka sebanyak 10,966 buah kelas tabika yang mana sebanyak 5,855 buah adalah di kawasan luar bandar dan sebanyak 822 buah di kawasan pedalaman. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 223 buah kelas Tabika KEMAS berada di kawasan rumah panjang.

Dalam masa yang terdekat ini, KEMAS tidak dapat melaksanakan konsep guru bergerak disebabkan oleh masa pembelajaran di kelas tabika yang telah ditetapkan di dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) adalah selama empat jam sehari serta lokasi di antara rumah panjang yang jauh. Ini bermakna guru bergerak ini kalau dia hendak pindah dari satu tempat ke satu tempat, kemungkinan sebelum dia sampai ke rumah panjang yang seterusnya, hari sudah malam, jadi tidak dapat mengajar lagilah.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, tidak ada? Okey. Sebenarnya soalan dia ini cantik. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya bertanya sedikit?

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cuma saya hendak tahulah. Saya fahamlah kenapa soalan-soalan daripada Senator-senator yang tidak hadir itu tidak dijawab. Akan tetapi untuk keperluan rekod, adakah jawapan akan diberikan kepada Senator itu nanti? Setidak-tidaknya dimasukkan ke dalam *Hansard* atau dihantar kepada ahli-ahli yang lain, untuk rekod.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya kita sudah membuat keputusan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri akan hantar kepada Yang Berhormat yang berkenaan dan juga saya harap dalam *Hansard* saya harap masukkan, kerana dapat sebagai rujukan. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak apa, terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya sudah sampai ke penghujung penggulangan saya ini. Dengan itu, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan, cadangan dan buah fikiran Yang Berhormat Senator-senator di atas isu-isu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam perbahasan Perbekalan 2013. Saya percaya pandangan dan saranan Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator akan memberi perangsang kepada kementerian dalam membela nasib masyarakat luar bandar. Sekian, terima kasih.

■1830

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Sebelum habis, boleh mencelah sedikit Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Kalau Tuan Yang di-Pertua setuju.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan saya, saya telah membangkitkan masalah rumah-rumah di luar bandar yang boleh dikatakan tidak masuk dalam senarai rumah selesa, rumah yang tidak ada tandas dan sebagainya itu telah saya bangkitkan. Sama ada peruntukan khusus boleh dibuat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya rumah-rumah ini dapat diperbaiki ataupun supaya bilangan rumah-rumah yang sangat daif ini dapat diperbaiki dalam bilangan yang lebih besar daripada sekarang. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, eh! Orang baru nampaknya.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Senyap-senyap sampai. Tuan Yang di-Pertua, ciri utama untuk mendapat bantuan sama ada bina baru ataupun baik pulih rumah-rumah ini ialah ia mestilah kepunyaan orang yang miskin tegar. Selepas itu akan kita pertimbangkan tidak kira sama ada bumbungnya reput ataupun tandasnya tidak selesa dan sebagainya. Ini kerana kita akan menyalurkan bantuan mengikut *estimate* yang dibuat oleh pegawai *technician* kita. Maknanya kalau betul-betul ada orang yang daif macam itu, rumahnya daif dan sebagainya, sila majukan kepada kita. Ada *focus group*, ada juga jawatankuasa yang di bawah pegawai daerah yang boleh menerima laporan ini tetapi boleh juga dimajukan terus kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, mencelah untuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Saya tidak ada soalan untuk kementerian ini tetapi saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah. Di mana dia mencadangkan supaya pekebun kecil juga diberi perhatian seperti kerajaan memberi perhatian kepada peneroka FELDA. Saya hendak bertanya sama ada apakah ataupun adakah rancangan untuk membuat perkara yang sama kepada *small holding* pekebun kecil di bawah RISDA? Saya ingin mencadangkan supaya perkara ini diberi perhatian yang lebih serius kerana kita tidak hendak mereka rasa terpinggir. Apa bezanya peneroka FELDA dengan *small holding* RISDA? Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bantuan yang kita beri kepada penduduk-penduduk luar bandar, kita tidak melihat sama dia daripada RISDA ataupun tidak. Apa yang kita ambil kira sebenarnya ialah keperluan. Di dalam kementerian kita begitu banyak jenis bantuan untuk orang yang miskin, untuk orang yang miskin tegar, untuk orang yang hendak berusaha. Dana SPED misalnya, setakat ini kalau ada orang yang hendak mula berdagang dan sebagainya, masih ada. Silakanlah buat *paperwork* dan sebagainya tetapi untuk memohon bantuan yang diberi kepada RISDA ataupun orang lain mesti di samakan dengan FELDA. Tidak mungkin kita buat setakat ini tetapi jenis bantuan yang lain banyak yang ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang selainnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong buat secara bertulis ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sekarang beralih ke Kementerian Pengajian Tinggi. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan, teguran dan juga persoalan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajian tinggi di negara kita.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin bertanya berkenaan dengan pengkomersialan hasil-hasil R&D di universiti-universiti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga bulan November 2012, jumlah kumulatif produk penyelidikan yang telah dihasilkan oleh IPTA ialah sebanyak 3,819 produk. Jumlah kumulatif pengkomersialan produk pula adalah sebanyak 248.

Pada masa ini, geran penyelidikan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi iaitu Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) disalurkan kepada IPT untuk melaksanakan penyelidikan asas bagi menggalakkan penjana teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru dan penciptaan yang inovatif, yang boleh mengembangkan sempadan ilmu. Memandangkan fokus FRGS adalah di peringkat fundamental maka pengkomersialan produk penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) ini juga memang lazimnya agak rendah berbanding dengan kalau *research* itu pada peringkat *application*. Namun demikian, IPT tetap digalakkan untuk meningkatkan pengkomersialan hasil penyelidikan melalui peruntukan penyelidikan daripada dana-dana penyelidikan yang lain.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin tentang kajian semula program pengajian IPT. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memastikan bahawa program-program akademik yang ditawarkan oleh IPTA sentiasa relevan ataupun *up-to-date* terutamanya dengan keperluan semasa khususnya daripada segi pekerjaan. Untuk pemantapan kurikulum yang berterusan yang dilakukan ini, ia dilakukan secara pemantauan berkala dan ada lapan elemen hasil pembelajaran yang sentiasa dipantau iaitu:

- (i) daripada segi pengetahuan;
- (ii) kemahiran praktikal, teknikal dan psikomotor;
- (iii) kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- (iv) nilai, sikap dan profesionalisme;
- (v) kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan;
- (vi) kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik;
- (vii) kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan
- (viii) kemahiran pengurusan dan keusahawanan.

Selain daripada itu, Kementerian Pengajian Tinggi menjalankan kajian yang kita panggil permintaan dan penawaran program institut pengajian tinggi awam. Kajian ini akan melihat kerelevanan program-program yang ditawarkan oleh IPTA dengan permintaan pasaran kerja semasa. Melalui kajian ini, program-program yang kurang mendapat pasaran kerja ataupun istilah mudahnya tidak laku akan dikenal pasti. Hasil kajian ini akan membantu merangka program yang selari dan memenuhi keperluan pasaran. Ia juga secara langsung akan dapat membantu mengurangkan lambakan siswazah terutamanya daripada bidang-bidang yang mempunyai potensi kebolehpasaran yang rendah.

Berkenaan dengan kadar pengangguran dan isu kebolehpasaran graduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sendiri telah menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah dengan panjang lebar berkaitan dengan perkara ini. Secara ringkasnya, inisiatif terakhir yang dilakukan setakat ini ialah apabila pada 4 Disember baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah melancarkan *Graduate Employability Blueprint 2012-2017* bagi menangani isu tenaga kerja mahir dan profesional negara. Pelan ini menggariskan intipati membabitkan sistem pengajian yang berupaya melahirkan modal insan berkualiti, berdaya saing secara global dan memenuhi keperluan negara serta mampu menyediakan peluang kerjaya impian kepada siswazah.

Di samping itu, sebagaimana yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet 2013 telah mengumumkan dan ini telah pun ditubuhkan yakni *graduate employability task force*, dengan bajet yang tertentu yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi yakni EPU.

■1840

Tugasnya antara lain ialah merancang program-program kebolehdapatan kerja graduan yang bersesuaian untuk memastikan guna tenaga yang dikeluarkan dapat memenuhi keperluan industri. Kedua, menyelaraskan program-program *graduate employability* supaya tiada pertindihan dan memaksimumkan penggunaan sumber dan ketiganya, memantau pencapaian pelaksanaan program tersebut daripada segi penghasilannya.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga tentang sejauh mana latihan industri diwajibkan. Sememangnya latihan industri ini diwajibkan terutamanya bagi kursus-kursus profesional. Bagi kursus-kursus yang bukan profesional, maksudnya yang tidak ada badan-badan profesional yang memantau dan memberi akreditasinya, pelajar-pelajar juga digalakkan melakukan latihan-latihan industri ataupun kalau bukan latihan industri untuk mereka melakukan *internship* dengan badan-badan dan organisasi-organisasi yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk memberikan mereka pendedahan kepada kerja yang sebenar di pasaran yang sebenar, untuk memperkayakan apa-apa yang mereka pelajari di universiti, di perpustakaan dan sebagainya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman agar KPT mengawal selia pendaftaran kursus kejururawatan supaya tidak berlaku lebih jururawat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita menyedari tentang isu pengangguran graduan kejururawatan. Oleh yang demikian, langkah segera sebenarnya telah diambil oleh kementerian sejak dua tahun yang lepas, dengan mengadakan moratorium penawaran kursus kejururawatan peringkat diploma di IPTS yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2010.

Arahan moratorium ini telah menghentikan kelulusan penubuhan institusi baru dalam bidang kejururawatan dan program baru diploma kejururawatan di IPTS. Seterusnya kementerian bersama-sama dengan Lembaga Jururawat Malaysia telah menetapkan syarat kelayakan baru untuk memasuki program diploma kejururawatan yakni daripada tiga kredit sahaja kepada lima kredit bagi lulusan SPM dan SPM(V). Langkah meningkatkan kelayakan minimum pelajar ini dilaksanakan bagi memperketat dan untuk menjaga kualiti graduan dan juga program-program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah, agar KPT membuka penawaran program *MyBrain15* kepada kakitangan awam yang berstatus kontrak bagi mengikuti *MyPhD* dan *MyMaster*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program *MyBrain15* khususnya *MyMaster* dan *MyPhD* adalah satu-satunya program pembiayaan pengajian pascaijazah yang terbuka kepada orang awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap, kakitangan swasta dan pensyarah IPTS.

Program ini tidak dibuka kepada penjawat awam dan badan berkanun, kerana mereka mempunyai ruang dan peluang untuk mendapatkan pembiayaan termasuk biasiswa di bawah program penajaan yang lain. Sungguhpun demikian, cadangan Yang Berhormat supaya program ini dibuka kepada kakitangan awam berstatus kontrak akan kita berikan perhatian yang sewajarnya. Ini kerana belum ada dasar untuk perkara itu, tetapi memang ada kewajaran untuk dibincangkan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh tentang kemerosotan kemasukan pelajar-pelajar kaum India di IPTA. Sebenarnya, dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan ke IPTA adalah berasaskan meritokrasi. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pelajar yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira latar belakang kaum, agama...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sikit?

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah?

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukanlah sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri pindah kepada aspek lain dalam jawapannya. Jawapan yang terdahulu daripada sebelum ini iaitu yang menumpu banyak kepada aspek-aspek *human resource* atau pembinaan tenaga kerja manusia yang saya rasa saya alu-alukan. Akan tetapi saya hanya ingin mendapat jaminan daripada kementerian, bahawa keprihatinan kementerian untuk memberikan tumpuan dan keutamaan terhadap pembangunan *human resource* ini, jangan sampai mengabaikan dua matlamat utama yang lain dalam pendidikan iaitu pembinaan watak atau *character building* dan pembinaan negara bangsa atau *nation building*.

Saya timbulkan perkara ini, walaupun dalam beberapa ucapan lalu perkara ini berulang-ulang kali saya timbulkan, tetapi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang dalam bajet kali ini tidak ada, tidak saya timbulkan dalam perbahasan bajet kali ini. Akan tetapi cuma saya hendak minta jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa tumpuan yang diberikan terhadap aspek pembinaan *human resource* ini, jangan sampai mengabaikan tumpuan dan keprihatinan kita terhadap pembinaan *character building* dan *nation building*. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Firdaus. Izinkan saya habiskan satu perenggan untuk Dato' Jaspal Singh dan kemudian saya akan menziarahi soalan...

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Pada tahun 2010, terdapat seramai 3,446 pelajar India yang sedang mengikuti pengajian di IPTA dan pada tahun 2011 pula terdapat seramai 4,422 pelajar. Ini menunjukkan peningkatan enrolmen pelajar India di IPTA sebanyak 28.3 peratus. Bagi kemasukan ke IPTA pada tahun 2011 pula, sebanyak 1,511 pelajar India telah ditawarkan tempat dan seramai 1,388 pelajar ditawarkan pada tahun 2012.

Maksudnya Tuan Yang di-Pertua ialah ada peningkatan yang jelas daripada segi jumlah pelajar India yang ditawarkan ke tempat-tempat di IPTA. Berbalik kepada persoalan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, saya fikir dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara itu, dengan jelas dinyatakan bahawa kita membangunkan pengajian dan pendidikan tinggi di negara kita ini dengan secara bersepadu dan dengan secara yang seimbang.

Memanglah kalau dikira daripada segi kerja rutin para kepimpinan universiti terutamanya di IPTA, seolah-olah seperti tugas mereka yang paling utama ialah untuk mengeluarkan para pekerja. Akan tetapi percayalah bahawa kita sama ada di KPT atau di IPTA, secara sedar, ingat dan walau bagaimanapun, kami berterima kasih atas ingatan itu. Ingat mengingat ini suatu benda yang dituntut dalam Islam. Bahawa kita tidak akan lupa tentang soal-soal fundamental, soal roh universiti, kebebasan dan akademik, soal autonomi universiti dan juga saya tahu ini tidak ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, tetapi saya jawab juga. Ini termasuk mengambil kira tentang *humanities*, *social sciences* dan sebagainya, ia tidak akan dipinggirkan.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih atas jaminan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya. Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong soal pelajar keturunan Siam. Pelajar keturunan Siam juga tertakluk kepada dasar meritokrasi bagi kemasukan ke IPTA. Pada tahun 2011, terdapat seramai 200 orang pelajar berketurunan Siam di IPTA dan boleh dikatakan di semua IPTA, terdapat pelajar-pelajar yang berketurunan Siam ini.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu tentang kemungkinan berlaku penyelewengan dalam kelulusan kontrak penyelenggaraan di Universiti Malaysia Sabah. Untuk makluman Dewan ini, perkara ini sedang dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Jadi biarlah siasatan itu diselesaikan dahulu.

■1850

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop telah bertanya tentang sistem kenaikan pangkat pensyarah. Pada masa ini, kenaikan pangkat staf akademik di IPTA dibuat berdasarkan meritokrasi. Setiap IPTA menetapkan beberapa kriteria dalam proses pertimbangan bagi tujuan kenaikan pangkat.

Di antara kriteria tersebut termasuklah soal-soal pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan dan penerbitan, perundingan dan kepakaran, persidangan dan juga khidmat sanjungan dan kepimpinan akademik di peringkat universiti, masyarakat dan negara.

Selaku Badan Berkanun Persekutuan, IPTA mempunyai kuasa untuk mengurus sumber manusianya sendiri dalam aspek-aspek misalnya melantik pegawai, kakitangan secara tetap, menguruskan kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan, menguruskan tatatertib pegawai dan kakitangan dan menguruskan latihan dan kemajuan kerjaya pegawai dan kakitangan. Dalam konteks semasa, kelima-lima *research university*, dengan izin, telah diberikan lebih banyak autonomi dalam hal ini. Mudah-mudahan ini akan dapat menarik kualiti pensyarah dan pengajar ke *research university* yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Tuan Lihan Jok agar ditambah bilangan kolej komuniti dan agar program pengajiannya selari dengan kehendak industri. Dalam konteks ini, kita sedang melaksanakan apa yang dipanggil transformasi kolej komuniti dan tumpuan diberikan kepada agenda pengukuhan kolej komuniti yakni dengan memperbanyakkan program yang berorientasikan kemahiran bagi memenuhi keperluan industri untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

Di samping kursus-kursus yang berjangka panjang, yang sekarang ini bersifat *modular*, sebenarnya ahli-ahli lembaga penasihat bagi setiap kolej komuniti boleh mencadangkan dua perkara sekurang-kurangnya. Pertama ialah kursus-kursus jangka panjang yang *modular* yang sesuai dengan keperluan tempat itu. Misalnya kolej komuniti yang di kawasan yang baru hendak dibangunkan sebagai kawasan perindustrian, yang dipilih oleh negeri yang berkaitan. Ketika kolej komuniti itu ditubuhkan, kawasan itu bukan kawasan perindustrian. Memanglah di pihak kami, kami memantau perkembangan tersebut tetapi ahli-ahli lembaga penasihat kolej itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, mereka lebih tahu tentang keperluan semasa yang paling terkini di kawasan tersebut dan boleh mencadangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk satu dua kursus yang baru.

Di samping itu, kursus-kursus pendek, kursus-kursus dua hari dan sebagainya, tiga hari dan sebagainya itu boleh dilakukan dari semasa ke semasa dan itu boleh dikatakan sangat bergantung kepada keperluan setempat. Bagi memastikan kolej komuniti dapat melahirkan modal insan berkemahiran yang memenuhi pasaran tempatan, beberapa langkah yang berterusan kita ambil. Misalnya pertama, menyemak semula kurikulum program sijil kolej komuniti, membangunkan kurikulum yang saya katakan tadi memenuhi keperluan industri terutamanya industri setempat, menyediakan kemudahan fizikal dan juga bukan fizikal yang mencukupi, menyediakan kerangka artikulasi program yang ditawarkan dan mengadakan kolaborasi dengan institusi-institusi pengajian tinggi. Sebagai contohnya, kolej komuniti dipilih ditentukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai jambatan untuk membawa ilmu-ilmu baru yang didapati daripada kajian-kajian di universiti-universiti untuk dibudayakan atau dimasyarakatkan di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah saja respons daripada Kementerian Pengajian Tinggi kepada persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang kebetulan tiada di Dewan pada hari ini yang tidak saya jawab, tetapi akan kami hantarkan jawapan secara bertulis dengan harapan Malaysia akan menang pada malam ini. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Timbalan Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillaahi Rahmaani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013. Antara isu yang telah dibangkitkan adalah berkaitan pelaburan, perusahaan kecil dan sederhana dan Perjanjian Perdagangan Bebas.

Tuan Yang di-Pertua, isu pelaburan. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar membangkitkan bahawa pelaburan oleh syarikat-syarikat besar kebanyakannya tertumpu di Pantai Barat seperti Selangor dan Kuala Lumpur sahaja. Manakala pelaburan di negeri-negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak kurang daripada 10 peratus. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar 20 peratus pelaburan asing baru yang diluluskan oleh MITI diagihkan ke negeri-negeri di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2007 hingga 2011, sejumlah RM59 bilion pelaburan dalam sektor perkilangan telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, RM165 bilion iaitu 64 peratus merupakan pelaburan asing manakala RM94 bilion, 36 peratus adalah pelaburan domestik. Bagi tempoh tersebut, lima buah negeri yang menerima pelaburan asing tertinggi adalah negeri Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Johor dan Kedah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM123 bilion atau 74.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing. Pelaburan asing di negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang, Sabah dan Sarawak pula adalah sebanyak RM45 bilion iaitu 26.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing negara.

Walaupun begitu, bagi tempoh Januari hingga September 2012 pula, sejumlah RM32 bilion pelaburan dalam sektor perkilangan telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, RM16 bilion bersamaan 50 peratus merupakan FDI, manakala RM16 bilion juga 50 peratus merupakan DDI iaitu *Domestic Direct Investment*. Bagi tempoh tersebut, lima buah negeri yang menerima pelaburan asing tertinggi adalah negeri Sarawak, Johor, Terengganu, Selangor dan Perak dengan jumlah pelaburan bernilai RM12 bilion iaitu 75 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing. FDI di negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan juga Sabah dan Sarawak pula adalah sebanyak RM7 bilion iaitu 43.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan FDI yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk menempatkan sesebuah projek di mana-mana negeri di Malaysia adalah terpulang kepada para pelabur berdasarkan kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh pelabur itu sendiri. Antara faktor utama yang dipertimbangkan oleh para pelabur termasuklah kewujudan prasarana terbina seperti taman teknologi tinggi, taman perindustrian, zon perindustrian bebas serta kewujudan institusi pengajian tinggi tempatan dan pusat penyelidikan, kemudahan utiliti, kemudahan rangkaian pengangkutan dan kewujudan *cluster industry* tempatan untuk menyokong kelancaran operasi projek dalam urusan pembekalan bahan mentah, komponen dan perkhidmatan oleh vendor tempatan.

Oleh yang demikian, pada kebiasaannya negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Kedah merupakan pilihan utama para pelabur asing memandangkan negeri-negeri ini pada relatifnya mempunyai prasarana perindustrian yang mampan serta *cluster industry* sedia ada. Walau bagaimanapun, pembangunan wilayah-wilayah koridor dengan tawaran insentif yang lebih menarik dapat meningkatkan paras pelaburan di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar juga membangkitkan bahawa parti pembangkang menyatakan Kerajaan Pusat tidak memainkan peranan dalam menarik pelaburan asing ke negeri-negeri yang dikuasai oleh pembangkang. Dalam hal ini, beliau ingin mendapatkan penjelasan usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan oleh MITI dalam menarik pelabur terutamanya ke negeri Pulau Pinang, Selangor, Kedah dan Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha untuk memastikan momentum kemasukan pelaburan ke Malaysia termasuklah ke negeri Pulau Pinang, Selangor, Kedah dan Kelantan dapat dikekalkan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

■1900

- (i) memperkenalkan program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan, projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Program Transformasi Ekonomi;
- (ii) memperkenalkan 12 Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) yang dijangka menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia;

- (iii) menjalankan pelbagai aktiviti promosi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang lebih agresif bagi menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing;
- (iv) memperkenalkan pendekatan berfokus yang mana sasaran pelaburan asing ditumpukan untuk menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya dalam sektor yang mempunyai nilai tambah tinggi;
- (v) menubuhkan jawatankuasa pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU bagi memastikan koordinasi yang lebih baik di antara semua agensi kerajaan dan swasta; dan
- (vi) menyediakan bantuan kepada para pelabur melalui aktiviti *handholding*, dengan izin, bagi mengurangkan birokrasi, mempercepatkan urusan daripada agensi-agensi berkaitan dan meningkatkan kadar pelaksanaan projek yang telah diluluskan.

Daripada segi pemberian insentif bagi menggalakkan pelaburan pula, kerajaan sentiasa mengkaji semula insentif-insentif sedia ada dari semasa ke semasa untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi. Pada masa ini, insentif utama yang ditawarkan kepada para pelabur termasuklah taraf perintis atau elaun cukai pelaburan bagi tempoh masa sehingga sepuluh tahun. Di samping itu, kerajaan juga menawarkan pelbagai insentif khas di bawah skim galakan istimewa atau *customize scheme incentive*, dengan izin, termasuk geran latihan dan geran penyelidikan bagi R&D bagi projek-projek terpilih.

Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim juga ingin mengetahui apakah langkah-langkah untuk memastikan pemindahan teknologi dilaksanakan hasil daripada pelaburan asing di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, projek-projek pelaburan yang diluluskan insentif adalah dikenakan beberapa syarat bagi memastikan terdapat pemindahan teknologi. Antara syarat utama yang dikenakan adalah:

- (i) nilai ditambah tinggi sebanyak 40 peratus;
- (ii) peratusan perbelanjaan R&D sebanyak 1 peratus daripada nilai jualan kasar;
- (iii) indeks kakitangan sains dan teknikal sebanyak 15 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga syarikat; dan
- (iv) indeks pengurusan teknikal dan penyeliaan sebanyak 25 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga syarikat.

Bagi projek-projek khas dalam subsektor yang dikenal pasti yang diluluskan insentif di bawah Skim Galakan Istimewa, bantuan kewangan dalam bentuk R&D dan geran latihan juga ditawarkan untuk melatih pekerja rakyat Malaysia. Geran-geran ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pemindahan teknologi kepada pekerja tempatan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin telah mengalukan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Justeru itu, beliau ingin mengetahui bagaimana jumlah pelaburan dapat ditingkatkan oleh pihak kerajaan dan swasta dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pembentukan modal tetap kasar atau *gross fixed capital formation*, dengan izin, bagi tempoh Januari hingga September 2012, jumlah pelaburan swasta yang direalisasikan adalah sebanyak RM93 bilion iaitu meningkat 25peratus daripada jumlah pelaburan yang direalisasikan bagi tempoh yang sama pada tahun 2011. Jika diperhatikan jumlah pelaburan swasta yang direalisasikan sepanjang sembilan bulan pertama 2012 ini telah pun mencapai 98 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan swasta bagi keseluruhan tahun 2011 iaitu RM94.9 bilion.

Paras pelaburan yang tinggi ini telah pun mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak sekali gus mengurangkan kadar pengangguran di negara ini. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2012, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan telah mewujudkan 56,426 peluang pekerjaan manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2012, pelaburan dalam sektor perkhidmatan pula telah mewujudkan 32,940 peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai pula meminta SME Corp. lebih proaktif dalam membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari kepentingan PKS sebagai salah satu sumber utama penjana ekonomi negara menjelang tahun 2020 seperti mana disasarkan dalam Pelan Induk PKS 2012 hingga 2020. Pelan induk tersebut merupakan *game changer* dalam mempercepatkan pertumbuhan PKS dan pelaksanaannya dalam semua sektor industri, gender, geografi dan latar belakang etnik. Falsafah pelaksanaan pelan induk tersebut adalah selari dengan objektif model baru ekonomi dan program transformasi negara yang menekankan pertumbuhan ekonomi yang *inclusive* dan seimbang di seluruh negara.

SME Corp. Malaysia selaku agensi penyelarasan pusat bagi pembangunan PKS di Malaysia dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dan pencapaian pelan induk tersebut. Kerjasama dan penyelarasan secara berterusan akan dibuat dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam membangunkan PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan. Usaha-usaha berterusan dilaksanakan oleh SME Corp. antaranya ialah:

- (i) melaksanakan *SME Comparativeness Rating for Enhancement*, dengan izin, atau lebih dikenali sebagai SCORE yang merupakan sistem diagnostik untuk mengukur kelemahan dan kekuatan PKS melalui penarafan bintang atau *star rating*, dengan izin;
- (ii) menyediakan dasar laluan hijau yang memberikan pelbagai keistimewaan kepada PKS yang berinovatif dan berpotensi tinggi;
- (iii) memperkenalkan program pembangunan jenama PKS untuk meningkatkan penampilan produk PKS tempatan supaya produk PKS mendapat tempat di pasaran luar negara;
- (iv) melaksanakan dua program bersepadu dan komprehensif iaitu *Business Accelerator Program* (BAP) dengan izin dan *Enrichment and Enhancement Program* (EEP), dengan izin, bertujuan untuk meningkatkan pembangunan PKS secara menyeluruh;
- (v) melaksanakan *Program Internship PKS University* yang membantu PKS meningkatkan keupayaan dalam perniagaan daripada aspek pengurusan, pengeluaran, pemasaran perakaunan serta teknologi maklumat dan komunikasi dengan khidmat nasihat daripada tenaga pengajar universiti dan juga bakal graduan; dan
- (vi) melaksanakan Program Rantainya Industri bagi memastikan PKS tempatan berpeluang mengambil bahagian dalam projek-projek pembangunan mega.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin bertanya apakah langkah yang diambil oleh MITI bagi meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK negara. Kerajaan sentiasa mengutamakan pembangunan sektor PKS sebagai satu agenda nasional yang penting kerana PKS merangkumi 97.3 peratus daripada keseluruhan syarikat berdaftar.

Pada tahun 2011, sektor PKS menyumbang sebanyak 32.5 peratus daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) iaitu 57.3 peratus kepada guna tenaga dan 19 peratus kepada eksport. Antara inisiatif utama yang diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan pendekatan yang menyeluruh dalam membangunkan PKS adalah dengan menubuhkan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) pada tahun 2004 yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ahli-ahlinya terdiri daripada Menteri-Menteri dan ketua-ketua agensi yang berkenaan.

SME Corp. Malaysia selaku urus setia MPPK juga telah merangka Pelan Induk PKS 2012-2020 dan diluluskan oleh MPPK pada Julai 2012 dan pelan ini yang merangkumi enam program berimpak tinggi dan 26 inisiatif lain adalah bertujuan untuk melonjakkan sumbangan PKS kepada KDNK serta menghasilkan beberapa juara nasional serantau dan global. Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan pelbagai program untuk PKS melalui pelbagai kementerian dan agensi. Pada tahun 2012 sahaja sebanyak 144 program telah dilaksanakan dengan peruntukan kewangan RM14.8 bilion yang dijangka memberi manfaat kepada 487,871 PKS. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan program capaian supaya PKS mendapat manfaat daripada program-program sedia ada.

Yang Berhormat Senator Datuk Chiw Tiang Chai ingin mendapat penjelasan mengenai kelembapan kelulusan bayaran oleh SME Bank. Beliau mencadangkan MITI dan Bank Negara Malaysia mengadakan perbincangan untuk membantu PKS yang sukar mendapatkan pinjaman berikutan syarat-syarat yang ketat digunakan.

■1910

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai institusi kewangan yang dipantau oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, SME Bank mengamalkan proses perbankan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Pihak SME Bank sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dalam pemprosesan permohonan pembiayaan dan mempercepatkan penyampaian produk dan perkhidmatan kepada pelanggan. Pelbagai inisiatif penambahbaikan telah dilaksanakan.

Antaranya menyediakan borang permohonan yang mesra pelanggan dan memperkenalkan akses permohonan atas talian. Pihak SME Bank juga turut menyediakan senarai semak dokumen yang diperlukan sebagai panduan kepada pelanggan dalam mengemukakan permohonan. Selain daripada itu, proses penilaian dan kelulusan telah dipertingkatkan melalui penyusunan semula struktur kuasa meluluskan bertujuan untuk mempercepatkan proses membuat keputusan.

Pihak SME Bank juga telah mengembangkan jaringan perbankannya dengan menubuhkan pusat *enterprise* di bandar-bandar baru, pusat *enterprise* di UTC seperti di Melaka, Pudu Sentral dan akan datang di UTC Ipoh dan *business centre* yang baru yang lebih inovatif bagi membolehkan lebih ramai usahawan PKS dapat dibantu. Bagi tempoh bulan Januari hingga bulan Oktober 2012, purata tempoh yang diambil daripada tarikh permohonan lengkap diterima sehingga tarikh keputusan permohonan adalah sekitar 16 hari bekerja berbanding tempoh yang ditetapkan oleh piagam pelanggan sebelum ini iaitu selama 30 hari bekerja.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah meminta MITI menafikan penglibatan Malaysia dalam hubungan perdagangan dengan Israel. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dan ekonomi secara rasmi dengan Israel. Perdagangan antarabangsa Malaysia lazimnya dikendalikan oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNC) melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*international supply change*), dengan izin, mereka. Ini merupakan amalan perniagaan antarabangsa yang berada di luar kawalan kerajaan.

Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada pihak MITI dan kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menyertai perbincangan kali ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh bertanya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya cuma hendak mendapat pandangan oleh kementerian tentang isu-isu yang negatif berkaitan dengan Lynas dan..

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah soalan Yang Berhormat ini berkenaan dengan soalan yang telah dikemukakan?

Dato' Lim Nget Yoon: Ya, ya, sebab Lynas dan *cyanide gold mining* itu memanglah pelaburan asing yang ditarik ke dalam negara kita. Jadi, apakah pandangan kementerian tentang isu itu?

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Senator Lim di atas soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengamalkan prosedur-prosedur yang ketat untuk meluluskan sebarang permohonan pelaburan. Prosedur-prosedur ini mengandungi syarat-syarat yang bertaraf antarabangsa dan sekiranya syarikat-syarikat yang memohon itu memenuhi setiap syarat-syarat ini, maka kita biasanya akan meluluskan permintaan tersebut.

Jadi dalam hal Lynas dan yang lain-lain ini termasuklah syarikat-syarikat yang memproses bahan-bahan kimia dan sebagainya, diluluskan setelah mereka memenuhi segala piawaian yang telah ditetapkan. Atas sebab itu, pihak MITI tidak lagi ada sebarang masalah dalam soal mengeluarkan kelulusan. Setakat ini yang kita lakukan melalui saya ingat kementerian-kementerian lain termasuklah pihak MOSTI ialah memantau agar syarikat-syarikat tersebut sentiasa mematuhi setiap syarat yang dikenakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya saya mempersilakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

7.15 min.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkaitan dengan isu-isu di bawah kementerian di sepanjang sesi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2013.

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, MOSTI bertanggungjawab menerajui agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara menerusi pembiayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan ataupun singkatannya R,D&C juga perkhidmatan sains dan pembudayaan (STI). Selain mempergiatkan usaha penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C), MOSTI pada tahun 2012 telah menerajui pelaksanaan lebih 500 program di bawah sains dan gerakan inovasi Malaysia 2012 (SDI 2012) dengan program kemuncaknya *World Innovation Forum Kuala Lumpur* atau singkatannya WIF-KL yang menarik penyertaan lebih 15,000 delegasi.

Tahun 2012 juga menyaksikan pelancaran digital Malaysia ke arah penyediaan ekosistem aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara lebih menyeluruh dan bio ekonomi Malaysia bakal melonjakkan industri bio teknologi negara ke tahap yang lebih tinggi. Bagi tahun 2013, MOSTI telah juga diberi mandat oleh kerajaan untuk menerajui inovasi inklusif seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2013.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi perbincangan, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin ingin mendapatkan kepastian berhubung dakwaan yang menyatakan bahawa Lynas enggan membawa keluar sisa-sisa daripada residu yang telah diproses. Yang Berhormat Senator juga ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh pihak kementerian kerana dalam terma-terma perjanjian asal menyatakan bahawa sisa tersebut perlu dibawa keluar dari Malaysia.

Saya tidak berhajat untuk menjawab sebarang soalan berkaitan dengan projek *Lynas Advance Material Plant* (LAMP) memandangkan pada ketika ini projek ini sedang dalam proses mahkamah. Memadai saya nyatakan bahawa kerajaan telah menjelaskan melalui kenyataan media terkini pada 12 Disember 2012 bahawa pendirian kerajaan tidak berubah untuk meminta Lynas menghantar residu berkenaan yang dihasilkan oleh *Lynas Advance Material Plant* keluar dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul telah membangkitkan berhubung pembangunan inklusif dalam fokus ketiga Bajet 2013 yakni membudayakan inovasi, meningkatkan produktiviti dan siapakah kumpulan sasar inovasi inklusif serta bagaimanakah MOSTI mengenal pasti inovasi yang telah dihasilkan oleh masyarakat akar umbi serta membantu mereka dalam mengkomersialkan hasil inovasi tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kumpulan sasar program inovasi inklusif adalah masyarakat peringkat akar umbi atau golongan terpinggir dengan izin, *excluded group* termasuk wanita, belia dan beliawanis, golongan kurang upaya (OKU) serta golongan miskin- *bottom forty of the pyramid*, dengan izin.

Untuk makluman Dewan yang mulia, definisi Bank Dunia untuk inovasi inklusif adalah inovasi sama ada melibatkan teknologi mahupun bukan teknologi yang bertujuan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan berkualiti dengan kos yang rendah untuk dimanfaatkan oleh golongan berpendapatan rendah yakni *bottom of the pyramid*. MOSTI akan bekerjasama dengan golongan ini untuk membantu mereka mengenal pasti inovasi-inovasi serta membantu mereka mendapat akses kepada produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

Program-program inovasi inklusif yang akan dilaksanakan sama ada secara *top-down* dengan izin, atau *bottom-up* akan memberi nilai tambah kepada cetusan idea dan hasil inovasi individu, masyarakat setempat, institusi atau syarikat. Dalam hubungan ini, program-program inovasi inklusif sedia ada seperti Jejak Inovasi dan juga TAPMOSTI@community akan diteruskan di samping program-program baru yang bakal dilaksanakan. Bagi hasil-hasil inovasi yang berpotensi untuk dikomersialkan, MOSTI dan agensi-agensinya bersedia membantu merealisasikannya. Bantuan yang telah, sedang dan tersedia, antaranya termasuklah:

■1920

Pertama, menjalankan penilaian teknikal kepada produk yang dihasilkan oleh individu mahupun komuniti. Kedua, menyelaraskan bantuan teknikal untuk menambah baik dan menambah nilai hasil inovasi akar umbi seperti khidmat nasihat, *mentoring* dan *coaching* dengan izin, *product refinement* dengan *workshop* ataupun bengkel untuk membuat bisnes dan *marketing plan*, menggunakan *business modul* untuk strategi dan hala tuju perniagaan. Ketiganya, membantu dalam usaha pengkomersialan hasil-hasil akar umbi melalui jawatankuasa di peringkat kementerian yang menilai produk-produk berdasarkan ulasan pakar-pakar dalam meningkatkan nilai tambah produk termasuk kualiti pemrosesan produk, mekanisasi penghasilan produk, pensijilan dan piawaian, penjenamaan dan pembungkusan. Sekiranya hasil-hasil inovasi ini didapati berpotensi untuk dibangunkan ke peringkat pra pengkomersialan, pereka cipta hasil inovasi berkenaan boleh memohon bantuan dana *ino-fund* dan *techo-fund*. Di samping itu, mereka boleh dibantu daripada segi *packaging* dan *branding* oleh agensi seperti SIRIM Berhad.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya berhubung perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa MOSTI. Bagi mengakhiri penggulungan ini, saya mengucapkan terima kasih atas segala teguran dan saranan Ahli Yang Berhormat yang mana semuanya akan diberi perhatian serius oleh MOSTI dan tindakan susulan sewajarnya akan diambil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjawab. Saya mempersilakan menterinya. Sila Yang Berhormat Menteri.

7.21 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 peringkat dasar di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat membangkitkan isu bayaran fi masuk FRIM yang menurut beliau adalah agak tinggi serta program kesedaran mengenai kepentingan hutan untuk pelawat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FRIM mengenakan fi masuk sebanyak RM1 sahaja. Namun demikian, bayaran tambahan akan dikenakan sekiranya pelawat memerlukan lain-lain perkhidmatan seperti titian kanopi, jurupandu dan tapak perkhemahan. Asas-asas bayaran tersebut adalah pertama, bagi menampung sebahagian kos operasi, penyelenggaraan dan pemantauan untuk memastikan keselamatan, keselesaan dan kualiti perkhidmatan pelawat dan kedua, bagi tujuan kawalan keselamatan dan pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti hutan atau *the carrying capacity*, dengan izin.

FRIM telah melaksanakan pelbagai program aktiviti kesedaran dan pendidikan alam sekitar yang melibatkan pelbagai peringkat masyarakat secara percuma termasuklah kepada pelajar universiti, sekolah-sekolah dan juga prasekolah. FRIM turut melatih guru-guru untuk menjalankan sendiri aktiviti pendidikan alam sekitar bersama murid-murid.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud membangkitkan isu kesedaran pemuliharaan hutan dan menyarankan supaya aktiviti penanaman pokok dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa melaksanakan pelbagai program kesedaran pemuliharaan dan pemuliharaan hutan di seluruh negara. Antaranya ialah melalui kempen menanam 26 juta pokok yang menyasarkan penanaman 26 juta pokok menjelang tahun 2014. Di mana sehingga bulan Oktober 2012, sebanyak 38.35 juta pokok dengan keluasan lebih kurang 47,600 hektar telah ditanam di seluruh negara. Ia telah melebihi sasaran yang ditetapkan.

Di samping itu, pelbagai program dan aktiviti pemuliharaan dan pemuliharaan hutan turut dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan, syarikat-syarikat swasta, universiti-universiti, masyarakat tempatan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin menyarankan agar JTSM mengambil tegas dalam memastikan negeri-negeri tidak melebihi had yang ditetapkan dalam penebangan hutan dan perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Hutan terlebih dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Malaysia, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa meluluskan sesuatu lesen pengusaha hasilan atau pembalakan di negeri masing-masing. Namun begitu, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memastikan sumber hutan diuruskan secara mampan melalui pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara berkekalan atau *sustainable forest management* dilaksanakan secara berkesan.

Pihak kementerian sentiasa memantau agar semua negeri mematuhi catuan tebangan tahunan (CTT) bagi kawasan hutan pengeluaran dalam hutan simpan kekal sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara (MTN). Antara kaedah pemantauan yang dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Pemantauan Operasi Hutan yang diadakan secara berkala setiap suku tahun;
- (ii) pelaporan status pematuhan CTT dalam Majlis Tanah Negara; dan
- (iii) proses pengauditan dalam pensijilan hutan melalui *Malaysia Criteria and Indicators* (MCNI) dan pelaksanaan dokumen kualiti MSISO 9001, 2008, JTSMPK(P) hutan 01CTT, pemantapan dan pemantauan CTT.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus membangkitkan isu larangan nelayan tradisi menangkap ikan di perairan Labuan iaitu Pulau Damai Laut, Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil yang telah diisytiharkan sebagai Taman Laut.

Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil yang telah diwartakan sebagai Taman Laut dalam tahun 1994. Namun demikian, pewartaan ini telah disemak dan diwartakan semula dalam tahun 2000 yang mana perairan yang diwartakan diubah dari dua batu nautika kepada satu batu nautika sahaja. Pulau Damar Laut tidak diwartakan sebagai Taman Laut dan dengan yang demikian tidak berada di bawah jurisdiksi taman laut.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hanya mengambil alih urus tadbir Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan daripada Jabatan Perikanan Malaysia pada tahun 2004. Jawatan bagi organisasi Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan hanya diluluskan dalam tahun 2007 semasa tertubuh Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) yang diisi dalam tahun 2009.

Larangan penangkapan ikan di bawah seksyen 43(1), Bahagian IX, Akta Perikanan Tahun 1985 dikuatkuasakan sepenuhnya apabila wujud Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan dan penempatan bot peronda jabatan. JTLM menyedari bahawa penubuhan taman laut...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, masih banyak lagikah Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya barangkali ada lima minit untuk saya boleh siapkan. Jadi saya boleh teruskan sehingga siap.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, saya lanjutkan selama lima minit. Lima minit sahaja Yang Berhormat Menteri. Kalau dapat, kurangkan lagi. Terima kasih. Teruskan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. JTLM menyedari bahawa penubuhan taman laut menjejaskan cara hidup tradisional penduduk tempatan khususnya penduduk yang menetap di pulau-pulau taman laut. Oleh kerana itu, khas untuk Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan, JTLM telah melabuhkan 100,000 unit peranti pemeliharaan biodiversiti di luar perairan taman laut untuk tujuan memancing pada tahun 16 November tahun ini.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk memansuhkan hak milik sementara ke atas tanah dan bila ia akan dilaksanakan serta berapakah jumlah kes tertunggak hak milik sementara pada hak milik tetap.

Cadangan untuk memansuhkan hak milik sementara atau *qualify title* adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, pemansuhan hak milik sementara akan memberikan implikasi positif dan negatif yang mana ia memerlukan kajian secara mendalam dengan mengambil kira keperluan teknikal sistem dan sumber manusia. Statistik semasa bagi seluruh negara menunjukkan bahawa baki tunggakan yang masih ada ialah sebanyak 520,000 hak milik sementara. Jumlah hak milik sementara yang masih tinggal ini mewakili lebih kurang 11 peratus daripada keseluruhan jumlah hak milik sementara yang tertunggak.

Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai dan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang membangkitkan isu kelewatan pengeluaran hak milik strata masing-masing di negeri Melaka dan Johor. Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai juga mengatakan antara punca kelewatan ialah perbezaan keluasan tetap serta yang diberi pemaju dengan keluasan yang disemak oleh penduduk yang disahkan oleh JUPEM. Beliau juga menyorotkan beberapa kes di negeri Melaka yang masih belum ada strata.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu kelewatan dan kegagalan memohon 'paksa bahagi' bangunan merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 8, Akta Hak Milik Strata 1985. Seperti mana saya telah jawab dalam satu perbahasan Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012 di Dewan yang mulia ini pada 4 Disember 2012 dan semasa menjawab soalan lisan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang pada 12 Disember 2012, terdapat tiga masalah. Masalah utama yang dikenal pasti ialah masalah tanah, masalah bangunan dan masalah pemilik tanah pemaju.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Chih Tiang Chai, berdasarkan maklumat yang diterima daripada pentadbiran tanah negeri Melaka, sebanyak 24,762 petak telah dikeluarkan hak milik strata manakala 169 petak dalam proses pengeluaran hak milik strata oleh Pejabat Tanah dan Galian Melaka. Adalah dianggarkan sebanyak 149 skim masih belum memohon hak milik strata.

Berhubung isu perbezaan keluasan petak strata yang menjadi punca kelewatan pengeluaran hak milik strata yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Chih Tiang Chai ia boleh berlaku jika kawasan-kawasan seperti '*planter boxers*'....

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh gulung Yang Berhormat. Satu minit lagi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Oleh kerana ada sedikit lagi, kalau boleh oleh sebab kesuntukan masa ini saya minta keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab secara bertulis sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya fikir bolehlah Yang Berhormat. Buat secara bertulis ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Secara bertulis. Okey nanti saya buat jawapan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak sempat untuk menjawab pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 17 Disember 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.35 malam]